



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



LAPORAN TAHUNAN 2018

"CEPAT DAN MESRA"



www.bomba.gov.my



KANDUNGAN

Kata Alu-aluan Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan
Penyelamat Malaysia

4



Visi, Misi, Nilai Teras dan Peranan

Jabatan Bomba dan
Penyelamat Malaysia

11

Pelan Strategik dan Moto

Jabatan Bomba dan
Penyelamat Malaysia

11



Pengurusan Tertinggi

Jabatan Bomba dan
Penyelamat Malaysia

12



Carta Organisasi

Jabatan Bomba dan
Penyelamat Malaysia

18

Pencapaian

20

Pembangunan Modal Insan

118



Pengiktirafan dan Penganugerahan

138

Program Bahagian- Bahagian

141

Program Utama Jabatan

209

KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH

YAS DATO' MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ. WAHID

Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



“ Tahun 2018 adalah merupakan tahun yang mencabar kepada setiap warga JBPM yang mana ianya dipenuhi dengan pelbagai pencapaian peristiwa serta kejadian yang menguja semangat, emosi dan kemampuan kita. ”

Tahun 2018 adalah merupakan tahun yang mencabar kepada setiap warga JBPM yang mana ianya dipenuhi dengan pelbagai pencapaian peristiwa serta kejadian yang menguja semangat, emosi dan kemampuan kita.

Tahun 2018 telah kita tinggalkan dengan pelbagai kenangan, pahit, manis, suka dan duka. Pastinya, antara peristiwa yang tidak dapat kita lupakan adalah tragedi kes lemas di Puchong, Selangor yang telah mengorbankan enam (6) orang pegawai jabatan dan seterusnya kematian PBK II Muhammad Adib bin Mohd Kassim dalam operasi pemadaman kebakaran di Kuil Sri Maha Mariamman, Subang Jaya, Selangor. Sesungguhnya dua insiden yang berlaku ini meninggalkan kesan yang amat mendalam bukan sahaja kepada warga jabatan malah kepada seluruh rakyat di Negara ini. Namun, peristiwa tragis ini langsung tidak melunturkan semangat kita untuk terus menghulurkan perkhidmatan dengan lebih cemerlang kepada setiap lapisan masyarakat. Amanah, tanggungjawab dan kepercayaan yang diberikan kepada setiap warga jabatan ini akan terus digalas secara profesional, sejajar dengan nilai teras perkhidmatan kebombaanan serta menjadi model yang terbaik dalam era Perkhidmatan Awam masa kini. Kita akan terus mengingati rakan-rakan kita yang telah gugur semasa bertugas, dan sentiasa memanjatkan

doa semoga Allah SWT menempatkan mereka di kedudukan yang tinggi bersama golongan yang beriman.

Kedua-dua peristiwa ini mengingatkan kita agar jangan sekali-kali kita mengambil mudah terhadap *environment*/ persekitaran yang sentiasa berubah, aspek keselamatan diri dan kita perlu sentiasa bersedia dengan sebarang risiko dan kemungkinan yang akan dihadapi atau yang akan berlaku semasa sesuatu operasi. Walaupun kita diiktiraf pakar dalam tugas yang diamanahkan, dilengkapi dengan peralatan dan SOP yang ditetapkan, namun kita perlu sentiasa berwaspada dan pada masa yang sama harus terus memantapkan keupayaan dan kemahiran bagi memastikan perkara seumpama ini tidak akan berlaku lagi di masa hadapan.

Saya berasa amat bersyukur kerana kekuatan serta perpaduan yang kukuh disulami dengan semangat kerjasama dan komitmen yang utuh dan hebat setiap lapisan kakitangan JBPM berupaya melalui saat getir berkenaan dengan tabah dan kusyuk tanpa ketempangan yang nyata apatah bersifat pra sangka dalam menghulurkan khidmat bakti kepada bangsa dan negara.

Panggilan Kecemasan 2018

Pada tahun 2018, JBPM telah menghadiri sebanyak **110,150** panggilan kecemasan di mana **59,155** (53.70%) daripadanya adalah panggilan penyelamatan, **36,758** panggilan kebakaran, **13,874** panggilan khidmat khas dan **363** panggilan palsu. Daripada jumlah ini, purata panggilan yang diterima oleh JBPM adalah **302** sehari. Jumlah keseluruhan panggilan kecemasan (*Emergency Calls*) menunjukkan **peningkatan** sebanyak **26.64%** berbanding **86,982 kes** pada tahun 2017. Daripada jumlah ini, negeri Selangor mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 20,753 kes diikuti dengan negeri Sarawak 20,206 kes dan negeri Johor 13,075 kes.

Panggilan kecemasan melibatkan operasi penyelamatan meningkat sebanyak 7.78% berbanding sebanyak **54,884** pada tahun 2017. Perkembangan ini dipercayai berpunca dari kepelbagaian kemalangan domestik dan industri, dan sebahagiannya adalah akibat bencana alam yang merupakan fenomena global pada hari ini. Ini termasuklah juga kemalangan di tempat kerja, kemalangan jalan raya, kemalangan di tempat rekreasi dan aktiviti di air. Negeri yang paling kerap menerima panggilan kes penyelamatan adalah Negeri Selangor iaitu 13,295 panggilan diikuti Negeri Johor (7,759) dan Negeri Sarawak (5,819).

Kematian, Kemusnahan Harta Benda dan Harta Diselamatkan

Jumlah kematian akibat kebakaran adalah sebanyak 97 orang, menunjukkan penurunan berbanding 147 berbanding tahun 2017. **Taksiran kerugian** dan **kemusnahan harta benda pula** adalah sebanyak **RM3.3 billion** iaitu **penurunan** sebanyak **36.35%** berbanding **RM5,211,971,591.16** tahun 2017. **Manakala taksiran harta yang diselamatkan** ialah **RM28 billion**, berbanding **RM50.9 billion** pada tahun sebelumnya.

Response Time

Pada tahun 2018, pencapaian KPI **Response Time** menghadiri panggilan kecemasan dalam tempoh kurang dari 10 minit (standard ditetapkan) adalah sebanyak **48%** berbanding **47%** pada tahun 2017. Tahun ini, kita mensasarkan KPI ditingkatkan kepada **48.5%**. Saya yakin sasaran ini akan dapat dicapai memandangkan pada tahun ini dijangka lebih banyak Pusat Kebomgaan diwujudkan termasuklah Balai Bomba baru siap dibina dan mula beroperasi sebagai tambahan kepada **296** buah balai bomba sedia ada. Selain daripada itu, pewujudan 16 *fire post* di lokasi-lokasi strategik di seluruh negara memberi perlindungan tambahan mengikut keperluan semasa agar tahap pencapaian *response time* terus diperbaiki.



Penerbangan Udara

Pada tahun 2018, jumlah keseluruhan **operasi penerbangan** yang telah dilaksanakan jabatan adalah sebanyak **462** iaitu meningkat sebanyak **14%** berbanding 374 *sortie* pada tahun 2017. Sebanyak **231** melibatkan **penerbangan operasi pengendalian pengurusan bencana alam, medivac, penerbangan ehsan dan pengangkutan kebomgaan udara**. Menjelang tahun 2020 pengoperasian udara secara menyeluruh akan dikendalikan oleh juruterbang dalaman jabatan. Dalam hal ini JBPM telah mengemaskini **Manual Training and Categorisation Instruction (TCI), Manual Keselamatan Udara, kurikulum kursus peralihan helikopter bagi kuartermaster dan juruterbang** serta melaksanakan **kursus rescue swimmer kepada Pasukan Khas Udara Bomba (PASKUB)**. Jabatan juga akan menambah bilangan juruterbang dengan menghantar semula pelatih bagi menyambung kursus asas juruterbang selain menghantar seorang juruterbang bagi mengikuti Kursus Jurulatih Penerbangan bagi pesawat Mi-17. Dengan tambahan sebanyak 2 buah lagi helikopter baru jenis AW189, tahap perkhidmatan jabatan akan dapat diperkemaskan dan dipertingkatkan lagi pada masa hadapan, disamping perencanan pembangunan pangkalan udara yang terkini.

Keselamatan dan Pencegahan Bahaya Kebakaran

"Prevention is the best strategy in Fire Safety". Bagi **mengurangkan bahaya kebakaran**, sebanyak **16,415** premis telah diperiksa pada tahun 2018 dan 12,559 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran telah dikeluarkan kepada 1,765 premis atas pelbagai jenis kesalahan bahaya kebakaran. **212 kes** telah dibawa ke mahkamah dan dikenakan denda sebanyak **RM 371,150** bagi **kes pelanggaran undang-undang berkaitan keselamatan bangunan**. Selain itu, sebanyak **719 Notis Tawaran Untuk Mengkompaunkan Kesalahan** juga telah dikeluarkan.

Penyiasatan Kebakaran

Pada tahun 2018, sebanyak **6,626** kes kebakaran struktur telah disiasat dan **4,369** kes atau **65.94%** daripadanya melibatkan rumah kediaman. Angka ini menunjukkan **peningkatan** sebanyak 673 kes atau 0.68% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2017. Sumber nyalaan utama yang menjadi pencetus kepada kebakaran di rumah kediaman adalah **akibat elektrik** iaitu sebanyak **3,893** kes, **peningkatan** sebanyak **702 kes atau 20%** berbanding tempoh yang sama pada tahun 2017.

Bagi kes **Sengaja Dibakar** pula, sebanyak 267 kes dicatat sehingga Disember 2018. Jika dibandingkan dengan tahun 2017, terdapat peningkatan sebanyak 2 kes bagi punca Sengaja Bakar. Walaupun peningkatan kes ini dilihat agak kecil, namun gejala ini perlu diberi perhatian serius kerana ianya mencerminkan elemen pencerobohan status keselamatan yang serius dan boleh mendatangkan impak yang negatif sekiranya ia tidak dibendung. Pada masa kini, kebakaran sering dijadikan modus operandi bagi menghapuskan bukti jenayah seperti kejadian rompakan dan pembunuhan. Oleh itu, setiap laporan kes Sengaja Dibakar perlu diserahkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan kadar segera untuk siasatan lanjut.

Selari dengan itu, Bahagian Siasatan Kebakaran telah memeterai **Nota Kerjasama (NoU) antara JBPM dengan Polis Di-Raja Malaysia (PDRM)** pada 26 Januari 2018. Pemeteraian ini merupakan satu langkah inisiatif kolaborasi yang penting, dan menjadi titik tolak jalinan strategik bagi melancarkan lagi proses pengendalian kes-kes penyiasatan kebakaran yang melibatkan unsur-unsur jenayah dan seumpamanya. Penemuan saintifik forensik kebakaran telah membantu merungkai dan menyelesaikan kes-kes jenayah di bawah bidang kuasa pihak PDRM. Pada tahun ini jabatan akan meneruskan kerjasama dengan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, bagi merencanakan kursus-kursus yang melibatkan siasatan jenayah, soal siasat saksi dan kursus fotografi forensik.

Kelulusan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Pindaan) 2018

Hasil daripada kerja keras dan komitmen semua pihak, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Pindaan) 2018 telah pun diluluskan dan telah berkuatkuasa bermula 1 September 2018. Akta selepas pindaan ini lebih komprehensif dengan memasukkan peruntukan baharu berkaitan Pegawai Bomba Sukarela, penubuhan Pasukan Bomba Sukarela dan Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK) di Premis Ditetapkan. Selain itu nilai penalti bagi pelanggaran di bawah akta juga telah dinaikkan sehingga RM50,000.00.

Pada masa yang sama, jabatan sedang meneroka peluang kerjasama dengan beberapa agensi luar seperti **Universiti DRB-HICOM** dalam bidang *vehicle fire*, dengan pihak hospital dalam bidang **Medical Forensic** dan pihak **Association of Malaysian Loss Adjuster (AMLA)** berkaitan piawaian taksiran kerugian akibat kebakaran. Selain itu, Jabatan akan mewujudkan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert - SME*) kepada Pegawai Penyiasatan Kebakaran yang berkepakaran untuk dijadikan sebagai pegawai rujuk dari dalam dan luar organisasi. Jabatan turut berusaha untuk mendapatkan akreditasi ISO 17025:2017 bagi kesemua sembilan (9) buah Makmal Penyiasatan Kebakaran seluruh negara supaya hasil analisis makmal menepati piawaian antarabangsa.

Pembangunan Latihan dan Modal Insan

Pada tahun 2018, JBPM telah melaksanakan 868 program latihan yang melibatkan 29,342 peserta dan peruntukan sebanyak RM13,640,228.88. Sejumlah RM12,958,228.00 telah diperuntukkan bagi pelaksanaan 862 kursus di akademi-akademi bomba dan pusat-pusat latihan di negeri-negeri. Manakala selebihnya adalah program yang melibatkan kepakaran luar negara iaitu *Basic Public Safety Diver* dan *Rospa Accredited Emergency Response Driver Training (ERDT)* kepada 90 orang pegawai.

Pada tahun 2019, peruntukan yang diluluskan bagi program latihan adalah berjumlah RM21,152,429.90 iaitu meningkat sebanyak 33.62% berbanding dari tahun 2018. Peruntukan ini akan digunakan bagi menampung sejumlah 792 kursus kepada 28,576 peserta merangkumi Pegawai Sepenuh Masa, Pasukan Bomba Sukarela, Pasukan Bomba Bantuan dan Pasukan Keselamatan Kebakaran.

Bagi meningkatkan keupayaan jabatan sebagai salah satu agensi utama dalam tugas-tugas penyelamatan di air, jabatan merancang untuk menjadikan Akademi Bomba dan Penyelamat Wilayah Timur sebagai Pusat Pentauliahan Persijilan Public Safety Diver bagi pegawai-pegawai bomba di seluruh negara. Oleh itu, satu kajian bagi membangunkan fasiliti seperti simulator latihan di air akan dibuat agar ianya dapat di manfaatkan sepenuhnya oleh jabatan. Pada masa yang sama, pembangunan Training Need Analysis di seluruh negara akan diperkemas bagi mengenalpasti keperluan kursus-kursus yang baharu dan bersesuaian dengan risiko semasa.

Dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang cemerlang, pada tahun 2018, jabatan telah berjaya memeterai beberapa MoU dengan pihak IPT iaitu antaranya di bawah Program **Master of Fire Engineering, USM** yang secara langsung memberi peluang kepada pegawai-pegawai JBPM melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Pada tahun ini, jabatan dijangka akan mencipta satu lagi sejarah baru apabila **Negara Mauritius** bercadang untuk memeterai satu MoU dengan JBPM bagi mengeratkan hubungan antara dua negara menerusi perkongsian khidmat kepakaran dalam bidang kebombaanan dan penyelamatan. Pengiktirafan yang diberikan ini menjadi pemangkin kepada jabatan untuk sentiasa meningkatkan mutu pembelajaran dan pengajaran selain memastikan perkhidmatan JBPM menjadi **benchmark** kepada rakan-rakan dari negara serantau.

Bagi memastikan **aspek kompetensi** pegawai sentiasa dikekalkan, latihan yang dirancang perlu berteraskan kepada peningkatan kemahiran dan kepakaran berkaitan teknik atau kaedah pengoperasian yang selari dengan teknologi terkini serta memenuhi keperluan pelanggan. Latihan bagi menangani kes-kes kecemasan seperti di sewer, terowong, silo, MRT, pelabuhan dan sebagainya perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa. Seiring dengan itu, prasarana pembelajaran, infrastruktur dan simulator latihan juga terus diperkasakan sebagai Pemacu Transformasi Organisasi selain menjadikan akademi-akademi bomba ini sebagai gedung imu kebombaanan dan sumber rujukan.

Pembangunan Balai dan Kelengkapan

Pada tahun 2018, jabatan telah menerima peruntukan Pembangunan (P43) sebanyak RM134,149,018.00 untuk tujuan pembinaan balai bomba baru, perolehan helikopter, jentera dan kelengkapan kebombaanan serta menaiktaraf dan pembelian bangunan yang melibatkan 48 projek sambungan dan 11 projek baru. Sebanyak 9 buah balai bomba baru telah berjaya disiapkan iaitu Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Tun Hussein Onn, Balai Bomba dan Penyelamat Aman Jaya, Pendang, Pokok Sena, Gemencheh, Seri Menanti, Penanti, Pagoh dan Kimanis serta Kompleks Kuarters Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, di Cheras, Kuala Lumpur. Jabatan juga telah selesai membuat perolehan 2 buah Helikopter Kategori Berat dan 19 buah jentera *Aerial Ladder Platform Tender* (ALPT). Pengoperasian Unit Pengesan juga telah berjaya dilaksanakan di Sabah dan Sarawak melalui penyediaan fasiliti bangunan, perolehan 28 ekor anjing pengesan berserta 3 buah jentera.

Dalam RMKe-11 *Rolling Plan* Keempat Tahun 2019 ini, jabatan telah menerima peruntukan tahunan bawah Pembangunan sebanyak RM122,035,500.00 yang akan digunakan untuk membiayai 19 buah projek sedia ada sambungan, 34 buah projek sedia ada baru dan 28 buah projek baru. 28 buah projek baru yang diluluskan ini merangkumi 14 projek balai bomba baru, 2 projek pengambilan bangunan, 2 projek pembinaan Akademi Bomba dan Penyelamat, 1 pembinaan bengkel kejuruteraan serta 9 projek menaik taraf bangunan. Pada tahun ini juga, dijangka 28 buah balai baru akan siap dan beroperasi di seluruh negara. Selain itu, jabatan juga akan melaksanakan 119 projek pembaikan kuarters dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM38 juta. Bagi meningkatkan keupayaan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan, jabatan akan membuat perolehan 50 Unit Kenderaan Bomba Sukarela (VFRV), 50 Unit Kenderaan Utiliti 4x4 dan 99 Unit *Rapid Intervention Motorcycle* (RIM) disamping perolehan *Personal Protective Equipment* (PPE), termasuk pakaian kalis api bagi anggota operasi kebombaanan.

Perancangan dan Penyelidikan

Jabatan turut berharap, satu hari nanti JBPM dapat menjadi peneraju kepada Teknologi Penyelidikan Kebombaan Negara. Jabatan telah mempelopori penyelidikan kebombaan dan keselamatan kebakaran dengan penggunaan pelbagai peralatan dan kelengkapan pengujian yang moden yang berkemampuan untuk menguji ketahanan sesuatu bahan atau produk agar mematuhi kehendak-kehendak keselamatan kebakaran (*fire safety compliance*). Pada tahun ini, pengoperasian fasiliti makmal dan peralatan pengujian akan dioptimumkan. Di mana Akreditasi *MS ISO 17025 : General requirements for competence of testing and calibration laboratories* daripada Jabatan Standard Malaysia akan diperolehi agar Pusat Penyelidikan Kebombaan ini akan mendapat pengiktirafan antarabangsa. Usaha-usaha turut dilakukan bagi menjadikan jabatan sebagai peneraju penyelidikan berkaitan *Fire Safety, Hazardous and Flammable Material* dan *CBRNE*.

Kerjasama dengan Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE), *Institution of Fire Engineers* (IFE), SIRIM Berhad dan universiti-universiti tempatan telah dijalankan bagi berkongsi kepakaran dan maklumat-maklumat penyelidikan, di samping kolaborasi dengan pihak *Underwriters Laboratory* (UL) Amerika Syarikat dan *Building Research Establishment* (BRE) United Kingdom. Inisiatif pintar dalam merealisasikan penghasilan produk inovasi telah dimulakan dengan giatnya dengan mendaftarkan hasil-hasil produk baru melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (myIPO) dan sehingga kini, sebanyak 11 produk telah didaftarkan untuk dipatenkan, 3 untuk rekabentuk industri dan pendaftaran cap dagangan.

Bahagian Pengurusan

Pada tahun 2019 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di bawah Peruntukan Mengurus (Dasar Sedia Ada) telah diperuntukan sebanyak **RM844,524,700** berbanding jumlah peruntukan sebanyak **RM908,507,600** pada tahun 2018. Peruntukan Bahagian JBPM pula **telah berkurang sebanyak 20.3%** dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM229,700,000** bagi tahun 2019 berbanding jumlah peruntukan sebanyak **RM288,087,000** pada tahun lepas.

Oleh itu, Jabatan hendaklah melaksanakan langkah-langkah penjimatan agar perbelanjaan jabatan adalah terkawal dengan langkah seperti berikut:

(a) Menyusun Semula Keutamaan Perbelanjaan

Jabatan hendaklah menyusun semula keutamaan perbelanjaan serta pengagihan peruntukan bagi perbelanjaan yang komited dan kritikal. Selain itu, warga jabatan perlulah mengawal ketat semua cadangan perbelanjaan bagi mengurangkan pembaziran. Pemantauan ke atas pelaksanaan program/aktiviti dan memastikan prestasi dilaporkan secara berkala agar objektif dan *outcome* yang dikehendaki dapat dicapai.

(b) Menghadkan Penganjuran Majlis

Penganjuran acara/majlis rasmi kerajaan hendaklah dihadkan dan mengutamakan majlis yang benar-benar perlu sahaja. Sekiranya perlu diadakan, warga jabatan hendaklah memastikan ianya dibuat secara sederhana dan penuh berkhemah.

Pengurusan Aset dan Stor Jabatan

Pada tahun ini, terdapat **peningkatan aset alih jabatan sebanyak RM229 juta** kepada **RM2.767 billion** berbanding RM2.238 billion pada tahun 2018. Bagi memastikan kesemua aset jabatan berada dalam keadaan siapsiaga, warga kerja jabatan perlu **memastikan proses penggunaan dan penyelenggaraan aset ini dilaksanakan tanpa gagal dan mengikut tempoh masa** yang telah ditentukan.

Pengurusan Sumber Manusia

Pada bulan April 2018 yang lalu, pihak **JPA telah meluluskan** waran perjawatan baharu sebanyak 622 perjawatan pelbagai grad. Kelulusan ini adalah bagi mengisi perjawatan di 29 buah balai yang baru siap. Jabatan akan memohon pertambahan perjawatan baru bagi tahun 2019 dan 2020 berdasarkan prestasi pembangunan balai-balai baru jabatan kelak.

Berikutan pertambahan perjawatan ini, jabatan dalam proses pengambilan pegawai bomba grad KB19 bagi mengisi kekosongan perjawatan sedia ada dan memastikan kelancaran operasi penyelamatan di jabatan ini tidak terjejas. Pengambilan pada tahun 2019 ini dijangka sehingga 1,200 orang. Ini termasuk urusan kenaikan pangkat pelbagai grad yang akan dilaksanakan sepanjang tahun ini. Jabatan akan melaksanakan pengisian penuh bagi semua grad sepanjang tahun 2019, termasuk grad kenaikan pangkat dan mengambil kira pegawai-pegawai yang dinaikkan pangkat secara *time based* berasaskan kecemerlangan bagi grad KB19, KB22, KB24 dan KB26.

Bahagian Kejuruteraan Jentera

Kecemerlangan perkhidmatan operasi kebomba dan penyelamatan pada masa ini turut didokong oleh **Bahagian Kejuruteraan Jentera** yang berperanan penting bagi memastikan kenderaan dan peralatan kebomba berenjin sentiasa berada dalam keadaan siapsiaga. Pada tahun 2018, sebanyak **20,181** kerja penyelenggaraan telah dilaksanakan meliputi servis, pembaikan dan kecemasan dengan kos **RM37.75** juta. Penekanan terhadap penyelenggaraan berjadual atau *preventive maintenance* sentiasa diberi perhatian dan dilaksanakan mengikut *Preventive Maintenance Plan* (PMP). Bahagian Kejuruteraan Jentera juga sentiasa meningkatkan kepakaran anggota terutama bagi penyelenggaraan kenderaan-kenderaan khas melalui kursus-kursus teknikal yang diadakan secara berkala di Akademi-Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia. Sehingga kini seramai 95 (70.3%) daripada 135 anggota mekanik telah mencapai SKM Tahap 3 berbanding 50% pada tahun 2017. Menjelang 2020, disasarkan kesemua anggota mekanik yang bertugas di bahagian ini akan mempunyai kelulusan SKM Tahap 3 sepenuhnya. Bahagian Kejuruteraan Jentera juga telah mempraktikkan kontrak bekalan alat ganti bermasa bagi memastikan bekalan sentiasa tersedia serta meminimalkan stok tidak bergerak.

Program Pendidikan dan Kesedaran Awam

JBPM akan meneruskan lagi program-program ke arah peningkatan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap pencegahan dan keselamatan kebakaran. Pada tahun 2018 JBPM telah melaksanakan sebanyak **6,594** ceramah, **6,204** demonstrasi, **2,331** pameran, **2,839** aktiviti pengungsian bangunan dan **351** aktiviti *mock drill*. Di antara kempen kesedaran yang ditekankan oleh jabatan adalah menyebarkan maklumat berkaitan keselamatan di air seperti di pusat rekreasi, tasik, sungai, jeram dan kolam memandangkan kes kematian disebabkan lemas semakin meningkat saban tahun.

Di bawah **Program Kadet Bomba** pula, sejumlah **185,841** pelajar sekolah menengah telah menjadi ahli Kadet Bomba. Manakala, sebanyak 357 Pasukan Skwad Bomba telah ditubuhkan di institusi pendidikan agama dengan keahlian seramai 413 orang. Program keselamatan ini turut diperluaskan ke **Institusi Pengajian Tinggi (IPT)** melalui penubuhan **Kor Siswa Bomba**. Pada tahun 2018, jabatan ini telah berjaya mentauliahkan sejumlah 150 orang Kor Siswa Bomba dari UTHM dan USIM. Jalinan kerjasama ini dipereratkan lagi dengan adanya MoU dengan pihak UTHM, USIM dan UiTM dalam usaha menjadikan institusi ini sebagai hub keintelektualan bagi membentuk masyarakat yang lebih mengutamakan ciri-ciri persekitaran yang selamat dan sejahtera.

Di kesempatan ini jabatan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak IPT yang menyahut baik pelaksanaan program Kor Siswa Bomba dan berharap ianya dapat diperluaskan ke IPT di seluruh negara.

Jabatan juga telah berjaya mewujudkan 2,621 pasukan pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) dengan jumlah keahlian seramai **59,484** orang. Bagi menggalakkan lagi penglibatan orang awam dalam penyebaran maklumat berkaitan keselamatan di kawasan kediaman, sebanyak **136** pasukan Bomba Komuniti telah berjaya ditubuhkan dengan keanggotaan seramai **1,623**.

Jabatan melihat bahawa masyarakat mempunyai tanggungjawab untuk sama-sama menjaga kesejahteraan dan keharmonian negara. Kita dapati antara sebab nilai kerugian meningkat dan bilangan kes kematian yang tinggi adalah disebabkan orang ramai lewat menghubungi jabatan. Orang ramai boleh menghubungi jabatan melalui **MyBomba Apps** bagi menyalurkan aduan atau mendapatkan maklumat berkaitan jabatan dengan lebih cepat dan mudah.

Unit Integriti

Selari dengan aspirasi kerajaan baru bagi membentuk sebuah Negara Malaysia maju menjelang tahun 2025, penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan perlu ditambahbaik dengan mengkaji semula proses dan prosedur bagi meningkatkan keberkesanan dan produktiviti serta berteraskan kepentingan dan keperluan rakyat. Bagi **pembudayaan integriti dan tadbir urus yang baik**, setiap urusan kerja perlu berlandaskan **rule of law** dan prinsip **do the right things, right the first time**. Tindakan tatatertib perlu diambil tanpa prejudis sekiranya integriti dikompromi. Untuk itu jabatan telah merencanakan pelbagai pengisian agar pegawai-pegawai bebas dari salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah. Penganjuran **Forum Pemerkasaan Integriti (FPI)** dengan kerjasama IIM dan SPRM telah diadakan setiap tahun bagi memastikan warga jabatan menghayati penerapan sikap berintegriti secara konsisten dan berterusan.

Perancangan Masa Hadapan JBPM

Jabatan perlu bersiap siaga terutama bagi menghadapi cabaran abad ke-21 yang dibawa oleh Revolusi Perindustrian Keempat. Jabatan perlu mampu menangani pelbagai risiko global seperti bencana alam, perubahan iklim, krisis ekonomi, sosial dan teknologi disamping meningkatkan kualiti persekitaran yang mampu menjana komuniti sejahtera dan inklusif.

- i. JBPM perlu menyediakan **Pelan Pembangunan Fizikal** agar pembinaan balai bomba dan kelengkapannya dapat dilaksanakan secara terancang dan sistematik dalam usaha mengurangkan tempoh masa bertindak (*Response Time*). Ini penting agar tahap kesiapsiagaan dan pemodenan Jabatan seiring dengan teknologi dan tahap urbanisasi negara. **Konsep pembinaan dan reka bentuk bangunan** balai bomba yang seragam mengikut kategori, saiz dan kos perlu disediakan. Selain itu, jenis dan bilangan jentera di setiap balai bomba juga perlu bersesuaian dengan unit-unit atau pasukan khas yang diwujudkan berdasarkan risiko kawasan tersebut. Teknologi seperti *robot, drone, tracking system* dicadangkan untuk digunakan dalam kerja-kerja pamadaman dan penyelamatan bagi tujuan *size up*, mengesan mangsa, serta merakamkan insiden atau operasi yang sedang dijalankan.
- ii. Pendekatan Jabatan bagi **merakyatkan perkhidmatan kebomba** melalui konsep **Total Fire Safety** perlu diperkemas dengan sasaran untuk melahirkan masyarakat yang berupaya menangani kecemasan di peringkat awal. Adalah menjadi matlamat jabatan untuk melahirkan generasi berpengetahuan dan mengamalkan budaya keselamatan kebakaran dalam kehidupan seharian sebagaimana masyarakat di negara maju.
- iii. Bagi tujuan meningkatkan **tahap keselamatan kebakaran di bangunan**, langkah-langkah bagi pendaftaran, pengawalan dan penguatkuasaan (*building fire safety*) perlu diambil serius. Pada masa ini jabatan sedang menyediakan dua kertas kabinet iaitu Kawalselia Kontraktor Pemasangan Keselamatan Kebakaran dan Perakuan Kemudahan Pemasangan Keselamatan Kebakaran bagi memastikan undang-undang keselamatan bangunan dipatuhi sepenuhnya.

Dalam tahun 2019 kita meneruskan fokus kita dalam:

- i. Memperkasakan Tugas Teras (*Core Business*) Kebomba dan Keselamatan Kebakaran.
- ii. Memperkasakan piawaian, peraturan dan undang undang keselamatan kebakaran serta penguatkuasaannya.
- iii. Memperkuatkan Sistem Pengurusan dan Pentadbiran dalaman JBPM
- iv. Merakyatkan perkhidmatan kebomba dan keselamatan kebakaran.
- v. Memacu dan membangunkan industri kebomba dan keselamatan kebakaran.
- vi. Mempertingkatkan penyelidikan, pengkajian dan pembangunan kebomba/keselamatan kebakaran.
- vii. Meneruskan pemodenan perkhidmatan kebomba dan keselamatan kebakaran.

Penutup

Kita menyedari bahawa jabatan ini mempunyai tanggungjawab yang besar bagi menggalas amanah demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan bangsa dan negara terpelihara.

Kita perlu *responsive* dan efektif dalam setiap langkah dalam mengekalkan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan profesional.

Sebagai penutup, ingin saya nyatakan bahawa masih banyak yang boleh kita lakukan dan boleh ditambah baik lagi terutamanya dari segi kecekapan dan kepantasan kita dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat.

"With the new day comes, new strength and new thoughts, will drive us all forward, for good".

Akhir sekali, marilah kita berazam untuk terus memperbaiki setiap kelemahan, peka dan mendengar segala pandangan yang membina dan bertekad untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dengan penuh dedikasi, disiplin dan integriti. Semoga Allah SWT memberi kekuatan kepada kita semua dan melindungi kita serta keluarga dari segala kemalangan dan bencana.

"Sesungguhnya Ash Shidiq (kejujuran) itu menunjukkan kepada kebaikan, dan sesungguhnya kebaikan itu menunjukkan ke Syurga" (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

VISI

Menjadi sebuah organisasi kebombaian dan penyelamatan yang berprestasi tinggi.

MISI

Memberi perkhidmatan kebombaian dan penyelamatan yang profesional bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda demi kesejahteraan rakyat.

NILAI TERAS

1. Berani
2. Suka Menolong Orang
3. Tidak Mementingkan Diri Sendiri
4. Sabar
5. Tidak Berputus Asa

PERANAN

Objektif dan Fungsi JBPM dengan jelas dinyatakan di bawah Seksyen 5 (1) & (2) Akta 341

PELAN STRATEGIK JABATAN

Strategi Utama

Memperkasakan Perkhidmatan Kebombaian dan Penyelamatan untuk Kesejahteraan Kualiti Hidup Masyarakat.

Strategi 1

Memastikan Rakyat Mendapat Perkhidmatan Kebombaian dan Penyelamatan yang Berkesan.

Strategi 2

Mengamalkan Budaya Pencegahan dan Keselamatan Kebakaran.

Strategi 3

Memberikan Perkhidmatan Sokongan yang Efektif bagi Menjayakan Strategi 1 dan 2.



PUNCA KUASA UTAMA

1. Perlembagaan Persekutuan Malaysia – Jadual Kesembilan, Perkara 26 (Senarai Bersama);
2. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341); dan
3. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS).

PELANGGAN

1. Sektor Awam
2. Sektor Swasta
3. Badan-Badan Bukan Kerajaan
4. Badan-Badan Profesional
5. Pertubuhan Antarabangsa
6. Orang Awam

STAKEHOLDER

1. Jemaah Menteri
2. Exco Negeri
3. YB Menteri
4. YB Timbalan Menteri
5. Ketua Setiausaha
6. Ahli Pasca Kabinet

MOTO

“CEPAT DAN MESRA”

**SEDIA
MENYELAMAT
999**



PENGURUSAN TERTINGGI JBPM



YAS DATO' MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ. WAHID
KETUA PENGARAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



YAS DATO' HJ. AMER BIN HJ. YUSOF
TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



YAS DATO' HJ. SOIMAN BIN JAHID
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

➤ PENGARAH BAHAGIAN



YS TPJB DATO' ABDUL WAHAB BIN HJ. MAT YASIN
PENGARAH
BAHAGIAN OPERASI KEBOMBAAN DAN PENYELAMAT



YS TPJB EDWIN GALAN TERUKI
PENGARAH
BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN



YS PKPJB AHMAD IZRAM BIN OSMAN
PENGARAH
BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN



YS PKPJB NAZILI BIN HJ. MAHMOOD
PENGARAH
BAHAGIAN UDARA



YS PKPJB DATO' YUSOF BIN SIDEK
PENGARAH
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN



YS PKPJB ABDUL RAZAK BIN MUDA
PENGARAH
BAHAGIAN LATIHAN



PENGARAH BAHAGIAN



YS PKPjB OTHMAN BIN ABDULLAH
PENGARAH
BAHAGIAN PEMBANGUNAN



EN. MOHD KAMAL BIN SHAHRUM
PENGARAH
BAHAGIAN KEJURUTERAAN JENTERA



YS PPjB SITI ROHANI BINTI NADIR
PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT



EN. AIDI AZLI BIN WAHIT
PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN



PPjB ABU OBaidat BIN MOHAMAD
KETUA UNIT INTEGRITI

PENGARAH NEGERI



YS PKPjB NORAZAM BIN KHAMIS
PENGARAH
JBPM NEGERI SELANGOR



YS PKPjB HJ. NORDIN BIN PAUZI
PENGARAH
JBPM KUALA LUMPUR



YS PKPjB DATO' HJ. YAHAYA BIN HJ. MADIS
PENGARAH
JBPM NEGERI JOHOR



YS PKPjB NOR HISHAM BIN MOHAMMAD
PENGARAH
JBPM NEGERI PAHANG



YS PKPjB AZMI BIN OSMAN
PENGARAH
JBPM NEGERI PERAK



YS PKPjB SAYANI BINTI HAJI SAIDON
PENGARAH
JBPM NEGERI KEDAH



PENGARAH NEGERI



YS PKPjB SAADON BIN MOKTAR
PENGARAH
JBPM NEGERI PULAU PINANG



YS PKPjB KAMARULZAMAN MALIK BIN ABDULLAH
PENGARAH
JBPM NEGERI SABAH



**YS PKPjB HJ. KHIRUDIN BIN DRAHMAN
@HUSSAINI**
PENGARAH
JBPM NEGERI SARAWAK



YS PPjB MOHAMAD SHOKI BIN HAMZAH
PENGARAH
JBPM NEGERI TERENGGANU



YS PPjB MD. SALLEH BIN SARBINI
PENGARAH
JBPM NEGERI KELANTAN



YS PPjB HJ. HAMDAN BIN ALI
PENGARAH
JBPM NEGERI SEMBILAN

PENGARAH NEGERI / KETUA UNIT



YS PPjB MOHAMAD ZIN BIN SALLEH
PENGARAH
JBPM NEGERI MELAKA



YS PgKB I RUHISHA BIN HARIS
PENGARAH
JBPM NEGERI PERLIS




YS PgKB I JAINAL@ZAINAL BIN MADASIN
PENGARAH
JBPM LABUAN




YS PgKB I MD. HILMAN BIN ABD RASHID
PENGARAH
JBPM PUTRAJAYA

CARTA ORGANISASI

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA







PENCAPAIAN

**Operasi Kebombaan dan Penyelamatan
Keselamatan Kebakaran
Penyiasatan Kebakaran
Pengoperasian Udara
Pengurusan Kewangan
Pembangunan
Pengurusan Aset
Penyelenggaraan Jentera
Pengurusan Aduan
Sistem Pengurusan Kualiti
Unit Pengesan**

LAPORAN TAHUNAN 2018
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PENCAPAIAN OPERASI KEBOMBAAN DAN PENYELAMATAN


ANALISA PENCAPAIAN *RESPONSE TIME* JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)

BIL	JBPM NEGERI	PENCAPAIAN <i>RESPONSE TIME</i> BAGI KES YANG DIHADIRI OLEH JBPM BAGI TAHUN: 2017		PENCAPAIAN <i>RESPONSE TIME</i> BAGI KES YANG DIHADIRI OLEH JBPM BAGI TAHUN: 2018	
		PERATUS KES DIHADIRI JBPM BAWAH 10 MINIT (%)	PURATA <i>RESPONSE</i> <i>TIME</i> (MINIT)	PERATUS KES DIHADIRI JBPM BAWAH 10 MINIT (%)	PURATA <i>RESPONSE</i> <i>TIME</i> (MINIT)
1	PERLIS	50.76	11.38	44.39	11.25
2	KEDAH	43.34	13.54	56.81	12.1
3	PULAU PINANG	67.23	11.09	66.09	14.68
4	PERAK	59.24	14.7	59.64	14.97
5	SELANGOR	38.46	14.58	46.49	16.06
6	KUALA LUMPUR	60.33	10.15	58.63	13.64
7	NEGERI SEMBILAN	54.84	15.04	57.75	13.46
8	MELAKA	44.16	12.91	49.1	14.08
9	JOHOR	38.17	14.84	39.3	16.17
10	PAHANG	27.09	20.79	29.89	16.41
11	TERENGGANU	35.43	15.44	41.46	14.6
12	KELANTAN	40.81	15.5	40.13	16.24
13	SABAH	49.66	17.36	50.76	15.65
14	SARAWAK	43.7	21.46	48.81	17.04
15	LABUAN	76.64	8.05	86.17	7.06
16	PUTRAJAYA	90.26	6.79	90.8	10.4
PENCAPAIAN KESELURUHAN		47.17	13.98	49.87	13.99

*Sasaran Pencapaian *Response Time* tahun 2019 – **49.20%**

*Sasaran Purata *Response Time* Kebangsaan – **17.7 minit**


PENCAPAIAN *RESPONSE TIME* BAWAH 10 MINIT MENGIKUT JBPM NEGERI



Carta 1: Pencapaian *Response Time* Bawah 10 Minit Mengikut JBPM Negeri Tahun 2018

Carta 1 menunjukkan pencapaian *response time* mengikut JBPM negeri bagi panggilan kebakaran dan penyelamatan yang dihadiri oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Pencapaian keseluruhan tahun 2018 adalah **49.87%** iaitu 31,519 kes yang dihadiri bawah 10 minit daripada 63,196 kes. Pencapaian ini telah mencapai sasaran yang disasarkan oleh kementerian iaitu **48.00%** bagi tahun 2018.


PURATA *RESPONSE TIME* MENGIKUT JBPM NEGERI



Carta 2: Purata *Response Time* Mengikut JBPM Negeri Tahun 2018

Carta 2 menunjukkan purata *response time* mengikut JBPM negeri bagi setiap panggilan kebakaran dan penyelamatan yang dihadiri oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Purata *Response Time* Kebangsaan tahun 2018 bagi keseluruhan 63,196 kes adalah **13.99 minit**. Pencapaian ini telah mencapai sasaran yang disasarkan oleh kementerian iaitu **18.3 minit** bagi tahun 2018.


PERBANDINGAN PENCAPAIAN *RESPONSE TIME* BAWAH 10 MINIT DARI TAHUN 2016 HINGGA 2018



Carta 3: Perbandingan Pencapaian *Response Time* Bawah 10 Minit Dari Tahun 2016 Hingga 2018

Carta 3 menunjukkan perbandingan tiga tahun iaitu tahun 2016 hingga 2018 pencapaian *response time* bawah 10 minit. Pencapaian menunjukkan pola menaik kesan daripada pertambahan balai-balai dan pasukan bomba sukarela di seluruh negara. Pada tahun 2017, berlaku peningkatan pencapaian sebanyak 2.15% dan pada tahun 2018 peningkatan pencapaian adalah sebanyak 2.70%. JBPM telah mencapai sasaran yang ditetapkan kementerian iaitu kenaikan sebanyak 1.2% setiap tahun.

PERBANDINGAN PURATA *RESPONSE TIME* KEBANGSAAN DARI TAHUN 2016 HINGGA 2018




Carta 4: Perbandingan Purata *Response Time* Kebangsaan Dari Tahun 2016 Hingga 2018

Carta 4 menunjukkan perbandingan tiga tahun iaitu tahun 2016 hingga 2018 Purata *Response Time* Kebangsaan. Purata menunjukkan pola menurun kesan daripada pertambahan balai-balai dan pasukan bomba sukarela di seluruh negara. Sasaran kementerian bagi Purata *Response Time* Kebangsaan pada tahun 2016 adalah 19.5 minit, tahun 2017 adalah 18.9 minit dan pada tahun 2018 adalah 18.3 minit. Berdasarkan perbandingan tiga tahun seperti carta di atas, JBPM telah mencapai sasaran yang ditetapkan oleh kementerian.

ANALISA JUMLAH KES KECEMASAN MENGIKUT NEGERI

JUMLAH PANGGILAN KECEMASAN MENGIKUT NEGERI




Carta 1: Jumlah Kes Kecemasan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2018

Pada tahun 2018, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menghadiri sebanyak 110,150 jumlah kes kecemasan. Daripada jumlah ini, Negeri Selangor mencatatkan jumlah kes tertinggi 20,753 kes diikuti dengan Negeri Sarawak 20,206 kes dan Negeri Johor 13,075 kes. Negeri yang paling kurang menerima kes kecemasan adalah Putrajaya 639 kes, Labuan 765 kes dan Negeri Perlis 949 kes.

Analisa Jumlah Kes Kebakaran, Menyelamat, Tugas-Tugas Khas Dan Panggilan Palsu Bagi Tahun 2018


KATEGORI PANGGILAN KES KECEMASAN



Carta 2: Kategori Kes Kecemasan Bagi Tahun 2018

Daripada jumlah keseluruhan 110,150 kes, JBPM telah menghadiri 36,758 kes melibatkan kes kebakaran pada tahun 2018. Dalam tempoh yang sama juga, JBPM telah menghadiri 59,155 kes penyelamatan dan sebanyak 13,874 panggilan tugas-tugas khas telah dihadiri oleh JBPM. Tidak terkecuali, JBPM masih lagi menerima panggilan palsu iaitu 0.33% (363 kes) daripada jumlah keseluruhan panggilan kecemasan yang dihadiri iaitu 110,150 kes. Daripada carta perbandingan di atas menunjukkan kes penyelamatan mencatatkan bacaan tertinggi iaitu 53.70% daripada jumlah keseluruhan panggilan.

Perbandingan Panggilan Kecemasan Dari Tahun 2014 Hingga 2018



Carta 3: Perbandingan Jumlah Panggilan Kecemasan Dari Tahun 2014 Hingga 2018


Carta di atas menunjukkan perbandingan jumlah kes panggilan kecemasan seluruh negara yang dihadiri oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi lima (5) tahun melibatkan Kebakaran, Penyelamatan, Tugas Khas dan Palsu. Jumlah keseluruhan panggilan kecemasan bagi tempoh lima (5) tahun adalah 652,612 di mana tahun 2014 (198,656), tahun 2015 (164,517), tahun 2016 (92,307), tahun 2017 (86,982) dan tahun 2018 (110,150).

Berdasarkan carta tersebut, jumlah panggilan kecemasan bagi tahun 2014 berpunca daripada dua (2) bencana besar yang berlaku iaitu kebakaran terbuka pada awal tahun dan banjir yang berlaku pada penghujung tahun 2014. Tetapi pada tahun 2015, berlaku penurunan melibatkan kes kebakaran, penyelamatan dan tugas khas.

Bagi tahun 2016, jumlah panggilan kecemasan kebakaran menurun hampir separuh berbanding jumlah tahun 2015 dengan perbezaan sebanyak 32,752 jumlah panggilan. Tahun 2017 dan 2018 menunjukkan jumlah panggilan kecemasan penyelamatan meningkat berbanding kes kecemasan kebakaran. Manakala jumlah panggilan kes tugas khas bagi tahun 2018 meningkat berbanding tahun 2017 dengan perbezaan sebanyak 11,482 kes. Penurunan kes panggilan kebakaran bagi tahun 2017 dan 2018 berbanding tahun 2014, 2015 dan 2016 menunjukkan satu petanda positif yang boleh diklasifikasikan sebagai kesedaran masyarakat yang tinggi terhadap aspek keselamatan kebakaran melalui keberkesanan program-program dan kempen-kempen yang dianjurkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

ANALISA KES KEBAKARAN

KES KEBAKARAN MENGIKUT NEGERI



Carta 4: Kes Kebakaran Mengikut Negeri Bagi Tahun 2018


Merujuk Carta 4 di atas, Negeri Selangor mencatatkan jumlah paling banyak kes kebakaran berjumlah 7,345 kes dan diikuti dengan Negeri Johor iaitu 4,928 kes dan Negeri Perak 3,863 kes.

Bagi mendapatkan gambaran lebih jelas, satu analisa berkenaan jenis kebakaran yang berlaku di seluruh negara pada tahun 2018 dijalankan untuk mendapatkan pola pewujudan kemerbahayaan di negeri tertentu.

Analisa statistik kepada jumlah kes dihadiri oleh setiap negeri mendapati bahawa antara jenis kebakaran yang kerap menyumbang kepada jumlah yang besar adalah;

- i. Kebakaran terbuka
- ii. Bangunan dan isinya
- iii. Lain – lain
- iv. Kenderaan

JENIS-JENIS KEBAKARAN DI SELURUH NEGARA




Carta 5: Jenis-jenis Kebakaran di Seluruh Negara Bagi Tahun 2018

Daripada 36,758 kes kebakaran yang dihadapi JBPM, jenis kebakaran paling tinggi yang direkodkan JBPM adalah kebakaran terbuka berjumlah 16,566 kes. Ini diikuti dengan kebakaran lain-lain sebanyak 8,703 kes, kebakaran bangunan/ premis sebanyak 5,368 kes dan kebakaran kenderaan iaitu 3,762 kes.

- I. Kebakaran terbuka adalah merujuk kepada kebakaran yang melibatkan kebakaran kebun/ladang, hutan, belukar dan kebakaran sampah sarap.

KES KEBAKARAN TERBUKA MENGIKUT NEGERI



Carta 6: Kes Kebakaran Terbuka Mengikut Negeri Bagi Tahun 2018


Kebakaran terbuka adalah merujuk kepada kebakaran yang melibatkan kebakaran kebun/ladang, hutan, belukar dan kebakaran sampah sarap. Menurut analisis yang dijalankan didapati Negeri Selangor menghadapi paling banyak kes kebakaran terbuka pada tahun 2018 iaitu 2,890 kes.

- II. Kebakaran yang kedua tertinggi dicatatkan iaitu 8,703 kes adalah kebakaran melibatkan kategori lain-lain. Contoh kebakaran yang dikategorikan sebagai lain-lain adalah seperti berikut:

- Kebakaran pondok pengawal yang terbiar
- Kebakaran tiang/pencawang/kabel elektrik
- Kotak fuis
- Tokong/tempat sembahyang kecil milik individu
- Sampah/jerami
- Kebakaran kain-kain buruk yang ditempatkan dalam tandas awam
- Colok cina
- Kebakaran pokok
- Pusat kitar semula terbuka
- Pondok telefon
- Ekzos fan/*chimney*
- Longgokan kayu

- III. Seterusnya penekanan juga diberikan kepada kebakaran bangunan.

KES KEBAKARAN BANGUNAN MENGIKUT NEGERI




Carta 7: Jumlah Kebakaran Bangunan Mengikut Negeri Tahun 2018

Sepanjang Tahun 2018 juga, JBPM telah mencatatkan kehadiran sebanyak 5,368 kes kebakaran bangunan di seluruh negara. Daripada jumlah ini, Negeri Selangor mencatatkan jumlah paling tinggi dalam kebakaran bangunan dan diikuti Kuala Lumpur, Johor dan Kedah.

- i. Bagi memudahkan proses analisa, bangunan-bangunan yang terlibat dengan kebakaran telah dikategorikan mengikut jenis-jenis bangunan berdasarkan kategori UBBL. Berikut adalah pecahan jenis-jenis bangunan yang terlibat dalam kebakaran di seluruh negara;


PECAHAN KEBAKARAN BANGUNAN MENGIKUT KATEGORI UBBL TAHUN 2018



Carta 8: Pecahan Kebakaran Bangunan Mengikut Kategori UBBL Bagi Tahun 2018

Merujuk kepada carta di atas, kategori premis kediaman adalah merupakan penyumbang tertinggi kepada statistik kebakaran bangunan yang dihadapi JBPM dengan jumlah keseluruhan sebanyak 3,061 kes.


JUMLAH KEBAKARAN PREMIS KEDIAMAN MENGIKUT JENIS 2018



Carta 9: Pecahan Kes Kebakaran Premis Kediaman Bagi Tahun 2018

- II. Merujuk kepada Carta 9 di atas, kategori rumah kediaman adalah merupakan kategori tertinggi (1,327 kes) terlibat dalam kebakaran di seluruh negara. Rumah kediaman adalah merujuk kepada mana-mana perumahan yang didirikan secara persendirian tanpa melalui syarikat pembinaan seperti rumah persendirian, banglo atau berkembar. Seterusnya statistik kebakaran premis kediaman diikuti oleh rumah teres (880), flat (257) dan apartment/kondo (188).
- III. Penekanan juga diberikan kepada statistik kebakaran premis kediaman mengikut negeri di Malaysia. Penerangan terhadap statistik tersebut dinyatakan seperti carta di bawah.

KES KEBAKARAN PREMIS KEDIAMAN MENGIKUT NEGERI




Carta 10: Jumlah Kebakaran Premis Kediaman Mengikut Negeri Tahun 2018

- IV. Merujuk kepada Carta 10 di atas, Negeri Selangor mencatatkan kebakaran premis kediaman tertinggi di Malaysia iaitu 582 kes, diikuti Kuala Lumpur sebanyak 316 kes, Sabah sebanyak 322 kes dan Kedah sebanyak 313 kes. Putrajaya mencatatkan kes kebakaran premis kediaman terendah iaitu sebanyak 6 kes pada tahun 2018.

ANALISA KES PENYELAMATAN

KES PENYELAMATAN MENGIKUT NEGERI




Carta 11: Kes Penyelamatan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2018

Bagi Tahun 2018, JBPM telah menerima sejumlah 59,155 panggilan melibatkan kes penyelamatan dan khidmat kemanusiaan. Negeri yang paling banyak menerima panggilan tersebut adalah Negeri Selangor (13,295) panggilan diikuti Negeri Johor (7,759) dan Negeri Sarawak (5,819).

- Daripada jumlah keseluruhan 59,155 kes penyelamatan yang dihadiri oleh JBPM sepanjang Tahun 2018, berikut adalah pecahan terhadap kategori penyelamatan yang telah dijalankan.

JENIS-JENIS PENYELAMATAN




Carta 12: Jenis-jenis Penyelamatan Seluruh Negara Bagi Tahun 2018

Berikut adalah pecahan operasi penyelamatan kategori kecemasan lain:

- Berdasarkan Carta 12 di atas, kes penyelamatan paling tinggi dihadiri oleh JBPM ialah kes kecemasan lain iaitu sebanyak 40,447 kes (68.37%). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 21,593 kes adalah merupakan khidmat menangkap ular atau binatang berbahaya. Manakala 11,080 kes adalah melibatkan operasi memusnahkan serangga. Baki 7,774 kes adalah lain-lain kes kecemasan seperti kes cubaan bunuh diri, ancaman pengganas, rusuhan, potong cincin, pokok tumbang dan lain-lain.
- Kategori kedua tertinggi dalam statistik kes penyelamatan adalah kemalangan jalanraya di mana 7,801 kes telah dicatatkan. Daripada jumlah tersebut, jalanraya negeri/bandaran mencatatkan jumlah kemalangan tertinggi iaitu 4,648 kes. Lebuhraya adalah kedua tertinggi iaitu 1,358 kes dan selebihnya berlaku di jalanraya persekutuan (1,272 kes) dan jalan-jalan lain (523 kes).


KES KEMALANGAN JALAN RAYA MENGIKUT NEGERI



Carta 13: Kes Kemalangan Jalan Raya Mengikut Negeri Bagi Tahun 2018

Carta 13 di atas menunjukkan pecahan kes kemalangan jalanraya mengikut negeri-negeri di seluruh negara. Negeri Selangor menunjukkan jumlah panggilan kes paling tinggi iaitu sebanyak 1,288 kes, diikuti Negeri Pulau Pinang sebanyak 893 kes dan Negeri Perak iaitu 867 kes. Bagi Negeri-negeri lain, data statistik menunjukkan panggilan yang dihadiri bagi kes kemalangan jalan raya adalah di antara 15 hingga 831 kes sepanjang Tahun 2018.


PERBANDINGAN KES KEMALANGAN JALAN RAYA DARI TAHUN 2014 HINGGA 2018



Carta 14: Perbandingan Kes Kemalangan Jalan Raya Dari Tahun 2014 Hingga 2018

- Jumlah kemalangan jalanraya menunjukkan pola peningkatan dari tahun 2014 hingga tahun 2018. Berdasarkan Carta 14 di atas, tahun 2014, jumlah kes kemalangan melibatkan jalanraya yang dihadiri oleh JBPM berjumlah 5,649 kes. Pada tahun 2015, jumlah ini meningkat sebanyak 20 kes kepada 5,669 kes kemudian jumlah ini meningkat sebanyak 534 kes kepada 6,203 kes tahun 2016. Pada tahun 2017, jumlah kes kemalangan meningkat sebanyak 587 kes kepada 6,790 kes. Seterusnya pada tahun 2018, jumlah kes kemalangan jalan raya meningkat sebanyak 933 kes kepada 7,723 kes sekaligus menunjukkan angka tertinggi dalam tempoh lima tahun bermula 2014 hingga 2018.
- Sepanjang tempoh lima (5) tahun bermula tahun 2014 hingga 2018, jumlah tertinggi kehadiran panggilan kecemasan melibatkan kes kemalangan dicatatkan pada tahun 2018 iaitu sebanyak 7,723 kes.
- Graf secara keseluruhannya menunjukkan trend kes kemalangan meningkat dari tahun ke setahun.


KES BENCANA ALAM MENGIKUT NEGERI



Carta 15: Kes Bencana Alam Mengikut Negeri Tahun 2018

- Jumlah kes bencana alam secara keseluruhannya adalah sebanyak 4,922 kes di seluruh negeri-negeri bagi tahun 2018.
- Negeri Sarawak, Perak dan Selangor menunjukkan antara tiga (3) negeri yang mencatatkan jumlah kes yang tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain.
- Manakala Putrajaya mencatatkan jumlah kes yang terendah bencana alam bagi tahun 2018.


PERBANDINGAN KES BENCANA ALAM DARI TAHUN 2014 HINGGA 2018



Carta 16: Perbandingan Kes Bencana Alam Dari Tahun 2014 Hingga 2018

- Keadaan cuaca hujan ekstrim yang melanda bahagian Pantai Timur Semenanjung Malaysia pada penghujung tahun 2014 adalah penyebab utama peningkatan jumlah kes panggilan kecemasan melibatkan bencana alam termasuklah menyelamatkan mangsa banjir, insiden pokok tumbang, mencari menyelamatkan mangsa lemas dan lain-lain.
- Tahun 2018 mencatatkan sedikit peningkatan jumlah kes panggilan melibatkan 'bencana alam' berbanding tahun 2017.


KES TUMPAHAN DAN KEBOCORAN BAHAN BERBAHAYA MENGIKUT NEGERI



Carta 17: Kes Tumpahan Dan Kebocoran Bahan Berbahaya Mengikut Negeri Bagi Tahun 2018

- Jumlah kes tumpahan dan kebocoran bahan berbahaya secara keseluruhannya adalah sebanyak 2,353 kes di seluruh negeri-negeri bagi tahun 2018.
- Negeri Selangor, Johor dan Sarawak menunjukkan antara tiga (3) negeri yang mencatatkan jumlah kes yang tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain.
- Manakala Labuan mencatatkan jumlah kes yang terendah tumpahan dan kebocoran bahan berbahaya bagi tahun 2018.

PERBANDINGAN KES TUMPAHAN DAN KEBOCORAN BAHAN BERBAHAYA TAHUN 2014 HINGGA 2018




Carta 18: Perbandingan Kes Tumpahan Dan Kebocoran Bahan Berbahaya Tahun 2014 Hingga 2018

Berdasarkan Carta 18 di atas, jumlah kes Tumpahan dan Kebocoran Bahan Berbahaya yang dihadapi meningkat setiap tahun. Pada tahun 2014, jumlah kes yang direkodkan ialah 1,434 kes. Pada tahun 2015 pula menunjukkan sedikit peningkatan berbanding tahun 2014 apabila berlaku peningkatan sebanyak 51 kes sahaja atau 3.6%. Pada tahun 2016, jumlah kes yang dicatatkan ialah 1,869 kes di mana berlaku peningkatan sebanyak 384 kes (25.9%).

Seterusnya pada tahun 2017, jumlah kes yang dicatatkan ialah 2,440 kes di mana berlaku peningkatan sebanyak 571 kes (30.6%). Berlaku sedikit penurunan panggilan pada tahun 2018 iaitu sebanyak 87 kes iaitu 2,353. Walaubagaimanapun, penurunan jumlah panggilan ini tidak memberi impak kepada pola peningkatan sepanjang 5 tahun. Perkara ini dilihat berlaku seiring dengan kepesatan pembangunan industri di negara ini yang melibatkan penggunaan bahan-bahan kimia berbahaya.

- Bagi kes lemas pula, Negeri Sarawak mencatatkan kes paling tinggi tahun 2018 iaitu sebanyak 59 kes daripada keseluruhan kes lemas yang dihadapi, diikuti dengan Negeri Selangor (55 kes) dan Negeri Perak (48 kes).


KES LEMAS MENGIKUT NEGERI



Carta 20: Kes Lemas Mengikut Negeri Bagi Tahun 2018

- Jumlah kes lemas secara keseluruhannya adalah sebanyak 388 kes di seluruh negara bagi tahun 2018.
- Negeri Sarawak, Selangor dan Perak menunjukkan antara tiga (3) negeri yang mencatatkan jumlah kes yang tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain.
- Manakala Putrajaya tidak mencatatkan sebarang kes lemas bagi tahun 2018.

PECAHAN KES LEMAS MENGIKUT LOKASI BAGI TAHUN 2018




Carta 21: Pecahan Kes Lemas Mengikut Lokasi Bagi Tahun 2018

Berdasarkan Carta 21, kes lemas di sungai/tali air mencatatkan panggilan tertinggi pada tahun 2018 iaitu sebanyak 227 kes. Diikuti dengan kes lemas di pantai iaitu dengan 87 kes, lemas dalam tasik/lombong sebanyak 39 kes, kes lemas di air terjun/jeram sebanyak 28 kes dan kes lemas di kawasan pembentung iaitu sebanyak 7 kes.

ANALISA JUMLAH MANGSA TERLIBAT DALAM KES KEBAKARAN DI SELURUH NEGARA

BILANGAN MANGSA YANG DISELAMATKAN DALAM KES KEBAKARAN DARI TAHUN 2014 HINGGA 2018




Carta 22: Bilangan Mangsa Yang Diselamatkan Dalam Kes Kebakaran Tahun 2014 – 2018

Carta di atas menunjukkan bilangan mangsa yang diselamatkan dalam kes kebakaran di seluruh negara bagi tahun 2014 sehingga 2018. Graf jelas menunjukkan pola mendatar bagi jumlah mangsa yang diselamatkan oleh JBPM dalam kes kebakaran. Pada Tahun 2014, seramai 1,268 orang mangsa diselamatkan. Angka ini dilihat meningkat sebanyak 363 orang kepada 1,631 orang pada tahun 2015. Angka ini dilihat sedikit menurun dari tahun 2015 hingga 2018. Pada tahun 2018 sebanyak 1,514 mangsa yang telah diselamatkan.

Antara faktor yang menjadi penyumbang kepada penurunan jumlah mangsa kebakaran adalah:

- i) Tahap kesedaran / *public awareness* tentang bahaya kebakaran yang semakin baik di kalangan masyarakat. Ini termasuklah kesedaran awam mengenai keperihatinan tentang sistem keselamatan kebakaran dalam bangunan dipasang dan diselenggara dengan baik;
- ii) Teknik pemadaman '*Special Offensive Fire-Fighting Technique*' (SOFT) yang berkesan melalui kaedah *Offensive Fire Fighting* dan pemakaian *Personal Protection Equipment* (PPE) termasuk alat pernafasan yang lengkap membolehkan penyelamatan mangsa dapat dilakukan di dalam bangunan yang terbakar;
- iii) Peranan dan komitmen masyarakat yang menyeluruh termasuklah pengembangan Pasukan Bomba Sukarela (PBS), Bomba Komuniti serta masyarakat setempat yang memberikan respon semasa bermulanya kebakaran di premis – premis bangunan kediaman, sekolah, pejabat dan lain-lain.

Dalam tempoh yang sama juga dapat dilihat pola menurun jumlah kematian mangsa dalam kes kebakaran dari tahun 2014 hingga tahun 2015. Carta dibawah menunjukkan statistik mangsa mati dalam kes kebakaran bagi tahun 2014 hingga 2018.

BILANGAN MANGSA YANG MATI DALAM KES KEBAKARAN DARI TAHUN 2014 HINGGA 2018**Carta 23: Bilangan Mangsa Mati Dalam Kebakaran Dari Tahun 2014 Hingga 2018**

Pada Tahun 2014 sehingga 2018, JBPM merekodkan pola menurun kematian mangsa dalam kes kebakaran. sebanyak 139 orang mati dalam kes kebakaran pada tahun 2014. Angka ini dilihat menurun sebanyak 42 orang mangsa kepada 97 orang pada tahun 2018.

PENCAPAIAN KESELAMATAN KEBAKARAN

PERAKUAN KESELAMATAN BANGUNAN

Pemantauan Penyampaian *Key Performance Indicator* (KPI) Pelan Teknikal

- Bahagian Keselamatan Kebakaran JBPM komited melaksanakan perkhidmatan memproses plan teknikal yang dikemukakan permohonan kepada jabatan iaitu Perakuan Pelan Arkitektural dan Pelan Mekanikal & Elektrikal selewat-lewatnya 14 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima.
- Pencapaian tahun 2018 merekodkan peningkatan iaitu jumlah permohonan yang dikemukakan kepada Bahagian Keselamatan Kebakaran (BKK) sebanyak 22,792.
- Tahun 2018 mencatatkan peningkatan jumlah permohonan sebanyak 3,687. Secara keseluruhan, kesemua permohonan yang diterima dilaksanakan mengikut sasaran yang telah ditetapkan.
- Berikut adalah prestasi penyampaian *Key Performance Indicator* (KPI) keseluruhan tahun 2016 hingga 2018.

TAHUN	JUMLAH DILAKSANA MENGIKUT SASARAN	JUMLAH TIDAK MENCAPAI SASARAN	PENCAPAIAN (%)
2016	20,296	268	98.70
2017	19,105	82	99.57
2018	22,792	0	100.00

- Pada tahun 2018, jumlah pecahan plan yang diperakukan adalah sebanyak 14,743 dan sebanyak 8,019 plan ditolak.

URUSAN PERMOHONAN KELULUSAN PERAKUAN PELAN TEKNIKAL SELURUH NEGARA TAHUN 2018

PERKARA	2016			2017			2018		
	DITERIMA	DILULUS	DITOLAK	DITERIMA	DILULUS	DITOLAK	DITERIMA	DILULUS	DITOLAK
Perakuan Pelan Teknikal Tidak Bersistem	10,936	7,635	3,301	10,183	7,230	2,953	9,323	6,748	2,575
Perakuan Pelan Teknikal Bersistem (Arkitektural)	8,253	4,547	3,706	7,302	3,921	3,381	7,270	4,051	3,219
Perakuan Pelan Teknikal Bersistem (M&E)	3,923	2,423	1,500	3,734	2,422	1,312	3,449	2,243	1,206
JUMLAH	23,112	14,605	8,507	21,219	13,573	7,646	20,042	13,042	7,000

- Pencapaian urusan permohonan kelulusan perakuan plan teknikal seluruh negara tahun 2018 adalah sebanyak 20,042. Sebanyak 13,042 plan teknikal ini dilulus dan 7,000 lagi ditolak.

- Jumlah perakuan pelan Teknikal Bersistem (M&E) pada tahun 2018 meningkat kepada 3,449 berbanding 3,734 tahun 2017. Jumlah permohonan perakuan pelan Teknikal Tidak Bersistem dan Bersistem (Akitektural) masing-masing menurun kepada 9,323 dan 7,270.

JUMLAH TUNGGAKAN URUSAN PERMOHONAN KELULUSAN CCC / G8 / G9 / TCF SELURUH NEGARA SEHINGGA NOV 2018

Tahun	Jumlah Permohonan		
	Diterima	Dilulus	Ditolak
2016	4,832	4,294	538
2017	4,232	3,718	514
2018	4,388	3,933	455

- Pencapaian tahun 2018 menunjukkan permohonan urusan kelulusan CCC / G8 / G9 / TCF meningkat berbanding tahun 2017 iaitu sebanyak 4,388. Jumlah permohonan yang dilulus juga berlaku peningkatan iaitu sebanyak 3,933.
- Di antara faktor berlakunya peningkatan permohonan dilulus adalah seperti berikut :-
 - o Pengenalan sistem atas talian untuk pemeriksaan bomba (CCC).
 - o Seminar dan bengkel bersama pihak PSP / SP berkaitan pemeriksaan kebombaanan.
 - o Mesyuarat bersama agensi profesional dengan JBPM.

BAYARAN PEMERIKSAAN KEBOMBAAN (BAYARAN PEMERIKSAAN PU (A) 207)

Pencapaian Hasil Bayaran Pemeriksaan Kebombaanan Tahun 2018

Tahun	Hasil Bayaran Pemeriksaan (RM)
2016	2,449,425.40
2017	2,364,362.80
2018	2,369,081.40

- Pencapaian bayaran pemeriksaan kebombaanan pada tahun 2018 meningkat sebanyak RM 4,718.60 berbanding tahun 2017 iaitu sebanyak RM 2,369,081.40.

PERAKUAN PELESENAN BANGUNAN

Perkara	Tahun		Peningkatan Peratusan (%)
	2017	2018	
Jumlah lesen diproses tahun semasa	32,378	41,733	28.89

- Pada tahun 2018 sebanyak 41,733 permohonan sokongan pelesenan telah diterima dan diproses di seluruh negara berbanding tahun 2017 iaitu sebanyak 32,378 permohonan sokongan pelesenan. Berlaku peningkatan jumlah permohonan sokongan sebanyak 28.89% berbanding tahun 2017.
- Bagi tahun 2018, sebanyak 41,733 permohonan telah diproses dengan 41,564 permohonan diselesaikan di bawah tempoh penyelesaian 7 hari dan baki permohonan sebanyak 169 diproses melebihi tempoh penyelesaian 7 hari.

Tempoh Penyelesaian	Tahun	
	2017	2018
< 7 hari	32,183	41,564
> 7 hari	195	169

PELAKSANAAN PEMERIKSAAN ALAT PEMADAM API MUDAH ALIH (ELECTRONIC FIRE EXTINGUISHER INSPECTION SYSTEM – e-FEIS SELURUH NEGARA TAHUN 2018

PERKARA	TAHUN 2017	TAHUN 2018
BILANGAN ALAT PEMADAM API MUDAH ALIH (APA)	3,114,514	3,460,764
HASIL KUTIPAN (RM)	13,297,570	15,091,990

- Bagi memastikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada pelanggan, JBPM telah membangunkan pelaksanaan pemeriksaan APA secara elektronik. Pelaksanaan sistem ini pada tahun 2018 mencatatkan sebanyak 3,460,764 juta APA didaftarkan. Peningkat sebanyak 11.12% (346,250 unit).
- Jumlah hasil kutipan turut meningkat sebanyak RM 1,794,420.00 berbanding tahun 2017 iaitu berjumlah RM 15,091,990.00
- Jumlah kontraktor berdaftar dengan e-FEIS di seluruh negara pada tahun 2018 adalah seperti berikut :-

PERKARA	TAHUN 2017	TAHUN 2018
Kontraktor	545	590
Competent Person	620	643

- Peningkatan kepada bilangan kontraktor berdaftar dan *competent person* pada tahun 2018 berbanding dengan tahun 2017. Di antara penyumbang peningkatan ini adalah road show berkenaan keperluan pelaksanaan sistem ini. Selain itu penguatkuasaan semasa pemeriksaan dan aktiviti menghapuskan bahaya kebakaran (MBK).

PENCAPAIAN PELAKSANAAN MENGHAPUSKAN BAHAYA KEBAKARAN BAGI TAHUN 2018 DI SELURUH NEGARA

Pencapaian pelaksanaan Menghapuskan Bahaya Kebakaran sehingga Disember 2018, jumlah premis yang telah diperiksa adalah sebanyak 16,415 premis dan sebanyak 12,559 notis menghapuskan bahaya kebakaran (Borang A) telah dikeluarkan bagi pelbagai bahaya kebakaran kepada 1,765 premis seperti ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah ;

Jadual 1: Pelaksanaan pemeriksaan menghapuskan bahaya kebakaran tahun 2018

PERKARA	TAHUN	
	2017	2018
Jumlah premis diperiksa	16,170	16,415
Jumlah premis dikeluarkan Notis MBK	1,914	1,765
Jumlah notis dikeluarkan	9,821	12,559

Berdasarkan Jadual 2, didapati Kategori Premis Kediaman Lain merekodkan bilangan notis menghapuskan bahaya kebakaran paling tinggi iaitu sebanyak 1,658. Kediaman lain ini terdiri daripada :-

- Hotel/Hotel Bajet,
- Rumah Tumpangan/Motel,
- Homestay,

- d) Asrama/Dormitori,
- e) Pangsapuri/Apartment/Kondominium
- f) Rumah Orang Tua dan Anak Yatim.

Jadual 2: Pelaksanaan aktiviti menghapuskan bahaya kebakaran berdasarkan kategori premis bagi Tahun 2018

KATEGORI	BILANGAN PEMERIKSAAN	BILANGAN ADUAN DITERIMA	JUMLAH PREMIS DIKELUARKAN NOTIS	BILANGAN NOTIS MENGHAPUSKAN BAHAYA KEBAKARAN SEK. 8
Kediaman	44	4	0	0
Institusi Pendudukan Pelajaran	3,640	14	334	1,658
Hospital dan Rumah Rawatan	620	2	80	250
Kediaman Lain	1,567	53	425	6,783
Pejabat	1,199	7	152	1,060
Kedai	7,360	21	439	1,548
Kilang	1,344	15	1 81	555
Tempat Perhimpunan	552	3	105	422
Storan dan Am	269	2	49	283

Pecahan bahaya kebakaran yang ditemui semasa pemeriksaan menghapuskan bahaya kebakaran sepertimana seksyen 2 tafsiran bahaya kebakaran, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) seperti ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah ;

Jadual 3: Bahaya kebakaran yang ditemui

TAFSIRAN BAHAYA KEBAKARAN SEK. 2	PERKARA	JUMLAH BIL. BAHAYA KEBAKARAN
a	Pengubahan pada mana-mana bangunan yang memungkinan pelepasan diri menjadi lebih sukar atau kurang mudah	558
b	Kesesakan tempat hiburan atau perhimpunan awam memungkinan pelepasan diri menjadi lebih sukar	80
c	Apa-apa pengalihan atau tidak terdapat kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran	4,185
d	Kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran tidak berada dalam keadaan baik	7,097
e	Jalan keluar yang tidak mencukupi	247
f	Apa-apa perkara atau hal keadaan pada materialnya yang meningkatkan bahaya kepada nyawa atau mengganggu Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam menjalankan tugas	392

Selain daripada itu, sebanyak 3,641 notis telah diperiksa semula dalam tempoh 14 hari selepas tamat tempoh notis dan sebanyak 307 notis diperiksa semula melebihi tempoh 14 hari selepas tamat tempoh notis seperti ditunjukkan dalam jadual 4 di bawah;

Jadual 4: Pemeriksaan semula berdasarkan notis bagi tahun 2018

PERKARA	TAHUN	
	2017	2018
Jumlah notis diperiksa dalam tempoh 14 hari selepas tamat tempoh notis	3,723	3,641
Jumlah notis diperiksa selepas 14 hari tamat tempoh notis	668	307

Manakala pemeriksaan bahaya kebakaran berdasarkan aduan awam, sejumlah 121 kes telah diterima yang melibatkan pemeriksaan sebanyak 118 premis dan hanya 52 kes aduan telah diselesaikan. Hasil pemeriksaan tersebut, sebanyak 709 notis menghapuskan bahaya kebakaran telah dikeluarkan seperti ditunjukkan dalam Jadual 5 di bawah;

Jadual 5: Pemeriksaan berdasarkan aduan bahaya kebakaran bagi tahun 2018

PERKARA	TAHUN	
	2017	2018
Bilangan aduan	78	121
Bilangan pemeriksaan dijalankan	100	118
Bilangan notis dikeluarkan	439	999
Bilangan kes diselesaikan	102	52

PENCAPAIAN PELAKSANAAN PERAKUAN BOMBA BAGI TAHUN 2018 DI SELURUH NEGARA

Berdasarkan statistik keseluruhan 2018, jumlah premis ditetapkan di seluruh negara adalah sebanyak 8,610 premis, manakala jumlah premis ditetapkan yang mempunyai Perakuan Bomba yang berkuatkuasa adalah sebanyak 6,262 premis dan sebanyak 2,348 premis tidak mempunyai Perakuan Bomba Berkuatkuasa adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah ;

Jadual 1 : Pencapaian Perakuan Bomba bagi tahun 2018

PERKARA	TAHUN	
	2017	2018
Jumlah premis ditetapkan	8,270	8,610
Mempunyai perakuan bomba yang berkuatkuasa	5,350	6,262
Perakuan bomba di dalam proses	2,920	2,348

Setakat ini, permohonan Perakuan Bomba yang diterima sebanyak 5,242 yang melibatkan pemeriksaan sebanyak 5,860 dan jumlah Sijil Perakuan Bomba dikeluarkan sebanyak 6,262 dengan jumlah kutipan Amaun Fi sebanyak RM 1,164,170.00 sepertimana dalam Jadual 2 di bawah ;

Jadual 2 : Pelaksanaan Perakuan Bomba bagi tahun 2018

PERKARA	TAHUN	
	2017	2018
Bilangan pemohonan	4,868	5,242
Bilangan pemeriksaan premis	5,485	5,860
Bilangan perakuan bomba dikeluarkan	4,254	6,262
Amaun Fi Perakuan Bomba (RM)	1,150,093.00	1,164,170.00

Manakala hasil daripada pemeriksaan, sebanyak 1,382 notis memberitahu keperluan yang perlu dipatuhi (Borang FC6) telah dikeluarkan supaya pihak premis memastikan Pepasangan Keselamatan Kebakaran atau Kelengkapan Menentang Kebakaran berada dalam keadaan baik dan sebanyak 195 laporan kesalahan berkenaan Perakuan Bomba untuk penyediaan kertas siasatan (Borang FC7) telah dimajukan ke Bahagian Penyiasatan Kebakaran untuk prosiding perundangan selanjutnya seperti Jadual 3 di bawah ;

Jadual 3 : Penemuan pemeriksaan bagi tahun 2018

PERKARA	TAHUN	
	2017	2018
Notis memberitahu keperluan yang perlu dipatuhi (Borang FC6)	2,861	1,382
Laporan kesalahan berkenaan Perakuan Bomba untuk penyediaan kertas siasatan (Borang FC7)	3,462	195

CAWANGAN PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN AWAM BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN JBPM

STATISTIK PENCAPAIAN TAHUN 2018

Pada tahun 2018, kempen keselamatan kebakaran telah dipergiatkan bagi mempertingkatkan kesedaran dan budaya keselamatan dan pencegahan kebakaran di kalangan masyarakat. Penyampaian maklumat kepada masyarakat berkaitan keselamatan kebakaran terus diperluaskan lagi menerusi kempen-kempen yang dijalankan semasa Program Transformasi Sosial di bawah *National Blue Ocean Strategy (NBOS7): My Beautiful Neighbourhood (MyBN)* dan Program Mendaya Komuniti di kawasan kediaman.

1. Kempen Keselamatan Kebakaran

AKTIVITI KEMPEN KESELAMATAN KEBAKARAN										
TAHUN	CERAMAH		DEMONSTRASI		PAMERAN		PENGUNGSIAN BANGUNAN		MOCK DRILL	
	BA	BP	BA	BP	BA	BP	BA	BP	BA	BP
2017	4,270	717,689	3,879	733,747	1,727	417,363	4,922	536,382	280	83,611
2018	6,594	1,024,943	6,204	1,081,289	2,331	553,868	2,839	728,049	351	107,506
Jumlah	10,864	1,742,632	10,083	1,815,036	4,058	971,231	7,761	1,264,431	631	191,117

Jadual 1: Kempen Keselamatan Kebakaran tahun 2017 dan 2018

Aktiviti ceramah telah diadakan di seluruh negara bagi menyampaikan maklumat berkaitan aspek keselamatan kebakaran. Antara kumpulan sasaran ialah penghuni rumah, pekerja pejabat dan kilang, pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi serta masyarakat keseluruhannya. Sebanyak 6,594 kali ceramah telah dijalankan dengan penyertaan seramai 1,024,943 orang. Di samping itu, demonstrasi kebombaian turut diadakan sebanyak 6,204 kali dengan penyertaan seramai 1,081,289 orang.

Pada tahun 2018 pameran keselamatan kebakaran di seluruh negara yang melibatkan peringkat kebangsaan, peringkat negeri dan peringkat zon pula telah diadakan sebanyak 2,331 pameran dengan penyertaan seramai 553,868 orang. Pameran turut diadakan dalam Program Transformasi Sosial di bawah *National Blue Ocean Strategy* (NBOS 7): *My Beautiful Neighbourhood* (MyBN) dan Program Mendaya Komuniti di kawasan kediaman yang melibatkan pelbagai agensi.

Aktiviti pengungsian bangunan yang bertujuan memberi pengetahuan dan kemahiran kepada penghuni bangunan untuk bertindak sekiranya berlaku kebakaran/kecemasan dengan membuat pengungsian dan pelepasan diri. Aktiviti latihan pengungsian bangunan telah dilaksanakan sebanyak 2,839 kali dengan penyertaan seramai 728,049 orang peserta.

Mock Drill adalah latihan kebakaran/kecemasan yang melibatkan penghuni bangunan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan agensi berkaitan. Pada tahun 2018 latihan ini telah dilaksanakan sebanyak 351 kali dengan penyertaan seramai 107,506 orang

2. Kelab Keselamatan Kebakaran Kanak-Kanak (Kelab 3K)

AKTIVITI KELAB KESELAMATAN KEBAKARAN KANAK-KANAK (KELAB 3K)						
TAHUN	PASUKAN	AHLI	CERAMAH		AKTIVITI	
			BILANGAN CERAMAH	BILANGAN PESERTA	BILANGAN LATIHAN	BILANGAN PESERTA
2017	17,859	388,181	2,207	51,800	2,120	43,290
2018	9,384	183,994	1,324	51,269	1,109	40,167
Jumlah	27,243	572,175	3,531	103,069	3,229	83,457

Jadual 2: Aktiviti Kelab Keselamatan Kebakaran Kanak-Kanak (Kelab 3K) tahun 2017 dan 2018

Pada tahun 2018 sebanyak 9,384 pasukan telah ditubuhkan dengan keahlian seramai 183,994 orang. Ahli Kelab 3K ini terdiri daripada kanak-kanak pra-sekolah (tadika/taska) dan telah mengikuti ceramah serta aktiviti latihan "Berhenti, Rebah dan Guling (Stop, Drop and Roll)" dan lain-lain asas keselamatan kebakaran dan pelepasan diri.

3. Aktiviti Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT)

AKTIVITI PASUKAN TINDAKAN KECEMASAN (ERT)						
TAHUN	PASUKAN	AHLI	CERAMAH		AKTIVITI	
			BILANGAN CERAMAH	BILANGAN PESERTA	BILANGAN LATIHAN	BILANGAN PESERTA
2017	6,048	135,470	2,795	30,988	992	25,744
2018	2,621	59,484	949	18,192	1,126	18,466
Jumlah	8,669	194,954	3,744	49,180	2,118	44,210

Jadual 3: Aktiviti Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) tahun 2017 dan 2018


Aktiviti Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) pada tahun 2018 adalah sebanyak 2,621 pasukan dengan keahlian seramai 59,484 orang.

PENCAPAIAN PENYIASATAN KEBAKARAN

ANALISA STATISTIK PENYIASATAN KEBAKARAN BAGI TAHUN 2017 DAN 2018

Kategori	2017	2018
Struktur	5,552	6,626
Kenderaan	2,507	2,834
JUMLAH	8,059	9,460

BILANGAN KES PENYIASATAN KEBAKARAN STRUKTUR DAN KENDERAAN



STATISTIK PUNCA-PUNCA KEBAKARAN BAGI KEBAKARAN STRUKTUR JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA BAGI TAHUN 2017 DAN 2018

BIL	PUNCA KEBAKARAN	2017		2018	
		JUMLAH	%	JUMLAH	%
1	Semulajadi	34	0.6%	52	0.8%
2	Kemalangan	5,238	94.3%	6,301	95.1%
3	Sengaja Dibakar	265	4.8%	267	4.0%
4	Tidak Dapat Dipastikan	15	0.3%	6	0.1%
JUMLAH		5,552		6,626	

Pada tahun 2018, sebanyak 9,460 kes kebakaran struktur dan kenderaan telah disiasat oleh Bahagian Penyiasatan Kebakaran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Dari jumlah tersebut, 6,626 kes kebakaran adalah melibatkan struktur manakala 2,834 kes kebakaran adalah melibatkan kenderaan. Jumlah penyiasatan kebakaran bagi tahun 2018 menunjukkan peningkatan sebanyak 1,401 kes atau 17.38% berbanding tahun 2017. Bagi kes kebakaran struktur, sebanyak 6,301 atau 95.1% kes kebakaran berlaku adalah berpunca daripada kemalangan, 267 atau 4.0% kes berpunca daripada sengaja bakar, 52 atau 0.8% kes berpunca daripada semulajadi dan 6 atau 0.1% kes adalah punca tidak dapat dipastikan di sepanjang tahun 2018.

STATISTIK PENYIASATAN KEBAKARAN STRUKTUR MENGIKUT PREMIS BAGI TAHUN 2017 DAN 2018

Bil	Jenis Premis	2017		2018	
		Bilangan	Persentase	Bilangan	Persentase
1	Kediaman	3,696	66.8%	4,369	65.9%
2	Hotel	46	0.8%	56	0.8%
3	Asrama /Hostel	63	1.1%	71	1.1%
4	Sekolah	114	2.1%	104	1.6%
5	Institusi Pengajian Tinggi	22	0.4%	25	0.4%
6	Hospital / Klinik	45	0.8%	75	1.1%
7	Pejabat	171	3.1%	207	3.1%
8	Kedai	611	11.0%	736	11.1%
9	Pusat Membeli Belah	20	0.4%	28	0.4%
10	Dewan Perhimpunan	51	0.7%	86	1.3%
11	Stor / Gudang	196	3.5%	239	3.6%
12	Kilang	320	5.8%	411	6.2%
13	Stesen Minyak	7	0.1%	9	0.1%
14	Struktur Khas	36	0.6%	41	0.6%
15	Lain-lain Bangunan	154	2.8%	169	2.6%
JUMLAH		5,552		6,626	


Pada tahun 2017 dan 2018, statistik penyiasatan kebakaran yang direkodkan di seluruh Malaysia menunjukkan rumah kediaman mencatatkan bilangan kes yang tertinggi berbanding dengan jenis premis yang lain.

Bagi tahun 2018, catatan bilangan kes kebakaran struktur mengikut jenis premis berdasarkan kepada kedudukan yang tertinggi adalah seperti berikut:-

Kediaman	=	4,369 kes atau 65.9%
Kedai	=	736 kes atau 11.1%
Kilang	=	411 kes atau 6.2%
Stor / Gudang	=	239 kes atau 3.6%
Pejabat	=	207 kes atau 3.1%

Catatan kes kebakaran struktur mengikut jenis premis bagi dua (2) tahun yang direkodkan jelas menunjukkan bahawa jenis rumah kediaman mencatatkan angka bilangan kes yang tertinggi iaitu tahun 2017 sebanyak 3,696 kes manakala tahun 2018 sebanyak 4,369 kes .

STATISTIK PENYIASATAN KEBAKARAN MENGIKUT PREMIS DARI TAHUN 2017 DAN 2018



Rajah di atas menunjukkan terdapat trend peningkatan pada statistik penyiasatan kebakaran mengikut jenis premis dari tahun 2017 hingga 2018.

STATISTIK PENYIASATAN MENGIKUT SUMBER NYALAAAN UNTUK KEBAKARAN STRUKTUR BAGI TAHUN 2017 DAN 2018

BIL	SUMBER NYALAAAN	2017		2018	
		Bil	%	Bil	%
1	Kilat	31	0.6%	40	0.6%
2	Kebakaran Spontan	3	0.1%	12	0.2%
3	Elektrik - Arcs	722	13.0%	783	20.1%
4	Elektrik -Sparks/Short Circuit	1,518	27.3%	1,558	40.0%
5	Elektrik-Overcurrent/Overload	319	5.7%	423	10.9%
6	Elektrik-Resistance Heating	632	11.4%	1,129	29.0%
Jumlah Elektrik					
7	Mancis / Lighter	493	8.9%	538	8.1%
8	Peralatan Gas	1,066	19.2%	1,189	17.9%
9	Bunga Api / Mercun	20	0.4%	18	0.3%
10	Geseran	40	0.7%	42	0.6%
11	Pelita / Lilin / Obor	168	3.0%	169	2.6%
12	Api Berbara	363	6.5%	464	7.0%
13	Letupan	8	0.1%	8	0.1%
14	Tindakbalas Kimia	7	0.1%	13	0.2%
15	Objek Permukaan Panas / Kimpalan	133	2.4%	217	3.3%
16	Lain-lain	14	0.3%	17	0.3%
17	Tidak Dapat Dipastikan	15	0.3%	6	0.1%
JUMLAH		5,080		6,626	

Statistik penyiasatan berkaitan sumber nyalaan kebakaran struktur menunjukkan elektrik (SN7) adalah sumber nyalaan yang paling tinggi menyebabkan berlakunya kebakaran iaitu sebanyak 3,893 kes atau 58.8% pada tahun 2018. Butiran terperinci adalah seperti berikut:-

- i) *Sparks/Short Circuit* (SN 7B) mencatatkan bilangan kes yang paling tinggi iaitu 1,558 kes,
- ii) *Resistance Heating* (SN 7D), 1,129 kes, *Arcs* (SN 7A), 783 kes, dan;
- iii) *Over current/Overload* (SN 7A), 423 kes.


Pada tahun 2018, jika dibuat perbandingan secara keseluruhannya terdapat peningkatan sebanyak 702 bilangan kes iaitu 21.99% penyiasatan kebakaran yang melibatkan sumber nyalaan elektrik berbanding tahun 2017.

STATISTIK PENYIASATAN KEBAKARAN STRUKTUR DISEBABKAN OLEH SUMBER NYALAAAN ELEKTRIK BAGI TAHUN 2017 DAN 2018

Bil	Jenis Premis	2017		2018	
1	Kediaman	2,093	65.6%	2,486	63.9%
2	Hotel	27	0.8%	34	0.9%
3	Asrama /Hostel	36	1.1%	38	1.0%
4	Sekolah	82	2.6%	76	2.0%
5	Institusi Pengajian Tinggi	15	0.5%	16	0.4%
6	Hospital / Klinik	30	0.9%	66	1.7%
7	Pejabat	137	4.3%	170	4.4%
8	Kedai	338	10.6%	458	11.8%
9	Pusat Membeli Belah	13	0.4%	23	0.6%
10	Dewan Perhimpunan	35	1.1%	69	1.8%
11	Stor / Gudang	103	3.2%	114	2.9%
12	Kilang	170	5.3%	223	5.7%
13	Stesen Minyak	4	0.1%	6	0.2%
14	Struktur Khas	23	0.7%	32	0.8%
15	Lain-lain Bangunan	85	2.7%	82	2.1%
JUMLAH		3,191		3,893	

Didapati rumah kediaman mencatatkan bilangan kes penyiasatan kebakaran yang disebabkan oleh sumber nyalaan elektrik adalah paling tinggi iaitu sebanyak 2,486 kes atau 63.9% pada tahun 2018 berbanding dengan semua jenis premis yang disenaraikan. Pada tahun 2017 dan 2018 yang direkodkan didapati jumlah kes penyiasatan kebakaran struktur disebabkan sumber nyalaan elektrik (SN7) telah mencatatkan peningkatan bilangan kes penyiasatan pada setiap tahun. Pada tahun 2018 telah mencatatkan peningkatan sebanyak 702 bilangan kes iaitu 21.99% jika dibandingkan dengan tahun 2017.

STATISTIK KEBAKARAN STRUKTUR YANG DISEBABKAN OLEH SUMBER NYALAAAN ELEKTRIK BAGI TAHUN 2017 DAN 2018



Rajah di atas menunjukkan perbandingan peningkatan bilangan kes penyiasatan kebakaran struktur mengikut jenis premis yang disebabkan oleh sumber nyalaan elektrik pada tahun 2017 dan 2018. Hal ini menunjukkan orang awam masih lagi tidak mengambil berat tentang keselamatan kebakaran yang disebabkan oleh elektrik samada dari segi sistem pendawaian elektrik dan keselamatan penggunaan peralatan elektrik.

Oleh yang demikian, faktor-faktor berkaitan kegagalan sistem pendawaian elektrik haruslah dilihat dengan lebih serius. Adalah disarankan supaya langkah-langkah pencegahan seperti berikut diambil perhatian:

1. Sistem pendawaian yang digunakan menepati piawaian ditetapkan dan diluluskan oleh pihak yang bertanggungjawab.
2. Melakukan pemantauan secara berkala terhadap sistem pendawaian elektrik di rumah kediaman.
3. Sistem pendawaian elektrik yang telah uzur dan tamat tempoh hendaklah segera diganti.
4. Aktiviti penyelenggaraan dan penyambungan pendawaian elektrik hanya dilakukan oleh individu yang kompeten.

STATISTIK PENYIASATAN KEBAKARAN SENGAJA DIBAKAR MENGIKUT NEGERI-NEGERI BAGI TAHUN 2017 DAN 2018

NO	NEGERI	2017	2018
1	Perlis	2	1
2	Kedah	24	21
3	Pulau Pinang	17	17
4	Perak	22	20
5	Selangor	36	43
6	Kuala Lumpur	34	34
7	Negeri Sembilan	28	18
8	Melaka	16	13
9	Johor	36	45
10	Pahang	11	11
11	Terengganu	5	4
12	Kelantan	9	4
13	Sabah	6	17
14	Sarawak	14	17
15	Labuan	1	1
16	Putrajaya	4	1
JUMLAH		265	267


Bilangan kes kebakaran yang disengajakan di sepanjang tahun 2018 adalah sebanyak 267 kes atau 4.40% dari keseluruhan bilangan kes kebakaran. Jika dibuat perbandingan kedudukan catatan bilangan kes tertinggi untuk negeri-negeri untuk tahun 2018 adalah seperti berikut:-

- i) Johor : 45 kes (16.8%)
- ii) Selangor : 43 kes (16.1%)
- iii) Kuala Lumpur : 34 kes (12.7%)
- iv) Kedah : 21 kes (7.8%)

STATISTIK PENYIASATAN KEBAKARAN SENGAJA BAKAR MENGIKUT PREMIS BAGI TAHUN 2017 DAN 2018

Bil	Jenis Premis	2017		2018	
1	Kilang / Bengkel	12	4.5%	13	4.9%
2	Pejabat	9	3.4%	6	2.3%
3	Kediaman	123	46.4%	137	51.7%
4	Kedai	48	18.1%	48	18.1%
5	Sekolah	12	4.5%	9	3.4%
6	Pusat Membeli Belah	1	0.4%	0	0.0%
7	Stor / Gudang	18	6.8%	19	7.2%
8	Dewan Perhimpunan	2	0.8%	3	1.1%
9	Hospital / Klinik	3	1.1%	4	1.5%
10	Hotel	5	1.9%	3	1.1%
11	Stesen Minyak	0	0.0%	1	0.4%
12	Struktur Khas	4	1.5%	0	0.0%
13	Asrama / Hostel	5	1.9%	5	1.9%
14	Institusi Pengajian Tinggi	1	0.4%	0	0.0%
15	Lain-lain Bangunan	22	8.3%	19	7.2%
JUMLAH		265		267	

STATISTIK PENYIASATAN KEBAKARAN SENGAJA DIBAKAR MENGIKUT PREMIS DARI TAHUN 2017 DAN 2018



Bagi tahun 2017 dan 2018 yang direkodkan didapati jenis premis rumah kediaman mencatatkan bilangan kes kebakaran sengaja dibakar yang paling tinggi. Masing-masing mencatatkan sebanyak 123 kes pada tahun 2017 dan 137 kes pada tahun 2018. Kebakaran sengaja dibakar bagi premis jenis kediaman mencatatkan peningkatan sebanyak 14 kes iaitu 11.38% jika dibandingkan dengan tahun 2017.

Walaupun peratusan bagi kes ini kecil, namun perkara ini perlu diberi perhatian serius kerana ianya mencerminkan status keselamatan negara. Tahap keselamatan negara akan tergugat dengan terjadinya kes-kes sebegini dan akan menyebabkan kemerosotan pada jumlah kedatangan pelabur serta pelancong asing ke dalam negara.

Setiap laporan kes sengaja dibakar yang disiasat perlu diserahkan kepada pihak Polis DiRaja Malaysia supaya pesalah yang bertanggungjawab dapat dikenalpasti dan dikenakan hukuman.

PENKOMPANUNAN KESALAHAN

BIL	JENIS KESALAHAN	BILANGAN KOMPAUN 2017	BILANGAN KOMPAUN 2018
1	Sek 23(4) - Tidak memberi notis bertulis kepada Pengarah Bomba Negeri sebelum menjalankan kerja-kerja yang menjejaskan Pili Bomba (subseksyen 23(1)). Tidak menentukan Pili Bomba berada dalam keadaan baik selepas kerja-kerja yang menjejaskan Pili Bomba (subseksyen 23(1)).	20	8
2	Sek 25(2) - Enggan membenarkan pemasangan plat Pili Bomba, menghalang orang yang memasang Pili Bomba, mengalihkan atau mencacatkan Pili Bomba.	2	0
3	Sek 26 - Menutup, mengepung atau menyembunyikan Pili Bomba, mengganggu Pili Bomba, menggunakan Pili Bomba selain untuk tujuan menentang kebakaran.	818	672
4	Sek 47 - Tanpa kebenaran Pegawai Bomba memasuki atau berada di dalam premis yang diambil milik oleh Ketua Pengarah.	0	3
5	Sek 51 - Mengganggu Pegawai Bomba semasa menjalankan tugas.	0	2
6	Sek 52 - Tidak mematuhi arahan Pegawai Diberikuasa.	1	4
7	Sek 55 - Merosakan, menyembunyikan, mengaktifkan atau mendiaktifkan penggera kebakaran tanpa sebab yang munasabah.	71	83
8	Subperaturan 3(5) - Membenarkan orang lain menggunakan Perakuan Bomba.	0	0
9	Subperaturan 5(3) - Tidak memberitahu kehilangan atau kemusnahan Perakuan Bomba.	0	0
10	Subperaturan 6(2) - Tidak mempamerkan Perakuan Bomba.	14	28
JUMLAH		926	800

Dalam aspek pelaksanaan aktiviti pengkompaunan kesalahan pula, sebanyak 800 Notis Tawaran Kompaun telah dikeluarkan di sepanjang tahun 2018. Jumlah Notis Tawaran Kompaun telah mengalami penurunan sebanyak 126 notis atau 13.60% jika dibandingkan dengan tahun 2017. Kesalahan paling banyak dikeluarkan tawaran kompaun adalah kesalahan di bawah seksyen 26 iaitu 672 kes atau 84.00%. Walaupun kesalahan di bawah seksyen 26 didapati menurun berbanding dengan tahun 2017 iaitu 800 kes dan 2018 iaitu 672 kes namun jumlah kesalahan di bawah seksyen ini masih lagi dianggap tinggi. Jabatan sentiasa berusaha menguatkuasakan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 berkaitan dengan kesalahan yang boleh dikompaunkan. Aktiviti ini secara langsung memberi kesedaran dan mendidik masyarakat supaya mematuhi undang-undang berkaitan dengan aspek keselamatan kebakaran.

PENDAKWAAN

BILANGAN KES DIDAFTARKAN KE MAHKAMAH DAN BILANGAN KES DISABITKAN KESALAHAN BAGI TAHUN 2017 DAN 2018

Negeri	2017		2018	
	Bil Kes Didaftar Ke Mahkamah	Bil Pertuduhan Disabit Kesalahan / Tidak Bersalah / DNAA	Bil Kes Didaftar Ke Mahkamah	Bil Pertuduhan Disabit Kesalahan / Tidak Bersalah / DNAA
Perlis	7	6	5	5
Kedah	26	23	7	6
Pulau Pinang	20	17	9	9
Perak	10	8	3	2
Selangor	65	63	67	66
Kuala Lumpur	14	12	20	15
Negeri Sembilan	29	24	32	31
Melaka	16	15	29	29
Johor	5	5	21	21
Pahang	2	2	9	9
Terengganu	16	15	5	5
Kelantan	2	2	0	0
Sabah	4	0	4	4
Sarawak	3	3	6	6
Labuan	3	0	4	4
Putrajaya	0	0	0	0
JUMLAH	222	195	221	212

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia juga tidak berkompromi berkaitan keselamatan kebakaran dengan mana-mana pihak yang melanggar peruntukan Akta Perkhidmatan Bomba 1988. Sehubungan itu, sepanjang tahun 2018, sebanyak 212 kes dibawa ke mahkamah dan telah disabitkan kesalahan. Dalam masa yang sama, amaun denda sebanyak RM 371,150.00 telah diperolehi pada tahun 2018. Ini membuktikan Cawangan Pendakwaan juga bersungguh-sungguh dalam menguatkuasakan undang-undang yang telah diperuntukkan.

PENCAPAIAN PENGOPERASIAN UDARA

LAPORAN PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROGRAM UDARA 2018


STATISTIK DAN PENCAPAIAN OPERASI PENERBANGAN PESAWAT JABATAN BAGI TAHUN 2017 DAN 2018

1) Jumlah Operasi Penerbangan Pesawat Jabatan Bagi Tahun 2017 dan 2018

Bulan	2017	2018
Januari	40	47
Februari	30	36
Mac	50	50
April	29	49
Mei	55	13
Jun	19	7
Julai	50	40
Ogos	40	43
September	44	33
Oktober	35	30
November	34	18
Disember	26	30
Jumlah	452 (53%)	396 (47%)

2) Statistik Penerbangan Pesawat Jabatan Tahun 2017 dan 2018 Mengikut Operasi


TUGASAN	2017	2018
MENCARI DAN MENYELAMAT	44 (9.9%)	50 (13.5%)
PENGOPERASIAN UDARA	346 (76.5%)	269 (72.8%)
AIR AMBULANS	58 (12.8%)	72 (19.5%)
MEMADAM KEBAKARAN	0 (0.0%)	4 (1%)
TINJAUAN UDARA	4 (0.8%)	1 (0.3%)



Pencapaian Operasi Penerbangan Unit Udara Bagi Tahun 2018

Merujuk kepada statistik dan pencapaian operasi penerbangan Unit Udara bagi tahun 2017 dan 2018 terdapat beberapa peningkatan dari segi pencapaian operasi penerbangan Unit Udara, meliputi perkara-perkara berikut:

1. Penggunaan pesawat jabatan dalam operasi mencari dan menyelamatkan bagi tahun 2018 meningkat sebanyak 6.4% berbanding tahun 2017.
2. Jumlah operasi mencari dan menyelamatkan juga meningkat pada tahun 2018 iaitu sebanyak 50 penerbangan berbanding tahun 2017 iaitu hanya sebanyak 44 penerbangan.
3. Pengoperasian udara bagi tahun 2018 sebanyak 269 penerbangan telah menurun sebanyak 12.5% berbanding tahun 2017 iaitu sebanyak 346 penerbangan.
4. Terdapat peningkatan pada jumlah operasi *air ambulans* bagi tahun 2018 iaitu sebanyak 72 penerbangan berbanding pada tahun 2017 iaitu sebanyak 58 penerbangan.
5. Rumusannya, keseluruhan operasi penerbangan (496 penerbangan) pada tahun 2018 telah menunjukkan penurunan berbanding dengan tahun 2017 (452 penerbangan).



PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN

PENGURUSAN BAJET

Prestasi Perbelanjaan Keseluruhan JBPM Sehingga 31 Disember 2018

Bil	Bajet	Peruntukan Asal (RM)	Peruntukan Dipinda (RM)	Belanja Sebenar (RM)	%	Baki (RM)	%
1	Dasar Sedia Ada	908,507,600.00	887,030,640.00	830,001,479.17	93.57	57,029,160.83	6.43
2	Program Khusus	25,617,000.00	35,443,414.66	33,124,575.82	93.45	2,318,838.84	6.55
JUMLAH		934,124,600.00	922,474,054.66	863,126,054.99	93.56	59,347,999.67	6.44

Berdasarkan Laporan A499 pada 31 Disember 2018

Prestasi Perbelanjaan Dasar Sedia Ada OA10000 Pada 31 Disember 2018

Objek Sebagai	Peruntukan Asal	Peruntukan Dipinda	Belanja Sebenar		Baki	
	RM	RM	RM	%	RM	%
11000	455,925,000.00	425,007,070.00	396,505,566.56	93.29	28,501,503.44	6.71
12000	150,250,500.00	153,671,875.00	143,134,771.00	93.14	10,537,104.00	6.86
13000	6,565,600.00	7,001,546.00	5,408,009.05	77.24	1,593,536.95	22.76
14000	300,000.00	526,300.00	446,502.56	84.84	79,797.44	15.16
15000	6,192,500.00	6,714,409.00	5,984,752.23	89.13	729,656.77	10.87
17000	0.00	26,329,400.00	25,153,533.71	95.53	1,175,866.29	4.47
Jumlah Keseluruhan	619,233,600.00	619,250,600.00	576,633,135.11	93.12	42,617,464.89	6.88

Prestasi Perbelanjaan Dasar Sedia Ada OA20000 Pada 31 Disember 2018

Objek Sebagai	Peruntukan Asal RM	Peruntukan Dipinda RM	Belanja sebenar		Baki	
			Belanja A499	%	RM	%
21000	6,895,800.00	10,859,597.60	10,268,221.26	94.55	591,376.34	5.45
22000	1,315,000.00	1,225,977.64	10,268,221.26	90.69	114,194.77	9.31
23000	32,808,900.00	30,838,790.00	29,823,566.39	96.71	1,015,223.61	3.29
24000	6,509,100.00	6,027,369.48	5,179,535.95	85.93	847,833.53	14.07
25000	2,090,600.00	2,115,846.80	1,768,434.66	83.58	347,412.14	16.42
26000	47,170,200.00	53,505,613.21	51,116,234.42	95.53	2,389,378.79	4.47
27000	38,525,500.00	23,313,720.00	21,152,674.90	90.73	2,161,045.10	9.27
28000	103,142,600.00	97,427,620.52	93,755,653.34	96.23	3,671,967.18	3.77
29000	49,629,300.00	39,749,764.75	37,000,099.37	93.08	2,749,665.38	6.92
Jumlah Keseluruhan	288,087,000.00	265,064,300.00	251,176,203.16	94.76	13,888,096.84	5.24

Prestasi Perbelanjaan Dasar Sedia Ada OA30000 Pada 31 Disember 2018

Objek Sebagai	Peruntukan Asal	Peruntukan Dipinda	Belanja sebenar		Baki	
	RM	RM	RM	%	RM	%
32000	0.00	93,800.00	93,800.00	100.00	0.00	0.00
33000	0.00	19,800.00	19,800.00	100.00	0.00	0.00
35000	0.00	185,140.00	139,179.00	75.18	45,961.00	24.82
Jumlah Keseluruhan	0.00	298,740.00	252,779.00	84.62	45,961.00	15.38

Prestasi Perbelanjaan Dasar Sedia Ada OA40000 Pada 31 Disember 2018

Objek Sebagai	Peruntukan Asal	Peruntukan Dipinda	Belanja sebenar		Baki	
	RM	RM	RM	%	RM	%
42000	1,117,400.00	2,347,400.00	1,928,739.40	82.16	418,660.60	17.00
43000	69,600.00	69,600.00	10,622.50	15.26	58,977.50	84.00
Jumlah Keseluruhan	1,187,000.00	2,417,000.00	1,939,361.90	80.23	477,638.10	19.76

Prestasi Perbelanjaan Program Khusus JBPM Pada 31 Disember 2018

Bil	PTJ	Peruntukan Asal (RM)	Peruntukan Dipinda (RM)	Perbelanja Sebenar (RM)	% Belanja	Baki (RM)	% Baki
1	Elaun PBB, EMRS, PPDA dan HAZMAT	24,890,000.00	34,872,400.00	32,578,301.94	93.42	2,294,098.06	6.58
2	Bertugas ke Luar Negara	727,000.00	571,014.66	546,273.88	95.67	24,740.78	4.33

Prestasi Perbelanjaan Dasar Sedia Ada Mengikut PTJ JBPM Pada 31 Disember 2018

Bil	PTJ	Peruntukan Asal (RM)	Peruntukan Dipinda (RM)	Perbelanja Sebenar (RM)	% Belanja	Baki (RM)	% Baki
1	Kedah	40,669,061.10	41,648,251.10	41,565,322.43	99.80%	82,928.67	0.20%
2	Johor	61,874,879.50	63,503,260.50	63,110,672.00	99.38%	392,588.50	0.62%
3	N.Sembilan	35,287,734.00	35,930,379.00	35,620,658.37	99.14%	309,720.63	0.86%
4	Melaka	26,512,148.50	26,443,858.50	26,216,256.43	99.14%	227,602.07	0.86%
5	Selangor	77,491,569.60	78,086,869.60	77,158,134.67	98.81%	928,734.93	1.19%
6	Sabah	55,063,155.70	55,409,155.70	54,740,092.24	98.79%	669,063.46	1.21%
7	ABPM Wilayah Utara	4,365,232.50	4,380,432.50	4,321,515.34	98.65%	58,917.16	1.35%
8	Pahang	52,098,692.60	52,472,042.60	51,385,581.22	97.93%	1,086,461.38	2.07%
9	Kelantan	31,857,205.00	31,934,005.00	31,243,075.56	97.84%	690,929.44	2.16%
10	Terengganu	37,930,272.30	38,186,422.30	37,293,324.74	97.66%	893,097.56	2.34%
11	Perak	61,340,270.00	61,775,220.00	60,248,285.20	97.53%	1,526,934.80	2.47%
12	Sarawak	70,892,864.00	71,520,864.00	69,543,238.26	97.23%	1,977,625.74	2.77%

Bil	PTJ	Peruntukan Asal (RM)	Peruntukan Dipinda (RM)	Perbelanja Sebenar (RM)	% Belanja	Baki (RM)	% Baki
13	P. Pinang	48,061,055.70	48,393,155.70	46,660,908.96	96.42%	1,732,246.74	3.58%
14	Labuan	12,530,366.00	12,621,366.00	12,100,076.25	95.87%	521,289.75	4.13%
15	Perlis	14,485,490.00	14,618,690.00	13,982,358.83	95.65%	636,331.17	4.35%
16	ABPM Wilayah Tengah	11,837,732.40	11,877,632.40	10,975,188.40	92.40%	902,444.00	7.60%
17	ABPM Wilayah Timur	17,405,302.90	16,592,102.90	15,294,591.26	92.18%	1,297,511.64	7.82%
18	Kuala Lumpur	48,059,844.40	48,479,484.40	41,324,985.65	85.24%	7,154,498.75	14.76%
19	Ibu Pejabat	163,892,995.40	157,999,223.40	126,911,926.40	80.32%	31,087,297.00	19.68%
20	Putrajaya	7,509,060.00	7,566,160.00	5,852,456.08	77.35%	1,713,703.92	22.65%

PENGURUSAN PERAKAUNAN

Prestasi Pembayaran Bil/ Tuntutan Dalam Tempoh 14 Hari (Januari – Disember 2018)

PRESTASI PEMBAYARAN BIL (Rekod Bilangan Yang Telah Selesai DiBayar Dari 1 Januari – 31 Disember 2018)

Bil.	1-14 hari		>14 hari		Jumlah		%
	Bil	RM	Bil	RM	Bil	RM	
Jan	28	441,820.61	-	-	28	441,820.61	0.00%
Feb	1,708	4,631,644.12	60	84,389.65	1,768	4,716,033.77	3.39%
Mac	4,177	17,628,640.07	2	1,400.00	4,179	17,630,040.07	0.05%
Apr	4,212	31,852,385.13	25	29,447.06	4,237	31,881,832.19	0.59%
Mei	3,862	9,821,786.54	17	69,600.14	3,879	9,891,386.68	0.44%
Jun	3,418	9,666,048.32	5	14,049.01	3,423	9,680,097.33	0.15%
Jul	2,988	8,571,705.76	-	-	2,988	8,571,705.76	0.00%
Ogos	3,690	7,922,190.89	21	118,110.34	3,711	8,040,301.23	0.57%
Sept	3,111	9,057,110.42	6	9,080.38	3,117	9,066,190.80	0.19%
Okt	4,816	24,099,198.82	1	19,214.84	4,817	24,118,413.66	0.02%
Nov	6,502	30,987,266.15	1	185.50	6,503	30,987,451.65	0.02%
Dis	6,389	40,003,174.49	3	827.00	6,392	195,055,127.93	0.05%
	44,761	212,311,615.44	141	356,317.78	44,902	318,230,451.32	0.31%

Prestasi Pembayaran Bil 1 Januari - 31 Disember 2018

Bil	PTJ	<14 hari	>14 hari	Jumlah Bil
1	Sabah	4,570	-	4,570
2	Terengganu	3,969	5	3,974
3	Ibu Pejabat	3,771	11	3,782
4	Perak	3,585	1	3,586
5	Kedah	3,390	2	3,392
6	Selangor	3,285	51	3,336
7	Kelantan	3,315	1	3,316
8	Sarawak	3,291	3	3,294
9	Pahang	2,711	10	2,721
10	Johor	1,815	3	1,818
11	ABPM Wilayah Timur	1,705	-	1,705
12	Melaka	1,619	17	1,636
13	Negeri Sembilan	1,549	1	1,550
14	Pulau Pinang	1,449	18	1,467
15	Perlis	1,015	1	1,016
16	ABPM Wilayah Tengah	980	1	981
17	Kuala Lumpur	869	8	877
18	ABPM Wilayah Utara	635	1	636
19	Labuan	488	4	492
20	Pembangunan	405	-	405
21	Putrajaya	348	-	348
JUMLAH		44,761	141	44,902

**Kedudukan Bayaran Bil/Tuntutan di Bawah AP58(a)
bagi tempoh 01.01.2018 – 31.12.2018**

Pembayaran Di Bawah AP58(a) 1 Januari – 31 Disember 2018

Bil	PTJ	Sehingga Disember 2017		Sehingga Disember 2018	
		Bil	RM	Bil	RM
1	Selangor	34	233,972.08	160	1,367,077.79
2	Ibu Pejabat	111	773,893.22	166	658,937.30
3	Kuala Lumpur	26	9,755.71	25	29,591.81
4	ABPM Wilayah Tengah	22	96,863.01	91	965,818.37
5	Johor	4	148,530.00	20	262,658.35
6	ABPM Wilayah Timur	46	49,025.70	71	166,105.06
7	ABPM Wilayah Utara	1	25,000.00	7	147,835.80
8	Negeri Sembilan	24	69,747.49	27	101,572.73
9	Perlis	5	1,273.50	9	88,933.68
10	Sarawak	71	97,164.32	111	74,909.23
11	Terengganu	43	341,793.16	50	44,679.22
12	Perak	-	0.00	61	43,340.01
13	Pahang	28	83,813.47	46	27,118.46
14	Kedah	13	28,447.20	43	16,073.75
15	Sabah	236	147,459.01	25	15,862.31
16	Putrajaya	-	0.00	9	9,335.05

Bil	PTJ	Sehingga Disember 2017		Sehingga Disember 2018	
		Bil	RM	Bil	RM
17	Melaka	9	40,594.94	9	9,252.47
18	Kelantan	70	134,202.94	44	9,910.93
19	Labuan	24	19,219.04	10	8,015.63
20	Pulau Pinang	8	3,257.10	6	2,565.15
JUMLAH		775	1,530,568.67	990	4,049,593.10


Laporan Pungutan Hasil sehingga 31 Disember 2018

Prestasi Pungutan Hasil Terkumpul JBPM Mengikut PTJ Pada 31 Disember 2018

Bil	PTJ	S1 Tahun 2018	S2 Tahun 2018	S3 Tahun 2018	S4 Tahun 2018	Jumlah
1	Ibu Pejabat	4,105,161.82	7,887,505.30	4,026,966.47	4,738,662.53	20,758,296.12
2	Selangor	268,189.10	499,095.94	1,996,380.28	2,671,909.36	5,435,574.68
3	Johor	205,040.05	413,097.51	688,288.22	985,744.87	2,292,170.65
4	Kuala Lumpur	149,874.10	306,185.70	429,993.20	532,018.20	1,418,071.20
5	Pulau Pinang	110,631.00	205,409.00	281,651.70	122,191.72	719,883.42
6	Sabah	111,091.25	170,499.25	223,661.50	260,221.75	765,473.75
7	Sarawak	83,014.85	134,261.45	225,350.82	310,625.37	753,252.49
8	Negeri Sembilan	66,602.20	133,744.91	169,730.06	276,918.06	646,995.23
9	Perak	91,241.06	130,013.15	70,277.25	87,909.00	379,440.46
10	Pahang	52,677.45	80,081.50	146,732.50	213,999.50	493,490.95
11	Kedah	34,133.50	65,180.50	40,229.00	131,030.50	270,573.50
12	Melaka	44,039.80	63,114.70	10,248.20	152,074.36	269,477.06
13	Kelantan	25,806.00	60,357.65	24,700.17	41,497.00	152,360.82
14	Terengganu	20,407.30	42,497.31	59,473.81	59,473.81	181,852.23
15	Labuan	21,710.50	32,533.50	37,529.50	43,536.50	135,310.00
16	Putrajaya	-	24,917.70	5,474.50	60,727.50	91,119.70
17	ABPM Wilayah Timur	7,963.80	14,986.20	16,185.80	22,219.05	61,354.85
18	Perlis	2,760.70	8,351.70	14,678.70	21,574.70	47,365.80
19	ABPM Wilayah Tengah	7,163.25	7,563.25	7,603.25	0.00	22,329.75
20	ABPM Wilayah Utara	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
JUMLAH		5,407,507.73	10,279,396.22	8,475,154.93	10,732,333.78	34,894,392.66

Laporan Pungutan Perkhidmatan Bomba Akaun Amanah KWKB sehingga 31 Disember 2018

Pungutan Hasil Perkhidmatan Bomba Yang Dikreditkan Ke Akaun Amanah KWKB Mengikut Suku Tahun



Pungutan Hasil Terkumpul yang Dikreditkan ke Akaun Amanah KWKB (84002) Mengikut Suku Tahun

Suku Tahun	Pertama (RM)	Kedua (RM)	Ketiga (RM)	Keempat (RM)	Jumlah (RM)
2017	28,695.00	34,520.51	36,592.76	123,579.90	223,388.17
2018	60,105.50 ▲	23,111.75 ▼	28,306.40 ▼	532,284.77 ▲	643,808.42

Akaun Belum Terima (ABT) sehingga 31 Disember 2018

Akaun Belum Terima (ABT) Keseluruhan JBPM Pada 31 Disember 2018

Bil	PTJ	Usia Tunggakan			Jumlah	Bilangan Pengawal
		<1 Tahun	1-3 Tahun	>3 Tahun		
1	Ibu Pejabat	-	12,136.53	13,424.61	25,561.14	6
Aduan melalui internet adalah aduan yang diterima melalui website jabatan iaitu <http://www.bomba.gov.my> atau daripada alamat emel Bahagian Pengurusan Korporat iaitu korporat@bomba.gov.my atau korporat.bomba@1govuc.gov.my. Selain daripada website dan emel, jabatan juga ada menerima aduan melalui laman sosial facebook.

1.3 ADUAN LISAN (MELALUI PANGGILAN TELEFON DAN HADIR KE PEJABAT).


Aduan yang diterima daripada orang awam melalui panggilan telefon/talian bebas tol ke Bahagian Pengurusan Korporat dan akan disiasat berpandukan maklumat yang diperolehi mengikut prosedur yang ditetapkan. Terdapat juga pengadu yang hadir ke pejabat bagi menyampaikan aduan terus secara lisan.

2. PENERIMAAN ADUAN PELANGGAN MENGIKUT BULAN BAGI TAHUN 2018

Bagi tahun 2018 ini sebanyak 255 kes aduan pelanggan telah diterima oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Berdasarkan kepada jadual dan carta di bawah menunjukkan taburan bilangan aduan mengikut bulan sepanjang tahun 2018. Penerimaan aduan paling tinggi adalah pada bulan Januari, Ogos dan September dengan purata kes sebanyak 35 aduan. Walaubagaimanapun pada bulan Oktober dan Disember merekodkan bilangan aduan paling rendah dengan purata kes sebanyak 9 aduan sahaja.

BULAN	BILANGAN ADUAN
Januari	41
Februari	21
Mac	22
April	19
Mei	15
Jun	18
Julai	21
Ogos	38
September	14
Oktober	11
November	27
Disember	8
JUMLAH	255

Jadual 1 : Taburan Bilangan Aduan Pelanggan Bagi Tahun 2018 Mengikut Bulan



Carta 1 : Taburan Bilangan Aduan Pelanggan Bagi Tahun 2018 Mengikut Bulan

3. SUMBER PENERIMAN ADUAN PELANGGAN

Melalui tiga sumber utama penerimaan aduan pelanggan, dapat dirangkumkan dan dibahagikan kepada beberapa kategori saluran utama iaitu emel, surat, surat khabar, telefon, Biro Pengaduan Awam (BPA), Sistem Aduan Bersepadu KPKT, dan lain-lain sumber. Jadual 2 di bawah menunjukkan bahawa sumber penerimaan aduan pelanggan paling tinggi diterima melalui medium internet (emel dan Sistem Aduan Bersepadu KPKT) iaitu sebanyak 238 kes diikuti dengan medium bertulis (Biro Pengaduan Awam, surat dan surat khabar) sebanyak 12 kes, dan medium secara lisan (telefon dan whatsapp) sebanyak 5 kes.

Selari dengan peredaran masa, sains dan teknologi pada masa kini, emel menjadi pilihan yang utama bagi penyaluran aduan pelanggan kerana kelebihan yang dimilikinya iaitu cepat, mudah, dapat mengirim ke banyak pihak, dapat melampirkan fail seperti dokumen, gambar, video dan seterusnya boleh dihantar tidak kira masa dan tempat.


SUMBER	JUMLAH ADUAN	PERATUSAN ADUAN (%)
Emel	234	91.76
Surat Khabar	1	0.39
Surat	5	1.96
Telefon	4	1.57
Biro Pengaduan Awam	6	2.35
Sistem Aduan Bersepadu KPKT	4	1.57
Lain-lain (Whatsapp)	1	0.39
JUMLAH	255	100

Jadual 2 : Sumber Penyaluran Aduan Pelanggan Bagi Tahun 2018

MEDIUM PENERIMAAN ADUAN	JUMLAH	PERATUSAN (%)
Internet	238	93.33
Bertulis	12	4.71
Lisan	5	1.96
JUMLAH	255	100

Jadual 3 : Medium Penerimaan Aduan Pelanggan Bagi Tahun 2018

MEDIUM PENERIMAAN ADUAN PELANGGAN




Carta 2 : Medium Penerimaan Aduan Pelanggan Bagi Tahun 2018

4. TABURAN PENERIMAAN ADUAN PELANGGAN MELALUI IBU PEJABAT MENGIKUT NEGERI

Jadual 4 menunjukkan taburan aduan pelanggan dari serata negeri yang ditujukan ke Ibu Pejabat JBPM. Negeri Selangor merupakan negeri yang tertinggi menerima aduan dari orang awam iaitu sebanyak 102 kes dengan diikuti Kuala Lumpur sebanyak 54 kes dan Negeri Pulau Pinang sebanyak 38 kes. Kesedaran dan keprihatinan orang awam terhadap tahap keselamatan kebakaran di negeri-negeri ini sangat membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia secara tidak langsung dalam mempertingkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan. Pembangunan dan kemajuan yang terus meningkat saban hari di negeri-negeri pesat ini membuatkan masyarakat mula menyedari bahawa tahap keselamatan diri menjadi keutamaan walaupun mereka berada dimana sahaja.

BIL	JBPM Negeri	JUMLAH	PERATUSAN (%)
1	Selangor	102	40.00
2	Kuala Lumpur	54	21.18
3	Pahang	5	1.96
4	Perak	4	1.57
5	Johor	18	7.06
6	Pulau Pinang	38	14.90
7	Kedah	10	3.92
8	Sabah	4	1.57
9	Sarawak	4	1.57
10	Kelantan	2	0.78
11	Terengganu	1	0.39
12	Negeri Sembilan	6	2.35
13	Melaka	3	1.18
14	Perlis	0	0
15	Labuan	0	0
16	Putrajaya	1	0.39
17	Ibu Pejabat	3	1.18
JUMLAH		255	100

Jadual 4 : Taburan Penerimaan Aduan Pelanggan Mengikut Negeri



Carta 3 : Taburan Penerimaan Aduan Pelanggan Mengikut Negeri

5. ISU-ISU ADUAN PELANGGAN MENGIKUT BAHAGIAN BAGI TAHUN 2017

Secara keseluruhan isu-isu aduan pelanggan bagi tahun 2018 boleh dilihat berdasarkan kategori mengikut peranan dan fungsi di Bahagian-bahagian JBPM seperti di Jadual 5. Isu aduan pelanggan yang tertinggi ialah dari Bahagian Keselamatan Kebakaran iaitu sebanyak 148 kes. Isu aduan yang menjadi keutamaan oleh masyarakat pada masa kini adalah perkara berkaitan dengan 'tahap keselamatan kebakaran premis' (apartment/hotel/pejabat/kilang/sekolah) yang mereka alami mahupun kunjungi. Penyelesaian aduan ini dapat diatasi dengan menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 di premis-premis yang diadukan. Antara berikut adalah perkara-perkara aduan yang terkandung dalam tahap keselamatan kebakaran premis iaitu:


- i. Sistem keselamatan kebakaran yang mengalami kerosakan/ tidak diselenggara
- ii. Pintu rintangan api yang berkunci/ rosak
- iii. Laluan/ tangga kecemasan yang terhalang
- iv. Kerosakan lift bomba
- v. Menyimpan bahan mudah terbakar
- vi. Alat pemadam api tamat tempoh
- vii. Tiada sokongan perlesenan perniagaan

Isu aduan dari Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat menyumbang aduan kedua tertinggi iaitu sebanyak 77 kes. Kebanyakan isu aduan dari bahagian ini adalah berkaitan Pili Bomba, manakala isu berhubung perkhidmatan operasi kebommbaan hanya sedikit yang diterima. Pili bomba merupakan sumber air utama yang diperlukan dalam operasi pemadaman kebakaran. Kerosakan, kehilangan, kebocoran dan apa jua kecacatan yang berlaku terhadap pili bomba ini, kini menjadi kerisauan terhadap masyarakat. Jabatan sangat berterima kasih kepada masyarakat yang kini lebih prihatin terhadap permasalahan-permasalahan ini. Perkara seumpama ini sedikit sebanyak dapat membantu memperkemas kesiapsiagaan jabatan dalam menjalankan tugas-tugas pemadaman kebakaran. Terdapat juga laporan kerosakan pili bomba ini berpunca dari sikap segelintir masyarakat yang melakukan *vandalisme*. Perkara yang kerap berlaku adalah kecurian di beberapa bahagian pada pili bomba berkenaan. Walaubagaimanapun, kehilangan bahagian tersebut telah menjadikan pegawai-pegawai bomba lebih kreatif dalam menghasilkan satu alat ganti yang inovatif. Alat berkenaan boleh disimpan di dalam jentera dan digunakan pada pili bomba yang mengalami kehilangan pada sesuatu bahagian.

Jabatan turut menerima aduan daripada pihak yang berurusan secara langsung dan tidak langsung bagi mendapatkan perkhidmatan dan maklumat dari pihak jabatan. Walaubagaimanapun, ianya masih berlaku salah faham di antara pegawai yang berurusan dengan pihak berkenaan yang meninggalkan kesan terhadap pengadu. Isu etika pegawai dan perkhidmatan yang tidak memuaskan masih berlaku saban tahun walaupun jumlahnya hanya sedikit. Perselisihan faham berkenaan kebanyakannya dapat diselesaikan secara baik dan positif apabila siasatan dijalankan terhadap kedua-dua pihak berkenaan.

ISU BAHAGIAN	JUMLAH	PERATUSAN (%)
Bahagian Keselamatan Kebakaran	148	58.04
Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat	77	30.20
Etika Pegawai Bomba	7	2.75
Perkhidmatan yang tidak memuaskan	9	3.53
Lain-lain	14	5.49
JUMLAH	189	100

Jadual 5 : Isu-Isu Aduan Pelanggan Mengikut Bahagian



Carta 4 : Isu-Isu Aduan Pelanggan Mengikut Bahagian


6. TEMPOH PENYELESAIAN ADUAN PELANGGAN BAGI TAHUN 2018

Jadual 6 menunjukkan bilangan dan peratusan kes aduan yang dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang dipecahkan mengikut peringkat. Tempoh penyelesaian aduan ini adalah berdasarkan jenis dan bentuk aduan yang diterima. Berdasarkan piagam pelanggan jabatan telah menyatakan bahawa aduan jenis mudah perlu diselesaikan dalam tempoh masa 5 hari dan aduan jenis sederhana perlu diselesaikan dalam masa 15 hari. Manakala bagi aduan yang kompleks tempoh masa yang diberikan di antara 15 hari sehingga selesai di mana ianya memerlukan siasatan dan penyelarasan lanjut dari agensi-agensi terlibat.

Tempoh	Jumlah Selesai	Jumlah Selesai (%)
1 hari	44	17.25
2-5 hari	79	30.98
6-10 hari	85	33.33
11-15 hari	36	14.12
16-20 hari	8	3.14
21-30 hari	3	1.18
31-60 hari	0	0
>60 hari	0	0
Jumlah	255	100

Jadual 6: Jumlah Tempoh dan peratusan penyelesaian aduan pelanggan

TEMPOH PENYELESAIAN ADUAN



Carta 5 : Bilangan dan peratusan tempoh penyelesaian aduan pelanggan

7. ANALISA ADUAN

Berdasarkan penerimaan aduan bagi tahun 2018, terdapat peningkatan dari segi bilangan aduan yang diterima jika dibandingkan dari tahun 2015, 2016 dan 2017. Peningkatan aduan ini boleh dikatakan satu perkembangan yang agak baik dari segi kesedaran masyarakat berhubung keselamatan kebakaran di tempat kediaman mereka mahupun di premis-premis yang dikunjungi. Kebimbangan dan kepekaan mereka terhadap isu berkaitan tahap keselamatan kebakaran premis ini terus meningkat saban tahun. Jabatan akan meneruskan dan memperbanyakkan lagi program-program kesedaran kepada masyarakat di pelbagai lapisan terutamanya kepada golongan yang bekerja ataupun mendiami di premis-premis yang agak berisiko seperti bangunan-bangunan tinggi dan bangunan berkeluasan yang besar dan sederhana. Kesedaran dan informasi yang mereka perolehi ini, mampu memastikan premis-premis berkenaan sentiasa berada dalam keadaan yang selamat dari segi pemasangan keselamatan kebakaran yang wujud.

Jabatan turut memperkasakan lagi pasukan-pasukan keselamatan yang telah diwujudkan di pelbagai peringkat seperti Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT), Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK), Pasukan Bomba Komuniti, dan Pasukan Kadet Bomba. Pasukan ini turut menyumbangkan peningkatan tahap kesedaran masyarakat berhubung perkara ini. Jadual 7 menunjukkan perbandingan jumlah aduan mengikut tahun.

TAHUN	BILANGAN ADUAN MENGIKUT BAHAGIAN			
	Keselamatan Kebakaran	Operasi	Lain-lain	Jumlah Keseluruhan
2015	94	74	7	176
2016	97	65	19	181
2017	120	44	25	189
2018	148	77	30	255

Jadual 7: Perbandingan jumlah aduan mengikut bahagian bagi tahun 2015, 2016, 2017 dan 2018.

8. GAMBAR



Longgokan barangan yang mewujudkan bahaya kebakaran



Longgokan barang yang menyebabkan Pili Bomba sukar dilihat



Pili Bomba yang kehilangan elbow setelah dibuat penggantian



Ujian pengeluaran air pada Pili Bomba



Perbincangan bersama pihak Pengurusan Bangunan berhubung aduan yang diterima



Aduan penyimpanan barang mudah terbakar



Tangga kecemasan pangsapuri dikunci oleh pihak Pengurusan Bangunan

Aduan kerosakan Pili Bomba akibat dilanggar



PENCAPAIAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang telah bermula sejak tahun 1999 lagi dengan Versi MS ISO 9002:1994. Selaras dengan penambahbaikan standard oleh International Organisation for Standardization (ISO), JBPM beralih pula kepada pensijilan MS ISO 9001:2000 pada tahun 2005 dan persijilan MS ISO 9001:2008 pada tahun 2009. Selaras dengan penambahbaikan standard MS ISO 9001:2008 kepada MS ISO 9001:2015, jabatan meneruskan komitmen pelaksanaan sistem pengurusan kualiti sehinggalah memperolehi pensijilan versi 2015 pada 30 Januari 2019. Pengenalan elemen *Risk Based Thinking* bagi menggantikan elemen 'pencegahan' dalam versi 2008 bagi memastikan risiko dalam setiap proses kerja akan dapat ditentukan dan dikawal adalah supaya penyampaian perkhidmatan kebombaanan dapat memenuhi jangkaan pelanggan.



Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti jabatan merangkumi Proses Perkhidmatan Utama (Operasi Kebombaanan, Keselamatan Kebakaran dan Penyiasatan) dan Proses Perkhidmatan Sokongan (Latihan, Pembangunan, Perancangan dan Penyelidikan, Kejuruteraan, Pengurusan dan Pentadbiran) dan didokumenkan merangkumi Manual Kualiti, 12 Prosedur Kualiti (PK), 33 Prosedur Sokongan (PS) dan Dokumen Sokongan. Diharapkan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO JBPM akan dapat mencapai objektif iaitu memastikan jabatan mempunyai proses kerja yang sistematik yang seterusnya akan meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kebombaanan kepada pelanggan.

PERATUSAN STATUS KETIDAKCAPAIAN OBJEKTIF KUALITI JANUARI HINGGA DISEMBER TAHUN 2018

NEGERI	OPERASI KEBOMBAAN					KESELAMATAN KEBAKARAN						PENYIASATAN	PENGURUSAN	KORPORAT		R&P
	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N (M)	N (s)	O
PERLIS	1.57	0.00	0.00	0.00	7.69	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
KEDAH	0.81	0.00	5.04	5.77	25.00	0.00	0.00	0.00	2.14	0.00	0.00	0.00	0.89	0.00	0.00	0.00
P.PINANG	0.11	0.00	0.60	1.90	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.66	0.69	0.00	0.00	0.00
PERAK	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
K.LUMPUR	0.00	0.00	9.66	6.76	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
SELANGOR	11.11	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
PUTRAJAYA	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
N.SEMBILAN	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
MELAKA	1.56	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
JOHOR	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.15	0.00	100.00	0.00
PAHANG	1.29	0.00	1.38	2.12	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
KELANTAN	0.00	0.00	0.00	0.49	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
TERENGGANU	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
SABAH	0.03	0.00	0.17	0.08	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
SARAWAK	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.17	0.00	1.25	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
LABUAN	0.28	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.75	0.00	0.00	0.00
JUMLAH % KETIDAKCAPAIAN	2.46	0.00	0.90	0.93	2.54	0.00	0.00	0.00	0.11	0.00	0.09	0.03	0.09	0.00	0.44	0.00

PRESTASI

PERATUSAN	SASARAN PENCAPAIAN	STATUS
0%	Mencapai Objektif Kualiti	AMAT BAIK
>0% - 1%	Tidak Mencapai Objektif Kualiti	BAIK
>1% - 4%	Tidak Mencapai Objektif Kualiti	SEDERHANA
>4% - 10%	Tidak Mencapai Objektif Kualiti	LEMAH
>10%	Tidak Mencapai Objektif Kualiti	AMAT LEMAH

PETUNJUK

- A - Jentera Bomba pertama hendaklah keluar dari Bay Jentera ke lokasi operasi kebommbaan tidak melebihi 60 saat daripada masa terima panggilan di Bilik Kawalan Balai.
- B - Mengeluarkan laporan pengesanan kebakaran dalam tempoh satu (1) hari dari tarikh kejadian
- C - Laporan kebakaran disediakan dan dihantar ke Bahagian Operasi Negeri tidak melebihi 14 hari dari tarikh kejadian
- D - Laporan Khidmat Khas disediakan dan dihantar ke Bahagian Operasi Negeri tidak melebihi 14 hari dari tarikh kejadian
- E - Perangkaan Bulanan Operasi hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, Ibu Pejabat JBPM Putrajaya sebelum atau pada 2 hari sebelum setiap bulan berikutnya
- F - Memproses pelan Arkitektur (bangunan) dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan yang lengkap diterima
- G - Memproses pelan 'M&E' dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan yang lengkap diterima
- H - Mengeluarkan surat pelepasan perakuan berperingkat (G8 dan G9) atau surat sokongan (CFO) dalam tempoh 7 hari dari tarikh pemeriksaan sekiranya semua syarat dipatuhi
- I - Memproses permohonan pelesenan yang lengkap dalam tempoh 7 hari dari tarikh penerimaan
- J - Mengeluarkan Notis Penghapusan Bahaya Kebakaran dalam tempoh 7 hari selepas tarikh pemeriksaan dijalankan sekiranya terdapat bahaya kebakaran
- K - Mengeluarkan Perakuan Bomba dalam tempoh 5 hari dari tarikh pembayaran fi diterima
- L - Melengkapkan Kertas Penyiasatan Kebakaran dalam tempoh 14 hari selepas penyiasatan kebakaran dimulakan
- M - Semua perolehan bekalan dan perkhidmatan hendaklah diakui penerimaannya dan bayaran hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh bil (termasuk invois dan dokumen berkaitan) lengkap diterima
- N - Aduan Pelanggan hendaklah diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan
 - i. Aduan Kategori Mudah - 5 hari
 - ii. Aduan Kategori Sederhana - 14 hari
- O - Penetapan markah Soal Selidik hendaklah ketahap cemerlang iaitu sekurang-sekurangnya 75%

ANALISA RINGKAS PENCAPAIAN DATA PENGUKURAN OBJEKTIF KUALITI (DPOK) JBPM NEGERI TAHUN 2018

NEGERI	ULASAN
1	Perlis
2	Kedah
3	Pulau Pinang
4	Perak
5	Kuala Lumpur
6	Selangor
7	Putrajaya

NEGERI		ULASAN
8	Negeri Sembilan	JBPM Negeri Sembilan berjaya mencapai 100% pencapaian 'AMAT BAIK' dalam semua bidang pada tahun 2018.
9	Melaka	Secara keseluruhannya, JBPM Negeri Melaka telah berjaya mengekalkan prestasi yang baik pada tahun 2018, namun 1 bidang iaitu bidang A yang berada pada tahap 'SEDERHANA'.
10	Johor	JBPM Negeri Johor mencatatkan prestasi yang baik dengan semua bidang mencapai 100% kecuali 1 bidang berstatus 'AMAT LEMAH' iaitu bidang N(s).
11	Pahang	Secara keseluruhan, pada tahun 2018 pencapaian DPOK JBPM Negeri Pahang berada dalam keadaan baik namun bidang A, C dan D berada pada tahap 'SEDERHANA'.
12	Terengganu	JBPM Negeri Terengganu mencatatkan prestasi yang baik dengan semua bidang dengan pencapaian 100% bagi tahun 2018.
13	Kelantan	JBPM Negeri Kelantan berjaya mencapai 100% pencapaian 'AMAT BAIK' dalam semua bidang pada tahun 2018 kecuali bidang D yang pada tahap 'BAIK'.
14	Labuan	JBPM Labuan turut mencatatkan peningkatan prestasi yang memberangsangkan pada tahun 2018 dengan semua bidang berada dalam status 'AMAT BAIK' dan 'BAIK'.
15	Sabah	JBPM Negeri Sabah berjaya mencapai 100% pencapaian 'AMAT BAIK' dalam semua bidang pada tahun 2018 kecuali bagi bidang A, C dan D pada tahap 'BAIK'.
16	Sarawak	JBPM Negeri Sarawak turut mencatatkan peningkatan prestasi yang memberangsangkan pada tahun 2018 dalam semua bidang kecuali bidang I yang berada dalam tahap 'BAIK' dan K pada tahap 'SEDERHANA'.

PENCAPAIAN AUDIT KUALITI DALAMAN MENGIKUT NEGERI TAHUN 2017

Pada tahun 2018, pasukan audit dalaman MS ISO JBPM telah berjaya membuat Audit Kualiti Dalaman di semua 16 JBPM Negeri dengan menggunakan Standard MS ISO 9001:2015. Daripada auditan tersebut, beberapa penemuan-penemuan melibatkan Ketaakuran (NCR) dan Peluang Penambahbaikan (OFI) yang telah direkodkan oleh pasukan audit dalaman. Kesemua penemuan tersebut telahpun diambil tindakan pencegahan dan pembedahan oleh semua negeri yang terlibat. Perkara ini juga telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) di peringkat Ibu Pejabat dan negeri-negeri. Audit Kualiti Dalaman tahun 2018 mencatatkan penemuan sebanyak 37 Ketaakuran NCR (Minor), 116 Peluang Penambahbaikan (OFI) daripada 17 JBPM Negeri dan tiada NCR (Major).

NEGERI	PENEMUAN KETIDAKAKURAN		
	OFI*	NCR MINOR	NCR MAJOR
Kelantan	10	3	-
Terengganu	10	3	-
Perlis	3	3	-
Kedah	6	1	-
Pulau Pinang	12	1	-
Putrajaya	9	-	-
Perak	9	3	-
Selangor	12	4	-
Kuala Lumpur	6	5	-
Pahang	6	3	-
Negeri Sembilan	7	2	-
Melaka	4	1	-
Johor	6	2	-
Sarawak	4	2	-
Sabah	8	3	-
Labuan	4	1	-
JUMLAH	116	37	-

Daripada jumlah tersebut, Seksyen 4 (Konteks Organisasi) mencatatkan 12 ketaakuran, Seksyen 5 (Kepimpinan) mencatatkan 9 ketaakuran, seksyen 6 (Perancangan) mencatatkan 8 ketaakuran, seksyen 7 (Sokongan) mencatatkan 93 ketaakuran, Seksyen 8 (Operasi) mencatatkan 14 ketaakuran, Seksyen 9 (Penilaian Prestasi) mencatatkan 16 ketaakuran dan seksyen 10 mencatatkan 1 ketaakuran. Daripada data di atas, didapati Seksyen 7 (Sokongan) adalah Seksyen yang paling tinggi mencatatkan ketaakuran ditemui.

Bil	Penemuan Audit	Laporan Ketakakuran	Seksyen	Bahagian/Zon/Balai	Negeri	Tarikh
1	Penggunaan cop semasa menerima panggilan kecemasan sehingga laporan komander operasi tidak menggunakan format yang ditetapkan di dalam JBPM/PK/01 lampiran 8	OFI	7.5.2(b)	Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat	JBPM Negeri Melaka	16-Okt-18
2	Laporan prestasi ujian IPPT bagi siri 1/2018 JBPM Melaka mencatatkan 110 anggota lulus (28.57%), manakala 274 anggota gagal (71.43%). Hasil temubual dan semakan, tiada tindakan susulan dan inisiatif diambil untuk membantu anggota yang gagal bagi memastikan mereka lulus dalam siri 2/2018 yang akan dilaksanakan pada 16-18 Oktober 2018	OFI	6.1.2	Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat	JBPM Negeri Melaka	16-Okt-18
3	Berlaku kelewatan bagi siasatan kemalangan kenderaan jabatan jentera Scania WUD2577, BBP Jalan Kubu yang terlibat kemalangan pada 24/02/2018. Pelantikan Pegawai Penyiasat kemalangan pertama dibuat pada 1 Mac 2018, melalui surat JBPM/MK/OPS:300-3/13/14 JLD 2(24) dan pelantikan Pegawai Penyiasat Kemalangan kali kedua dikeluarkan pada 2 Oktober 2018 melalui surat JBPM/MK/OPS:300-3/13/14 JLD 2(24)	NCR (minor)	5.3	Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat	JBPM Negeri Melaka	17-Okt-18
4	Borang Pendaftaran Ahli Kadet Bomba (Lamp. 3), Borang Maklumat Peribadi Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat (Lampiran 5) dan Borang Pelepasan Tanggungjawab (Lampiran 6) tidak dapat dibuktikan pelaksanaannya bagi tahun 2018	OFI	7.5.3.2 (a)	Bahagian Latihan	JBPM Negeri Melaka	16-Okt-18
5	i) Tindakan bagi permohonan mengadakan peperiksaan ke atas pasukan Kadet Bomba tidak diambil. ii) Sijil Ahli Kadet Bomba tidak dikeluarkan dari tahun 2014 hingga 2017 iii) Semakan ke atas sistem e-SPPK di BBP Alor Gajah mendapati 11 KPK kebakaran struktur sejak 17 Okt 2018 hingga 3 Nov. 2018 masih dalam status dihantar semula	OFI	9.1.1 (b)	BBP Alor Gajah	JBPM Negeri Melaka	16-Okt-18

Bil	Penemuan Audit	Laporan Ketakakuran	Seksyen	Bahagian/Zon/Balai	Negeri	Tarikh
1	Peralatan yang memerlukan proses tentukuran tidak dilaksanakan mengikut prosedur Pengendalian Tentukuran Peralatan (PS22)	NCR (Minor)	7.1.5.1 (b)	Konsultan	JBPM Negeri Sabah	19-Okt-18
2	Didapati terdapat 247 laporan kebakaran, 182 laporan menyelamat dan 20 laporan tugas-tugas khas masih tidak dilengkapkan dan telah melebihi 14 hari objektif kualiti Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat	NCR (Minor)	9.1.1 (b)	Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat	JBPM Negeri Sabah	17-Okt-18
3	Flow Pressure Guage bagi kegunaan menentu ukur tekanan pili bomba tiada di balai	OFI	7.1.5 (a)	Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat	JBPM Negeri Sabah	17-Okt-18
4	Penggunaan cop-cop semasa menerima panggilan kecemasan sehingga laporan komander operasi tidak mematuhi prosedur lampiran 8 – JBPM/PK/1 yang diluluskan pada 15/8/2014	OFI	9.1.1	Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat	JBPM Negeri Sabah	17-Okt-18
5	i) No. rujukan bagi surat menyurat tidak dilengkapkan berdasarkan bilangan kandungan surat menyurat di dalam fail ii) Catatan pada kertas minit tidak mematuhi JBPM/PS/13 perkara 6.6 (vi) dan (vii).	OFI	7.5.2 (a)	Bahagian Pengurusan	JBPM Negeri Sabah	17-Okt-18

Bil	Penemuan Audit	Laporan Ketakakuran	Seksyen	Bahagian/Zon/Balai	Negeri	Tarikh
6	Penggunaan logo MS ISO 9001:2008 masih digunapakai pada surat rasmi.	OFI	7..5.1 (a)	Bahagian Pengurusan	JBPM Negeri Sabah	17-Okt-18
7	Didapati terdapat alat pemadam api mudahalih telah melebihi tempoh jangka hayat 10 tahun yang dibenarkan dan tidak mematuhi standard MS1539:2004.	OFI	7.1.5.1 (b)	Bahagian Pengurusan	JBPM Negeri Sabah	17-Okt-18
8	Program kesedaran dan keselamatan kebakaran awam (PK 07) dilaksanakan diperingkat balai tanpa melalui zon di mana pelantikan pegawai penceramah/pameran/demonstrasi dilantik oleh ketua balai	OFI	5.3	BBP Tuaran	JBPM Negeri Sabah	16-Okt-18
9	Borang penilaian penceramah tidak digunakan bagi pelaksanaan aktiviti ceramah kesedaran awam	OFI	7.1.5 (a)	BBP Lahad Datu	JBPM Negeri Sabah	15-Okt-18
10	Pemeriksaan semula bagi aktiviti Menghapus Bahaya Kebakaran tidak dijalankan.	OFI	5.1.2 (a)	Zon Sandakan	JBPM Negeri Sabah	16-Okt-18
11	Buku Log pasukan khas EMRS tidak digunapakai bagi mematuhi Prosedur Operasi Seragam Perkhidmatan Penyelamat dan Perawatan Kecemasan Bersama Jentera EMRS.	NCR (Minor)	7.2 (d)	BBP Sandakan	JBPM Negeri Sabah	16-Okt-18

Bil	Penemuan Audit	Laporan Ketakakuran	Seksyen	Bahagian/Zon/Balai	Negeri	Tarikh
1	Mesyuarat Penilaian Penyiasatan Kebakaran (PELAPEK) yang dipengerusikan oleh YS Pengarah tidak dilaksanakan bagi tahun 2018.	NCR (Minor)	5.1.2 (a)	Bahagian Penyiasatan	JBPM Negeri Perak	10 Okt 2018
2	Borang KEJ 6 (Ujian bersama dan penyerahan KB/PKB selepas penyelenggaraan) tidak diserahkan kepada pelapor.	NCR (Minor)	7.5.3.2	Bahagian Kejuruteraan	JBPM Negeri Perak	9 Okt 2018
3	i) Tidak melaksanakan penyelenggaraan kenderaan mengikut jadual yang dirancang ii) Didapati proses pelan arkitek tidak mematuhi prosedur kualiti PK 03 (Memproses Pelan Arkitektural)	NCR (Minor)	8.1 (d)	Bahagian Keselamatan	JBPM Negeri Perak	9 Okt 2018
4	Didapati kesedaran dan kesungguhan pegawai untuk memahami pelaksanaan pengurusan risiko dan sistem pengurusan kualiti di dalam pengoperasian berada pada tahap kurang memuaskan dan perlu ditingkatkan.	OFI	7.3	Konsultan	JBPM Negeri Perak	8 Okt 2018
5	MKSP bilangan 1 telah diadakan pada 5 Oktober 2018, namun agenda mesyuarat yang telah dibuat tidak mematuhi PS01-Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.	OFI	9.3.2	Konsultan	JBPM Negeri Perak	8 Okt 2018
6	Borang maklum balas Lampiran 5, PS 11 (Pengendalian Aduan Pelanggan) tidak digunakan.	OFI	8.2.1 (c)	Unit Perhubungan Awam	JBPM Negeri Perak	10 Okt 2018
7	Penggunaan borang-borang bagi kalibrasi tidak mematuhi PS 22 (Penentuan Tentukuran Peralatan).	OFI	7.1.5 (b)	Bahagian Operasi	JBPM Negeri Perak	10 Okt 2018
8	Senarai semak penerimaan pelan teknikal (Perintah Tetap Bil 1 Tahun 2017) dan buku rekod Perakuan Bangunan tidak dikemaskini.	OFI	4.4.2 (a)	Bahagian Keselamatan Kebakaran	JBPM Negeri Perak	10 Okt 2018
9	Tiada pemantauan bagi pelaksanaan dokumen berikut: i) Keputusan peperiksaan kadet bomba dari balai-balai ii) Penggunaan borang permohonan mengadakan peperiksaan tidak mematuhi pindaan PS26 (Pendidikan Awam Kadet Bomba)	OFI	7.4 (a)	Bahagian Latihan	JBPM Negeri Perak	9 Okt 2018
10	Penggunaan logo MS ISO 9001:2008 masih digunapakai pada surat rasmi.	OFI	7.5.1 (a)	Bahagian Pengurusan	JBPM Negeri Perak	9 Okt 2018

Bil	Penemuan Audit	Laporan Ketakakuran	Seksyen	Bahagian/Zon/Balai	Negeri	Tarikh
11	Bilik penyimpanan dokumen Bahagian Keselamatan Kebakaran sangat kecil	OFI	7.1.3 (a)	Zon 1, Ipoh	JBPM Negeri Perak	10 Okt 2018
12	Borang soal selidik Bahagian Keselamatan Kebakaran (Borang 3B) tidak diedarkan kepada pelanggan bagi tahun 2018	OFI	8.2.1	Zon 1, Ipoh	JBPM Negeri Perak	10 Okt 2018

Bil	Penemuan Audit	Laporan Ketakakuran	Seksyen	Bahagian/Zon/Balai	Negeri	Tarikh
1	Kad petak (Kew PA-4) bagi barang-barang stok tidak diwujudkan	OFI	7.5.3.2(a)	Zon 2, Port Dickson	JBPM Negeri Sembilan	10-Okt-18
2	Didapati KEW-PA 3 tidak dikemaskini mulai dari tahun 2012 hingga 2018.	NCR (Minor)	7.5.3.1	BBP Seremban 2	JBPM Negeri Sembilan	9-Okt-18
3	Didapati cop 'mohon bantuan' tidak digunakan dalam Buku Harian Balai (Occurance Book) setiap kali keluaran kebakaran dan khidmat khas	OFI	8.2.2(a.1)	BBP Seremban 2	JBPM Negeri Sembilan	9-Okt-18
4	Didapati buku log kenderaan tidak diselenggara dengan lengkap di mana terdapat ruangan tidak diisi dengan sempurna dan tujuan perjalanan tidak jelas	OFI	7.5.3.1	BBP Seremban 2	JBPM Negeri Sembilan	9-Okt-18
5	Didapati pelaksanaan Prosedur Pendidikan Awam: Kadet Bomba (PS 26) bagi tahun 2017 gagal dilaksanakan sepenuhnya mengikut prosedur yang ditetapkan. (Permohonan pengeluaran sijil kadet bomba).	OFI	4.4.1 (b)	BBP Seremban	JBPM Negeri Sembilan	9-Okt-18
6	Didapati prosedur bagi proses Pendidikan Awam: Ceramah, Demonstrasi dan Pameran (PK 7) tidak menggunakan borang mengikut format yang telah ditetapkan.	OFI	7.5.2 (b)	BBP Bahau	JBPM Negeri Sembilan	10-Okt-18
7	Didapati KEW-PA 2 dan KEW-PA 3 pada bahagian pemeriksaan tidak dikemaskini dari tahun 2017 setelah pemeriksaan dilaksanakan.	NCR (Minor)	7.5.3.1	BBP Port Dickson	JBPM Negeri Sembilan	9-Okt-18
8	Didapati 33 laporan kebakaran dan 46 laporan khidmat khas bagi bulan Januari hingga Disember 2017 dan 24 laporan kebakaran dan 16 khidmat khas bagi tahun 2018 (Januari hingga September 2018) disediakan melebihi 14 hari dari tarikh kejadian.	OFI	6.2.1 (d)	BBP Port Dickson	JBPM Negeri Sembilan	10-Okt-18
9	Didapati permohonan 'mohon bantuan' tidak dicop dalam Buku Harian Balai setiap kali keluaran kebakaran dan khidmat khas	OFI	7.5.2	BBP Port Dickson	JBPM Negeri Sembilan	10-Okt-18

Bil	Penemuan Audit	Laporan Ketakakuran	Seksyen	Bahagian/Zon/Balai	Negeri	Tarikh
1	Terdapat bahagian dan balai yang tidak mengisi serta melaksanakan keberkesanan penilaian risiko (Lampiran 2A) bagi risiko yang telah didaftarkan dalam borang daftar risiko (Lampiran 2), bagi isu yang telah siap pelaksanaan.	OFI	6.1.2	Konsultan	JBPM Labuan	16-Ogos-18
2	Tidak melaksanakan keberkesanan latihan seperti di Lamp. 16 PS 15: Latihan Kakitangan bagi kursus pengukuran <i>road traffic accident</i> pada 28 Februari hingga 2 Mac 2018 dan kursus pengukuran pemanduan berhempah pada 21 hingga 23 Mac 2018.	OFI	7.1.5.1	Bahagian Latihan	JBPM Labuan	16-Ogos-18
3	Tiada bukti <i>tyre pressure</i> guage telah dibekalkan untuk tujuan pemeriksaan, pemantauan dan pengukuran tayar jentera dan utiliti di balai-balai.	OFI	7.1.5	Bahagian Kejuruteraan	JBPM Labuan	15-Ogos-18
4	Tiada penubuhan jawatankuasa tentukan ditubuhkan bagi menjalankan kerja-kerja penuntukan peralatan mengikut tempoh yang bersesuaian oleh pengarah negeri seperti PS 22.	NCR (Minor)	5.3	Bahagian Operasi	JBPM Labuan	16-Ogos-18
5	Didapati permohonan 'mohon bantuan' tidak dicop dalam Buku Harian Balai setiap kali keluaran kebakaran dan khidmat khas	OFI	7.5.2	BBP Jawa	JBPM Labuan	15-Ogos-18

Bil	Penemuan Audit	Laporan Ketakakuran	Seksyen	Bahagian/Zon/Balai	Negeri	Tarikh
4	Tiada penubuhan jawatankuasa tentukan ditubuhkan bagi menjalankan kerja-kerja penuntukan peralatan mengikut tempoh yang bersesuaian oleh pengarah negeri seperti PS 22.	NCR (Minor)	5.3	Bahagian Operasi	JBPM Labuan	16-Ogos-18
5	Didapati permohonan 'mohon bantuan' tidak dicop dalam Buku Harian Balai setiap kali keluaran kebakaran dan khidmat khas	OFI	7.5.2	BBP Jawa	JBPM Labuan	15-Ogos-18

Bil	Penemuan Audit	Laporan Ketakakuran	Seksyen	Bahagian/Zon/Balai	Negeri	Tarikh
1	Buku log latihan kemahiran 20 jam anggota EMRS tidak dapat dibuktikan.	OFI	7.2 (d)	Bahagian Operasi	JBPM Kuala Lumpur	7-Mac-18
2	Buku pendaftaran kelab 3K (Lampiran 5) bagi tahun 2017 dan 2018 tidak diwujudkan.	OFI	7.1.5.1 (a)	Bahagian Keselamatan	JBPM Kuala Lumpur	6-Mac-18
3	Semua <i>Roller Shutter</i> gagal berfungsi dengan sempurna	NCR (Minor)	7.1.3	BBP Hang Tuah	JBPM Kuala Lumpur	5-Mac-18
4	Menghapus bahaya kebakaran tidak dilaksanakan oleh BBP Pudu	NCR (Minor)	4.4.1	BBP Pudu	JBPM Kuala Lumpur	6-Mac-18
5	Pencapaian Objektif Kualiti dan <i>response time</i> boleh dipertikaikan akibat kerosakan sistem lite cad	OFI	7.1.3	BBP Pudu	JBPM Kuala Lumpur	6-Mac-18
6	Didapati tiada surat sokongan penubuhan Pasukan Kadet Bomba (Lampiran 2), borang pendaftaran Ahli Kadet Bomba (Lampiran 3), borang maklumat peribadi Pasukan Kadet Bomba (Lampiran 5), borang pelepasan tanggungjawab (Lampiran 6) dan borang permohonan mengadakan peperiksaan (Lampiran 7) kepada Sek. Men. Danau Desa bagi tahun 2017	NCR (Minor)	4.4.1 (b)	BBP Seputeh	JBPM Kuala Lumpur	6-Mac-18
7	Tidak dikemaskini rekod bagi: i) Buku harian balai bagi tahun 2018 ii) Buku daftar penyiagaan kebakaran bagi tahun 2017 iii) Buku log kenderaan BMT 943 bagi tahun 2017/2018 iv) Buku aktiviti/latihan Pasukan Bomba Sukarela bagi tahun 2017	OFI	7.5.2 (a)	BBP Jinjang	JBPM Kuala Lumpur	6-Mac-18
8	Pemeriksaan semula tidak dilaksanakan bagi premis Hotel One Hartamas, No. 4, Jln 26/70 A, Desa Hartamas, 50480 Kuala Lumpur.	NCR (Minor)	8.2.2 (a)	BBP Sri Hartamas	JBPM Kuala Lumpur	8-Mac-18
9	Tiada bukti pendaftaran risiko dilaksanakan di balai	OFI	7.5.3.1 (a)	BBP Sri Hartamas	JBPM Kuala Lumpur	5-Mac-18
10	Balai tidak melaksanakan pemeriksaan semula bagi premis Sek. Men. Seri Saujana, Bandar Baru Sri Petaling, 57000 Kuala Lumpur	NCR (Minor)	8.2.2 (a)	BBP Bukit Jalil	JBPM Kuala Lumpur	8-Mac-18
11	Rekod pengurusan risiko tidak didokumentasikan	OFI	7.5.3.1 (a)	BBP Jln Tun Razak	JBPM Kuala Lumpur	5-Mac-18

Bil	Penemuan Audit	Laporan Ketakakuran	Seksyen	Bahagian/Zon/Balai	Negeri	Tarikh
1	Pelantikan Jawatankuasa Pengurusan Risiko di peringkat zon dan balai tidak diadakan.	OFI	7.1.5.1	Pegawai Dokumen Negeri	JBPM Negeri Selangor	16 Julai 2018
2	Semasa audit dijalankan, didapati 3 aduan pelanggan yang telah didaftarkan dalam Rekod Rumusan Keseluruhan Aduan Pelanggan tidak diselesaikan dalam tempoh 14 hari seperti yang ditetapkan mengikut PS 11 (Pengendalian Aduan Pelanggan)	NCR (minor)	9.1.2	Pegawai Perhubungan Awam	JBPM Negeri Selangor	16 Julai 2018
3	Perangkaan status Laporan Kebakaran, Penyelamatan & Khidmat Kemanusiaan dan Tugas-tugas Khas bagi Bulan Februari 2018 sebanyak 94 laporan dan dikategorikan sebagai laporan belum selesai dan melebihi 14 hari.	NCR (minor)	6.2	Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat	JBPM Negeri Selangor	18 Julai 2018

4	Petugas Bilik Kawalan Balai tidak menggunakan Lite-Cad system MERS999 dengan sepenuhnya kerana tidak mencatat maklumat operasi di ruangan komen.	OFI	7.5.3.1	Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat	JBPM Negeri Selangor	18 Julai 2018
5	Maklumat pemeriksaan pili bomba iaitu kad rekod pili bomba tidak direkod seperti PS 08 bahagian 6.2 bahagian A Borang PB-1. Perangkaan pili bomba (Borang PB-1) PS 08 6.7 tidak di hantar setiap bulan ke Bahagian Operasi Negeri. Maklumat tahap kompeten anggota Pasukan Khas (EMRS, PPDA dan HAZMAT) hendaklah diselenggara dan didokumentasikan dengan baik bagi tujuan pengukuran dan penilaian prestasi.	OFI	7.1.5.1	Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat	JBPM Negeri Selangor	18 Julai 2018
6	Fail penentukuran / kalibrasi dan jadual penentukuran peralatan penyiasatan tiada dalam simpanan dan tidak dapat dibuktikan	OFI	7.1.5.2	Bahagian Penyiasatan Kebakaran	JBPM Negeri Selangor	18 Julai 2018
7	Semasa auditee dijalankan didapati: i) Alat pemadam api jenis serbuk kering tidak diselenggara dan tidak didaftarkan dalam sistem E-Fies. ii) Lampu keluar kecemasan tidak berfungsi dengan baik (tidak menyala). iii) Penggera kebakaran jenis pecah kaca tidak berada dalam keadaan baik (pecah).	OFI	7.1.3	Bahagian Pengurusan	JBPM Negeri Selangor	16 Julai 2018
8	Semasa auditan dijalankan, jadual penyelenggaraan kenderaan marin bagi tahun 2017 dan 2018 tidak dapat buktikan. Rekod servis menunjukkan 38 unit enjin bot bagi tahun 2017 dan 40 unit enjin bot bagi tahun 2018 gagal servis. Hanya 2 unit enjin bot berjaya diservis pada tahun 2017 iaitu enjin bot BBP Kota Anggerik pada 28/08/2017 dan BBP Damansara pada 28/08/2017.	NCR (minor)	7.1.3	Bahagian Kejuruteraan	JBPM Selangor	18 Julai 2018
9	Buku rekod individu pegawai semak berdasarkan (JBPM/BPK/03) Lampiran 4 untuk pemprosesan pelan tidak dapat dikesan.	OFI	7.5.1 (b)	Zon 2	JBPM Selangor	16 Julai 2018
10	i) Tiada pembuktian KEW. PA 14 direkod bagi kenderaan Jabatan Perodua Alza (W 5138 F) ii) Rekod Akhir Servis kenderaan adalah pada 20 Dec 2017	OFI	7.1.3	Zon 3	JBPM Selangor	16 Julai 2018
11	i) Penggunaan kad akuan terima sepertimana kehendak prosedur JBPM/PK-3 tidak dapat dibuktikan. ii) Cop akuan terima tidak diturunkan ke atas salinan surat permohonan kelulusan projek sebagai bukti pematuhan prosedur JBPM/PK 3. iii) Minit mesyuarat jawatankuasa kajian pelan tidak dikemaskini.	OFI	7.5.3.1 (a)	Zon 4	JBPM Selangor	16 Julai 2018
12	Semasa auditan dilaksanakan didapati surat sokongan pelesenan dikeluarkan melebihi tempoh 7 hari yang ditetapkan tertakluk dalam PK 06 dari tarikh permohonan lengkap diterima dan surat notis penghapusan bahaya kebakaran dikeluarkan melebihi tempoh 7 hari yang ditetapkan tertakluk dalam PK 09 dari tarikh pemeriksaan dilaksanakan.	NCR (minor)	6.2.1 (d)	Zon 6	JBPM Selangor	17 Julai 2018
13	Laporan kerosakan alat pengukur tekanan air pili bomba tidak dapat dibuktikan.	OFI	7.1.3 (b)	BBP Pandan Indah	JBPM Selangor	16 Julai 2018
14	Semasa auditan dijalankan penyelenggaraan berkala bagi kenderaan utiliti tidak dapat dibuktikan.	OFI	7.1.3 (c)	BBP Cyberjaya	JBPM Selangor	17 Julai 2018
15	Laporan kerosakan alat pengukur tekanan air pili bomba tidak dapat dibuktikan.	OFI	7.1.3 (b)	BBP Sungai Buloh	JBPM Selangor	17 Julai 2018
16	Semasa auditan dijalankan, didapati laporan lengkap (LL1/99) bagi kes mangsa lemas di stesen KTM Komuter Sg Buloh, 47000 Sg Buloh tidak dapat dibuktikan sepertimana kehendak di dalam prosedur JBPM/PK 1.	OFI	7.5.1(b)	BBP Sungai Buloh	JBPM Selangor	17 Julai 2018

Bil	Penemuan Audit	Laporan Ketakakuran	Seksyen	Bahagian/Zon/Balai	Negeri	Tarikh
1	Semasa proses pengauditan secara temubual dengan PgB M.Azmi bin Mokhtar didapati manual kualiti tidak dibuat pindaan.	OFI	4.4.1	Pegawai Dokumen	JBPM Johor	26 Julai 2018
2	Pengumpulan data dan maklumat berkenaan pengurusan risiko JBPM Negeri Johor tidak diselenggara dan diselia dengan sempurna.	OFI	7.1.5.1	Pegawai Dokumen	JBPM Johor	26 Julai 2018
3	Perlaksanaan mesyuarat kajian semula pengurusan (MKSP) telah dibuat, walaubagaimanapun tidak mengikut agenda seperti yang terkandung dalam PS 1 MS ISO 9001:2015	OFI	9.3.1	Pegawai Dokumen	JBPM Johor	26 Julai 2018
4	i) Penemuan semasa pengauditan didapati Bahagian Keselamatan Kebakaran menggunakan Borang soal selidik pelanggan yang lama. ii) Penemuan semasa audit didapati Bahagian Keselamatan Kebakaran tidak menggunakan lampiran terkini dalam PS 21 (Penggunaan dan Pengawasan kad inden bahan api)	OFI	7.5.1	Bahagian Keselamatan Kebakaran	JBPM Johor	24 Julai 2018
5	Sebanyak 29 buah kenderaan di JBPM Negeri Johor yang memerlukan penggantian dan pembaikan segera tayar tidak dilakukan, ini boleh menjejaskan pencapaian objektif kualiti operasi kebombaannya.	NCR (minor)	7.1.3	Bahagian Kejuruteraan	JBPM Johor	24 Julai 2018
6	i) Penemuan semasa pengauditan didapati Sistem kebombaannya (aktif) dalam bangunan tidak berfungsi. ii) Alat Pemadam Api pejabat zon II telah tamat tempoh.	OFI	7.1.3	Pejabat Zon 2	JBPM Johor	23 Julai 2018
7	i) Penemuan semasa pengauditan didapati sekiranya berlaku terputus bekalan elektrik. Genset tidak berfungsi secara automatik atau manual. ii) Pengeringan hos di hos tower tidak dapat digunakan.	OFI	7.1.3	BBP Bandar Baru Kulai	JBPM Johor	22 Julai 2018
8	Tiada laporan kerosakan pada lantai bot dibuat ke Bahagian kejuruteraan dan akan menyebabkan pencapaian objektif kualiti operasi kebombaannya tidak tercapai.	NCR (minor)	7.1.3	BBP Renggam	JBPM Johor	23 Julai 2018

Bil	Penemuan Audit	Laporan Ketakakuran	Seksyen	Bahagian/Zon/Balai	Negeri	Tarikh
1	Pemahaman pegawai-pegawai di JBPM Pahang berkenaan pengurusan risiko tidak menyeluruh dan kurang memahami keperluan PS 33.	NCR (minor)	7.3 (c)	Pegawai Konsultan	JBPM Pahang	13 Ogos 2018
2	MKSP telah dijalankan walaubagaimanapun, perbincangan mesyuarat tidak mengikut sepenuhnya agenda yang ditetapkan (PS 1).	OFI	9.3.2	Pegawai Urusetia	JBPM Pahang	13 Ogos 2018
3	Pengisian minyak bagi 4 buah jentera iaitu Jentera Scania FRT BMK 6593, Ambulan EMRS BNE 547, Atego BJW 4646, Water Tanker WLB 2109 di BBP Cameron Highland tidak mencukupi dengan hanya menggunakan satu kad fleet sahaja.	OFI	8.1	Bahagian Operasi	JBPM Pahang	15 Ogos 2018
4	Tiada perancangan penambahbaikan berkaitan latihan berterusan untuk penggunaan GIRN bagi memastikan komunikasi operasi di kawasan kurang liputan GIRN dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.	OFI	10.3	Bahagian Operasi	JBPM Pahang	15 Ogos 2018
5	Tidak dapat membuktikan penggunaan dokumen senarai semak pemeriksaan bot dilaksanakan bagi pemeriksaan harian.	OFI	7.1.5.1	Bahagian Operasi	JBPM Pahang	17 Ogos 2018
6	Semakan ke atas fail kadet Bomba bagi tahun 2017 di Bahagian Latihan didapati gagal memantau bagi proses PS 26 kadet bomba pada balai-balai sehingga sijil kadet bomba dikeluarkan.	OFI	9.1.1 (b)	Bahagian Latihan	JBPM Pahang	13 Ogos 2018

7	Tiada tindakan bagi permohonan penyelenggaraan keatas peralatan pejabat, pendawaian elektrik dan penyelenggaraan bangunan kuarters.	NCR (minor)	7.1.3 (a)	Bahagian Pengurusan	JBPM Pahang	15 Ogos 2018
8	i) Tidak membuat permohonan penyelenggaraan bagi tangki jentera yang bocor. ii) Tidak membuat permohonan penyelenggaraan bagi lampu sebelah kiri jentera tidak berfungsi.	NCR (minor)	7.1.3	BBP Raub	JBPM Pahang	14 Ogos 2018
9	Kekemasan ruang pejabat dari segi susunan, dan susunan simpanan peralatan kebommbaan yang diletakkan di ruang <i>engine bay</i> .	OFI	7.1.4	BBP Raub	JBPM Pahang	14 Ogos 2018

Bil	Penemuan Audit	Laporan Ketakakuran	Seksyen	Bahagian/Zon/Balai	Negeri	Tarikh
1	Semasa auditan dijalankan, didapati beberapa penemuan telah dikenalpasti seperti berikut: i) Fail meja tidak mengikut standard yang ditetapkan dan tidak dikemaskini. ii) Kurang tahap pemahaman Pengurusan Risiko JBPM/PS/33 menyebabkan Borang Daftar Risiko masih tidak menepati kehendak prosedur dan tidak dapat dilaksanakan. iii) Penggunaan dokumen usang.	NCR (minor)	7.4 (a) (c) (d)	Pegawai Konsultan	JBPM Sarawak	19 April 2018
2	Setiap kes kesalahan-kesalahan yang boleh di kompaun dibuka di dalam satu fail induk.	OFI	7.1.5.1 (a)	Bahagian Penyiasatan Kebakaran	JBPM Sarawak	16 April 2018
3	Semasa auditan dijalankan didapati laporan kerosakan KEJ 1 i.) Brek tidak berfungsi dengan baik dan kerap kurang dari 6 bar. li.) Tangki bocor. iii.) Mentol flood lighting. Jentera FRT Scania WTY 7320 bertarikh 13.03.2018 yang dihantar kepada Bahagian Kejuruteraan JBPM Negeri Sarawak tidak mendapat maklumbalas dan tindakan seterusnya.	OFI	7.1.3	Bahagian Kejuruteraan	JBPM Sarawak	18 April 2018
4	Rekod Daftar Buku Fail dan Rekod Daftar Tutup Fail hendaklah mengikut format seperti di Lampiran 6 dan Lampiran 8, PS 13 MS ISO 9001:2015 Kawalan Rekod Kualiti.	OFI	7.5.3.2	BBP Mukah	JBPM Sarawak	18 April 2018
5	Tiada pembuktian pelaksanaan pemeriksaan Pili Bomba di bawah kawasan jagaan balai sebanyak 154 unit Pili Bomba dari tarikh 11.01.2015 sehingga sekarang.	NCR (minor)	7.1.3	BBP Tatau	JBPM Sarawak	16 April 2018
6	Semasa auditan dijalankan "checklist" peralatan pada jentera Scania P310-BMX 9576 (water tanker) tidak diwujudkan.	OFI	7.5.3.1	BBP Lawas	JBPM Sarawak	16 April 2018

Bil	Penemuan Audit	Laporan Ketakakuran	Seksyen	Bahagian/Zon/Balai	Negeri	Tarikh
1	Elemen pemantauan yang memfokuskan terhadap soal selidik pelanggan dilaksanakan secara menyeluruh di zon dan balai- balai bagi tahun 2017 tidak dapat dibuktikan.	OFI	9.1.2	Pegawai Perhubungan Awam	JBPM Pulau Pinang	11 April 2018
2	Pemantauan dan rekod bagi laporan bulanan penggunaan dan pengawalan Kad Inden Bahan Api bagi bulan Januari hingga Mac 2018 tidak dapat dibuktikan.	NCR (minor)	8.5.1 (c)	Bahagian Operasi Negeri	JBPM Pulau Pinang	11 April 2018
3	i) Didapati format minit mesyuarat kajian pelan (lampiran a5) tidak menggunakan format yang disediakan sepertimana dalam perintah tetap pencegah dan keselamatan kebakaran bilangan 1 tahun 2007. ii) Format borang soal selidik pelanggan bahagian keselamatan kebakaran tidak menggunakan format yang baru sepertimana dalam JBPM / PS/20	OFI	4.4.1 (c)	Bahagian Keselamatan Kebakaran	JBPM Pulau Pinang	11 April 2018

4	Semasa auditan dijalankan didapati kad fleet/kad master tidak mematuhi tatacara penggunaan dan pengawalan kad inden bahan api JBPM/PS/21.	OFI	8.5.1 (c)	Bahagian Pengurusan	JBPM Pulau Pinang	11 April 2018
5	Semasa auditan dijalankan didapati servis kali kedua kenderaan Marin bot BP-40 (BBP Balik Pulau) tidak dapat dibuktikan sepertimana jadual penyelenggaraan tahun 2017.	OFI	7.1.3 (c)	Bahagian Kejuruteraan	JBPM Pulau Pinang	11 April 2018
6	Pemeriksaan kali kedua tahun 2017 ke atas premis yang dibuat penghapusan bahaya tidak dapat dibuktikan selepas tamat tempoh Notis Penghapusan Bahaya Kebakaran.	OFI	8.2.2 (b)	Zon 1	JBPM Pulau Pinang	10 April 2018
7	Didapati butiran pemeriksaan premis tidak direkod di dalam Buku Daftar Rondaan dan Pemeriksaan Premis.	OFI	7.5.2 (a)	Zon 3	JBPM Pulau Pinang	10 April 2018
8	Buku daftar penyiasatan tidak dikemaskini bagi tahun 2017.	OFI	4.4.2 (a)	BBP Perai	JBPM Pulau Pinang	9 April 2018
9	Rekod aktiviti latihan Pasukan Bomba Sukarela bagi tahun 2017 BBP Bukit Mertajam tidak dapat dibuktikan.	OFI	7.5.1 (b)	BBP Bukit Mertajam	JBPM Pulau Pinang	9 April 2018
10	Rekod Borang Soal Selidik Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat bagi tahun 2017 BBP Sungai Bakap tidak dapat dibuktikan.	OFI	7.5.1 (b)	BBP Sungai Bakap	JBPM Pulau Pinang	9 April 2018
11	Format borang soal selidik pelanggan Bahagian Operasi Kebombaan tidak menggunakan format yang baru sepertimana dalam JBPM/PS/20.	OFI	4.4.1 (c)	BBP Butterworth.	JBPM Pulau Pinang	10 April 2018
12	Perlantikan Jawatankuasa Pengurusan Risiko (secara dokumentasi) diperingkat balai tidak dapat dibuktikan.	OFI	5.3	BBP Tasek Gelugor	JBPM Pulau Pinang	10 April 2018
13	Borang aduan kerosakan rumah/kuarter Jabatan dan Buku Rekod aduan kerosakan di peringkat balai gagal dibuktikan.	OFI	4.4.1 (c)	BBP Tasek Gelugor	JBPM Pulau Pinang	10 April 2018

Bil	Penemuan Audit	Laporan Ketakakuran	Seksyen	Bahagian/Zon/Balai	Negeri	Tarikh
1	Maklumat tahap kemahiran anggota EMRS hendaklah diselenggara dan didokumenkan dengan baik bagi tujuan pengukuran penilaian prestasi.	OFI	7.2(d)	Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat	JBPM Negeri Kedah	10 April 2018
2	Pegawai Penyiasat hendaklah dilantik bagi menjalankan siasatan terhadap setiap aduan yang diterima.	OFI	5.3	Unit Perhubungan Awam	JBPM Negeri Kedah	9 April 2018
3	i) Pemantauan terhadap pengumpulan Borang Soal Selidik Pelanggan hendaklah dilaksanakan. ii) Pengendalian soal selidik pelanggan hendaklah menggunakan borang soal selidik pelanggan yang terkini.	OFI	9.1(a)	Unit Perhubungan Awam	JBPM Negeri Kedah	9 April 2018
4	Penyelenggaraan alat pernafasan (Breathing Apparatus) perlu dilaksanakan dan direkodkan di dalam buku rekod penyelenggaraan peralatan tidak bermotor.	OFI	7.1.3 (b)	BBP Bukit Kayu Hitam	JBPM Negeri Kedah	9 April 2018
5	Penyelenggaraan peralatan tidak bermotor perlu diperluaskan pelaksanaan kepada peralatan yang disimpan di dalam bilik simpanan logistik.	OFI	7.1.3 (b)	BBP Jalan Raja	JBPM Negeri Kedah	9 April 2018
6	Rekod surat masuk dan surat keluar hendaklah dicatatkan di atas kertas minit sebagaimana keperluan PS 13 (Kawalan Rekod Kualiti)	OFI	7.5.2 (a)	BBP Serdang	JBPM Negeri Kedah	9 April 2018
7	Tiada bukti pemakluman atau permohonan pengantian pam telah dilakukan sepanjang proses pembaikan dijalankan.	NCR (minor)	8.1(c)	BBP Persiaran Putra	JBPM Negeri Kedah	10 April 2018

Bil	Penemuan Audit	Laporan Ketakakuran	Seksyen	Bahagian/Zon/Balai	Negeri	Tarikh
1	Pengujian tekanan dan pengeluaran air pili bomba tidak diuji menggunakan Flow Gauge Meter.	NCR (minor)	7.1.5.1 (a) (b)	Bahagian Operasi dan Kebommbaan	JBPM Kelantan	2 Julai 2018
2	Proses pengendalian kemalangan kenderaan bomba tidak dipatuhi sepenuhnya seperti Perintah Tetap Jabatan bilangan 3 tahun 2013 (Kemalangan Yang Melibatkan Kenderaan Jabatan)	OFI	4.4.1	Bahagian Operasi dan Kebommbaan	JBPM Kelantan	3 Julai 2018
3	Proses kalibrasi peralatan tidak dilaksanakan sepenuhnya menurut prosedur kualiti sokongan 22.	OFI	7.1.5.1	Bahagian Keselamatan Kebakaran	JBPM Kelantan	3 Julai 2018
4	Nombor rujukan fail projek tidak mengikut Sistem Klasifikasi Fail.	OFI	7.5.2	Bahagian Keselamatan Kebakaran	JBPM Kelantan	3 Julai 2018
5	Proses sebutharga tidak diambil tindakan sewajarnya hingga menjejaskan perkhidmatan kebommbaan dan penyelamat.	NCR (minor)	7.1.1	Bahagian Pengurusan	JBPM Kelantan	3 Julai 2018
6	Penempatan peralatan rosak, peralatan sedang dibaiki dan peralatan siap dibaiki tidak disusun secara sistematik.	NCR (minor)	7.1.4	Bahagian Kejuruteraan	JBPM Kelantan	2 Julai 2018
7	Analisa kadar penggunaan bahan api (Lampiran C4) tidak dipatuhi seperti Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - WP 4.1: Pengurusan kenderaan kerajaan daripada Januari hingga Disember 2017.	OFI	9.1.1	Bahagian Kejuruteraan	JBPM Kelantan	3 Julai 2018
8	Daftar Penyelenggaraan Aset Alih Kerajaan (KEW PA 14) tidak dikemaskini semenjak dari Januari 2017.	OFI	7.5.3.1 (a)	BBP Kota Darul Naim.	JBPM Kelantan	2 Julai 2018
9	Penempatan peralatan di dalam jentera tidak sepertimana dinyatakan di dalam senarai semak peralatan / tagging peralatan yang disediakan oleh pihak pembekal jentera.	OFI	8.5.2	BBP Tanah Merah	JBPM Kelantan	2 Julai 2018
10	Semasa pengauditan didapati jentera keluaran pertama tidak dalam keadaan sempurna iaitu 'Flood Light' Siren dan Beacon" tidak berfungsi.	OFI	7.1.3	BBP Kuala Krai.	JBPM Kelantan	1 Julai 2018
11	i) Semasa pengauditan didapati auditee gagal membuktikan peralatan penyelenggaraan peralatan tidak bermotor. ii) Tiada tandatangan pengesahan kelulusan penggunaan kenderaan pada ruang nama dan tandatangan pelulus.	OFI	7.1.3	BBP Machang	JBPM Kelantan	2 Julai 2018
12	i) Jentera bomba tidak dapat berfungsi apabila meter minyak kurang daripada separuh tangki. ii) Tiada tangga Lancon 464 pada jentera bomba. iii) Kompresor BA GMG/BA/01 didapati rosak dan tidak berfungsi dengan sempurna.	OFI	8.1	BBP Gua Musang	JBPM Kelantan	1 Julai 2018
13	Pencahayaan Bay Jentera dan persekitaran balai tidak memuaskan.	OFI	7.1.3	BBP Gua Musang	JBPM Kelantan	1 Julai 2018

Bil	Penemuan Audit	Laporan Ketakakuran	Seksyen	Bahagian/Zon/Balai	Negeri	Tarikh
1	Tiada bukti penubuhan jawatankuasa tentukan ditubuhkan bagi menjalankan kerja-kerja penenturan peralatan. Rujukan Fail : JBPM/TR/BKK : 300-3/11/9	NCR (minor)	5.3	Bahagian Keselamatan Kebakaran	JBPM Terengganu	17 Julai 2018
2	Surat lantikan Urusetia, Pegawai Audit Dalam dan Pegawai Kawalan Informasi Dokumen bagi Pengurusan Risiko MS ISO 9001:2015 Bahagian Keselamatan Kebakaran JBPM Terengganu tidak disertakan senarai tugas dan peranan Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko	OFI	5.3	Bahagian Keselamatan Kebakaran	JBPM Terengganu	17 Julai 2018

3	Organisasi gagal membuktikan peralatan yang digunakan bagi tujuan pemeriksaan dipantau dan dibuat pengukuran bagi membuktikan keakuratan perkhidmatan yang diberikan. Bukti penemuan: i) Tiada bukti "Tyre Pressure Gauge" telah dibekalkan untuk tujuan pemeriksaan, pemantauan dan pengukuran tayar jentera dan utiliti dibalai-balai.	NCR (minor)	7.1.5	Bahagian Kejuruteraan	JBPM Terengganu	17 Julai 2018
4	Didapati dua alat penimbang bagi mengukur berat alat pemadam api mudah alih telah tamat tempoh pemeriksaan kalibrasi	NCR (minor)	7.1.5.2 (c)	BBP Kuala Terengganu	JBPM Terengganu	16 Julai 2018
5	Format bagi setiap surat rasmi jabatan perlu menggunakan logo 'standards' versi yang baru iaitu MS ISO 9001:2015	OFI	7.5.3.2 (c)	Pegawai Dokumen Negeri	JBPM Terengganu	17 Julai 2018
6	Pemantauan terhadap pengukuran objektif kualiti keluaran jentera hendaklah dilaksanakan supaya tidak tersasar daripada kehendak prosedur	OFI	6.2.1 (e)	Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat	JBPM Terengganu	17 Julai 2018
7	Pengurusan surat menyurat hendaklah diselenggara dan dikemaskini dengan baik bagi mengelakkan kehilangan atau kesukaran dikesan semula.	OFI	8.5.2	Bahagian Penyiasatan Kebakaran	JBPM Terengganu	17 Julai 2018
8	Perlaksanaan latihan kadet bomba hendaklah dipantau supaya mencapai objektif yang telah dirancang sepertimana kehendak JBPM/ PS 26 - Kadet Bomba:- i) Peperiksaan ii) Pengeluaran sijil	OFI	6.2.1 (e)	Bahagian Latihan	JBPM Terengganu	17 Julai 2018
9	Surat-surat keluar dan masuk hendaklah direkodkan dengan sempurna di dalam Buku Daftar Surat Menyurat.	OFI	7.5.1	BBP Paka	JBPM Terengganu	15 Julai 2018
10	Maklumat dalam Lampiran 3 Penyelenggaraan Peralatan Tidak Bermotor perlu dikemaskini secara konsisten. (PS 07)	OFI	7.1.3	BBP Kerteh	JBPM Terengganu	15 Julai 2018
11	Buku daftar tutup fail hendaklah diwujudkan bagi memastikan dokumen-dokumen lama dapat dikenalpasti semula untuk rujukan.	OFI	7.5.3.1 (a)	BBP Kemaman	JBPM Terengganu	16 Julai 2018
12	Pegawai yang berperanan sebagai Sub-Fleet Manager hendaklah dilantik bagi menguruskan pengawalan dan keselamatan kad inden.	OFI	5.3	BBP Kemaman	JBPM Terengganu	16 Julai 2018
13	Penyelenggaraan peralatan tidak bermotor yang berada di dalam Bilik Logistik Balai perlu disenaraikan dalam lampiran 2 untuk tujuan pelaksanaan penyelenggaraan. (PS 07)	OFI	7.1.3	BBP Cheneh	JBPM Terengganu	16 Julai 2018

Bil	Penemuan Audit	Laporan Ketakakuran	Seksyen	Bahagian/Zon/Balai	Negeri	Tarikh
1	Pengesahan alat pemadam api mudah alih diluluskan bagi alat-alat pemadam api yang telah melebihi tempoh sahguna/jangka hayat yang ditetapkan. Penemuan di ibu pejabat JBPM Perlis, BBP Kangar, BBP Kuala Perlis, BBP Arau dan BBP Padang Besar.	NCR (minor)	7.1.3	Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat	JBPM Negeri Perlis	2 April 2018
2	Proses kerja tidak mematuhi arahan kerja yang ditetapkan sepertimana kehendak-kehendak PS 26 - Kadet Bomba	OFI	6.2.1	Bahagian Latihan	JBPM Negeri Perlis	2 April 2018
3	Didapati tiada pemantauan terhadap sistem pengurusan aset di bahagian dan balai-balai mengikut kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil 5/2007 dan JBPM/PS24	NCR (minor)	7.1.3	Bahagian Pengurusan	JBPM Negeri Perlis	2 April 2018
4	Format bagi setiap surat rasmi jabatan perlu menggunakan logo 'standards' versi yang baru iaitu MS ISO 9001:2015	OFI	7.5.2 (a)	Bahagian Pengurusan	JBPM Negeri Perlis	2 April 2018

5	Semasa auditan dilaksanakan, didapati Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Bil 2/2017 telah diadakan pada 21 Disember 2017, tidak mengikuti agenda mesyuarat yang telah ditetapkan di dalam PS 01: Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.	NCR (minor)	9.3.1	Pegawai Dokumen	JBPM Negeri Perlis	2 April 2018
6	i) Rekod penyelenggaraan/pengujian pili bomba tidak dikemaskini pada tahun 2017 ii) Senarai semak Peralatan Jentera tidak dikemaskini bermula daripada November 2017 sehingga Mac 2018	OFI	7.5.2 (a)	BBP Kuala Perlis	JBPM Negeri Perlis	3 April 2018

Bil	Penemuan Audit	Laporan Ketakakuran	Seksyen	Bahagian/Zon/Balai	Negeri	Tarikh
1	Semasa auditan dijalankan didapati minit mesyuarat kajian semula pengurusan (MKSP) Bil 1/2017 tidak membincangkan perkara yang ditetapkan di dalam PS 01 secara menyeluruh.	OFI	9.3.2 (c)	Konsultan	JBPM Putrajaya	8 Mac 2018
2	Didapati tiada pembuktian penghantaran minit MKSP ke Urus Setia Induk dalam tempoh 30 hari selepas mesyuarat diadakan.	OFI	7.5.3.2 (a)	Konsultan	JBPM Putrajaya	8 Mac 2018
3	Kurang pendedahan dan pemahaman berkaitan PS 33 bagi penyediaan pelan pengurusan risiko.	OFI	7.4	Pegawai Dokumen	JBPM Putrajaya	8 Mac 2018
4	Semasa auditan dijalankan didapati keputusan aduan tidak dihantar kepada pengadu bersama borang maklumbalas aduan sebagaimana keperluan PS 11 (Pengendalian Aduan Pelanggan)	OFI	9.1.2	Unit Perhubungan Awam	JBPM Putrajaya	8 Mac 2018
5	Semasa auditan dijalankan, didapati tiada pembuktian Rekod Rumusan Keseluruhan Aduan Pelanggan (Lampiran 6) berdasarkan PS 11 (Pengendalian Aduan Pelanggan) dilaksanakan.	OFI	7.5.2 (a)	Unit Perhubungan Awam	JBPM Putrajaya	8 Mac 2018
6	Semasa auditan dijalankan didapati tiada pembuktian penggunaan format borang berdasarkan PS 22 (Pengendalian Tentukuran Peralatan) seperti berikut : i) Senarai peralatan tentukur (Lampiran 2) ii) Borang kebenaran pelepasan peralatan (lampiran 3) iii) Borang rekod tentukuran (Lampiran 4) iv) Borang laporan verifikasi (Lampiran 5)	OFI	7.5.1 (b)	Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat	JBPM Putrajaya	7 Mac 2018
7	Semasa auditan dijalankan didapati cara pengisian buku log kenderaan tidak mengikut cara pengisian yang terdapat dalam Arahan Pembendeharan (W.P 4.1)	OFI	7.5.2	Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat	JBPM Putrajaya	7 Mac 2018
8	Didapati borang penilaian penceramah (Lampiran 7) berdasarkan PK 07 dan borang penilaian kursus (Lampiran 8) berdasarkan PK 08 dalam pelaksanaan aktiviti ceramah dan kursus tidak dianalisa.	OFI	9.1.3 (b)	Bahagian Keselamatan Kebakaran	JBPM Putrajaya	7 Mac 2018
9	Semasa auditan dijalankan didapati tiada pembuktian Borang Keberkesanan Kursus (Lampiran 15) berdasarkan PS 15 latihan kakitangan digunakan	OFI	9.1.3 (d)	Bahagian Latihan	JBPM Putrajaya	8 Mac 2018

PENCAPAIAN AUDIT PEMANTAUAN SIRIM TAHUN 2018

NO.	LOKASI AUDIT	PENEMUAN KETIDAKAKURAN		
		NCR Major	NCR Minor	OFI
1	Ibu Pejabat JBPM	0	3	0
2	JBPM Negeri Pahang	0	1	4
3	JBPM Negeri Johor	0	1	3
4	JBPM Negeri Terengganu	0	0	5
5	JBPM Negeri Kedah	0	0	8
6	JBPM Negeri Sarawak	0	1	2
7	JBPM Kuala Lumpur	0	0	3
8	JBPM Negeri Perlis	0	0	1
JUMLAH		0	6	26

Auditan daripada pihak SIRIM dijalankan 1 kali setahun di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengikut Standard MS ISO 9001:2015. Pada tahun 2018, Audit Pensijilan Semula telah diadakan pada 22 hingga 26 Oktober 2018 melibatkan Ibu Pejabat dan 6 JBPM Negeri iaitu JBPM Negeri Pahang, JBPM Negeri Johor, JBPM Negeri Terengganu, JBPM Negeri Sarawak, JBPM Negeri Perlis dan JBPM Kuala Lumpur. Auditan tersebut telah mencatatkan 32 penemuan iaitu 6 Ketaakuran Minor (NCR) dan 26 Peluang-Peluang Penambahbaikan (OFI). Auditan yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk menaik taraf pensijilan daripada MS ISO 9001:2008 kepada versi MS ISO 9001:2015.

Butiran penemuan ketaakuran adalah seperti jadual di bawah:

BIL	LOKASI	SEKSYEN	KETERANGAN	STATUS
1	Ibu Pejabat JBPM	7.1.3	1. Alat pemadam api yang telah tamat tempoh masih diguna di lokasi audit 2. 4 lif di bangunan Ibu Pejabat JBPM tidak mempamerkan sijil PMA (Perakuan Kelayakan Mesin Angkat)	NCR MINOR
2	Ibu Pejabat JBPM	9.3	Kajian Semula Pengurusan tahun 2018 belum dilaksanakan, kajian semula terakhir dilaksanakan pada 16/7/2017	NCR MINOR
3	Ibu Pejabat JBPM	10.2	Sehingga Disember 2017 terdapat 59,495 dari 376, 189 pili bomba yang rosak belum dibaiki.	NCR MINOR
4	JBPM Negeri Pahang	7.1.3	Alat <i>water pressure gauge</i> yang digunapakai untuk mengukur tekanan statik/ semasa/ GPM/ LPM pili bomba tidak dibuat kalibrasi bagi balai-balai tertentu.	NCR MINOR
5	JBPM Negeri Pahang	8.5.1	Pemeriksaan harian kenderaan: i) Hidupkan enjin tidak kurang daripada 15 minit – ketetapan 'tidak kurang daripada 15 minit perlu dilihat semula' kerana ia boleh memberi makna lebih dari 15 minit. ii) Membuat ujipandu kereta bomba sejauh 20km atau 10-15 minit. Punca kuasa bagi kedua-dua perkara tersebut perlu ditentukan.	OFI
6	JBPM Negeri Pahang	8.5.1	Maklumat call card via LiteCAD masih belum memberi maklumat hydrant bagi tujuan operasi: - <i>Hydrant number</i> - <i>GPS coordinate distance (m) notes</i>	OFI
7	JBPM Negeri Pahang	9.1	Penyelenggaraan pili bomba – organisasi perlu dapat menentukan standard tekanan statik/ semasa/ GPM/ LPM pili bomba bagi menepati keperluan ketika operasi.	OFI

8	JBPM Negeri Pahang	9.1	Pemantauan di BBP bagi aktiviti berikut perlu ditingkatkan: Laporan pemeriksaan harian kenderaan, EMRS (<i>Burn shield hydrogel</i> tamat tempoh) kawasan dan kerosakan pili bomba.	OFI
9	JBPM Negeri Johor	7.1.3	Alat pemadam api yang telah tamat tempoh masih diguna di lokasi audit	NCR MINOR
10	JBPM Negeri Johor	8.5.1	Pengurusan stor untuk inventori dan peralatan boleh ditambah baik dengan mengemaskinikan senarai barangan menjalani semakan barangan (stocktake) – BBP Mersing	OFI
11	JBPM Negeri Johor	8.5.1	BBP Tangkak telah menjalankan pemantauan kepada pili bomba mengikut jadual yang ditetapkan. Namun laporan bulanan boleh ditambahbaik dengan mengemaskinikan bilangan permohonan pili baru dan sentiasa memantau ke atas pemasangan yang dibuat.	OFI
12	JBPM Negeri Johor	8.5.1	Mengikut operasi kebombaanan JBPM/PK/01, semasa operasi, sekiranya terdapat mangsa atau barangan awam yang perlu diserahkan kepada agensi berkaitan/ pihak pemunya, perlu melengkapkan dan sahkan 'borang penyerahan mangsa dan barangan awam (Borang PMB). Namun tindakan demikian perlu dijalankan dengan konsisten dalam semua operasi.	OFI
13	JBPM Negeri Terengganu	7.1.3	a. Didapati alat pemadam api di dalam kenderaan FRT/ LFRT/EMRS telah tamat tempoh penggunaannya seperti berikut: i) FRT (2 X CO2) tamat tempoh 13 Dis 2017, (@X DP) tamat tempoh 25 Okt 2018 ii) LFRT (2XDP & 1XCO@) tamat tempoh 22 Okt 2018, EMRS (1X DP) tamat tempoh 22 Okt 2018. b. Peralatan yang digunakan untuk memotong cincin yang terlekat di jari atau lain-lain bahagian boleh dikaji semula agar ia bersesuaian dengan tugas yang dilaksanakan oleh unit EMRS. Contoh peralatan seperti 'electrical mini grinder' rujuk kes sebenar di BBP Kuala Terengganu semasa proses pengauditan berjalan.	OFI
14	JBPM Negeri Terengganu	8.5.4	Didapati '6 x burn sheild hydrogel' di dalam FRT telah melepasi tempoh sah guna iaitu pada bulan April 2018. (BBP Wakaf Tapai)	OFI
15	JBPM Negeri Terengganu	7.5.3.1	Maklumat didokumentasikan untuk Unit PPDA/ unit RIM boleh diperkemaskan lagi supaya ianya tersedia dan sesuai untuk digunakan jika dan apabila diperlukan. (BBP Kuala Terengganu)	OFI
16	JBPM Negeri Terengganu	8.2.3.1	Had umur penerima elaun pasukan penyelam ditetapkan adalah 45 tahun ke bawah. Walau bagaimanapun, didapati ada 3 x penyelam telah melebihi umur 45 tahun yang masih aktif dan menerima elaun. Oleh yang demikian, organisasi boleh menilai semula syarat yang dinyatakan di dalam Buku Log Anggota perkara 3 (3.2).	OFI
17	JBPM Negeri Terengganu	8.5.2	Penyimpanan inventori peralatan RIM boleh ditambahbaik bagi memudahkan pengenalpastian dan kemudahan (BBP Kuala Terengganu).	OFI

18	JBPM Negeri Kedah	8.5.1	Penulisan laporan pengendalian kes di dalam SPI boleh diperkemaskan. Terdapat situasi untuk pengendalian kes kemalangan jalan raya di mana maklumat mangsa dan agensi lain yang terlibat tidak dinyatakan. SPI juga boleh ditambahbaik dengan mewajibkan kemasukan maklumat-maklumat 'mandatory' di dalam pengendalian kes oleh Penyelia/ Komander Operasi sebelum penyerahan laporan tersebut kepada pihak atasan.	OFI
19	JBPM Negeri Kedah	8.5.1	Penilaian awal terhadap mangsa oleh paramedik EMRS (contoh vital sign) tidak selalunya direkodkan dengan jelas di dalam borang berkenaan (Lampiran 2 POS:2.6 – EMRS)	OFI
20	JBPM Negeri Kedah	8.5.3	Borang Penyerahan Mangsa & Barangan Awam (Lampiran 9 Prosedur JBPM/PK/01) adakalanya tidak dilengkapkan dengan sempurna (ditandatangani pihak hospital dan maklumat barangan mangsa apabila tiada wakil PDRM ketika kejadian).	OFI
21	JBPM Negeri Kedah	7.1.3	Pembaharuan ke atas sijil alat pemadam api yang telah tamat tempoh perlu disejajarkan.	OFI
22	JBPM Negeri Kedah	8.5.1	Penggantian ke atas peralatan, ubatan serta <i>consumable items</i> di dalam EMRS boleh disejajarkan untuk memastikan EMRS dapat menjalankan fungsinya dengan sempurna seperti yang diperlukan di dalam SOP/POS:2.6	OFI
23	JBPM Negeri Kedah	8.5.1	Senarai semak pemeriksaan ke atas peralatan, ubatan serta <i>consumable items</i> di dalam EMRS boleh ditambahbaik iaitu bukan hanya untuk merekodkan kewujudannya tetapi juga merekodkan fungsi peralatan serta tarikh tamat tempoh ubatan/ <i>consumable items</i> di mana berkaitan.	OFI
24	JBPM Negeri Kedah	7.1.3	Ketika ini, penjadualan dan pelaksanaan penyelenggaraan / servis berkala hanya melibatkan jentera dan kenderaan di BBP. Walau bagaimanapun, aktiviti penyelenggaraan/ servis berkala masih belum merangkumi bot dan peralatan bermotor di jentera (contoh pam dan genset)	OFI
25	JBPM Negeri Kedah	7.1.3	Pemantauan perlu dilakukan dengan lebih baik untuk memastikan penyelenggaraan/ servis berkala ke atas semua jentera/ kenderaan BBP dilakukan mengikut jadual serta mengikut kekerapan yang telah ditetapkan. Rekod penyelenggaraan (senarai semak servis) juga perlu dilengkapkan dengan sempurna dan difaillkan dengan lebih baik untuk kemudahan.	OFI
26	JBPM Negeri Sarawak	8.2.2	Tiada kad pengenalan dikeluarkan kepada PB (Pegawai Bomba) sepertimana ditetapkan Akta 341 yakni Akta Perkhidmatan Bomba 1988.	NCR MINOR
27	JBPM Negeri Sarawak	7.1.3	Pemadam api jenis ABC dan CO2 ditempatkan di kenderaan FRT, EMRS serta prime mover (water tanker) sedia untuk digunakan bila ada keperluan menggunakan pemadam api tersebut. Pengeluaian penempatan pemadam api ke kenderaan-kenderaan darat balai JBPM yang lain, membolehkan warga balai membantu secara adhoc, menangani kes-kes yang memerlukan kegunaan pemadam api.	OFI
28	JBPM Negeri Sarawak	7.2	Skop bidang kerja warga JBPM masa kini telah meluas kepada tugas kerja bukan tradisional warga JBPM. Keberkesanan warga JBPM dalam menguruskan dengan baik bidang-bidang kerja ini boleh ditambahbaik dengan menganjurkan latihan yang sesuai dan sepadan dengan tugas bidang-bidang kerja JBPM yang baru ini.	OFI

29	JBPM Kuala Lumpur	7.5.3	Borang penilaian penceramah (Lampiran 7) yang digunakan perlu ada kawalan. Contohnya versi atau kuatkuasa 2018 (BBP Sg. Besi)	OFI
30	JBPM Kuala Lumpur	7.1.3	<ul style="list-style-type: none"> i) Pemeriksaan harian peralatan untuk jentera EMRS dan FRT boleh ditambahbaik dengan pemantauan contoh tarikh luput, tahap penggunaan (fungsi) setiap peralatan. ii) Pemantauan buku log pengeluaran peralatan bahan logistik boleh ditambahbaik. iii) Pemantauan berkala perlu ditambahbaik dari aspek penyelenggaraan iaitu peti besi pertolongan cemas dan pemadam api. (BBP Sg. Besi) 	OFI
31	JBPM Kuala Lumpur	6.1.1	Organisasi telahpun mengenalpasti risiko-risiko. Walau bagaimanapun, ada risiko-risiko yang perlu diambil maklum seperti risiko rasuah. (BBP Sg Besi)	OFI
32	JBPM Negeri Perlis	10.3	<p>Organisasi hendaklah secara berterusan menambahbaik kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti dalam aspek berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Proses penyelenggaraan pili bomba di BBP Padang Besar terpaksa melibatkan seluruh crew bersama jentera pada setiap kali penyelenggaraan, ianya boleh ditambahbaik dengan dilaksanakan oleh dua anggota sahaja bagi setiap pili bomba. ii) Laporan statistik pili bomba yang disediakan oleh BBP untuk dihantar ke JBPM Negeri dan Ibu Pejabat pada setiap bulan boleh dikaji semula dengan adanya sistem secara online yang telah dibangunkan iaitu Sistem Pengurusan Pili Bomba bagi mengelakkan kerja berulang. iii) Masih terdapat masalah gangguan internet yang boleh menyebabkan gangguan dan kesukaran kepada JBPM dan BBP untuk melaksanakan tugas rutin harian. 	OFI

Secara kesimpulannya, pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada tahun 2018 berada dalam kawalan dan sentiasa mematuhi keperluan-keperluan standard yang telah digariskan oleh MS ISO 9001:2015. Pelaksanaan SPK juga seiring dengan hasrat jabatan bagi memastikan Dasar dan Objektif Kualiti JBPM akan dapat dilaksanakan demi memenuhi keperluan pelanggan. Di samping memenuhi keperluan pelanggan, adalah diharapkan juga JBPM mempunyai satu sistem kerja yang teratur dan dapat menyemai Budaya Kerja Cemerlang kepada segenap warga JBPM.

PENCAPAIAN OPERASI UNIT PENGESAN

ANALISA PERANGKAAN OPERASI UNIT PENGESAN (K9) JBPM MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA BAGI TAHUN 2018

BIL	NEGERI	JUMLAH KES	SIASATAN KEBAKARAN		MENCARI & MENYELAMAT	
			POSITIF	NEGATIF	POSITIF	NEGATIF
1	PERLIS	1	1	-	-	-
2	KEDAH	10	5	4	-	1
3	PULAU PINANG	10	6	2	2	-
4	PERAK	30	10	11		8
5	SELANGOR	69	24	35	2	8
6	KUALA LUMPUR	21	12	5	1	3
7	NEGERI SEMBILAN	10	4	1	2	4
8	MELAKA	4	1	3	-	-
9	JOHOR	5	2	1	-	2
10	PAHANG	12	4	2	1	5
11	TERENGGANU	8	2	-	1	1
12	KELANTAN	2	-	-	-	6
13	SABAH	-	-	-	-	-
14	SARAWAK	-	-	-	-	-
15	LABUAN	-	-	-	-	-
16	PUTRAJAYA	1	1	-	-	-
JUMLAH		183	72	64	9	38

****NOTA:-**

***NEGATIF** = Mengesahkan tiada bahan bakar wujud di kawasan kebakaran / Mengesahkan tiada mangsa.

***POSITIF** = Berjaya mengesan bahan bakar di kawasan kebakaran / Berjaya mengesan mangsa hidup atau mati (mayat).

ANALISA

1. Pada tahun 2018 unit ini telah menghadiri sebanyak 183 kes operasi yang melibatkan bantuan khidmat penyiasatan kebakaran serta operasi mencari dan menyelamatkan di seluruh kawasan semenanjung Malaysia.
2. Bantuan khidmat penyiasatan kebakaran telah mencatatkan jumlah panggilan yang paling tinggi iaitu sebanyak 136 panggilan berbanding dengan operasi mencari dan menyelamatkan sebanyak 47 panggilan.
3. Daripada 136 panggilan khidmat bantuan penyiasatan kebakaran yang dihadiri dan membantu Pasukan Penyiasatan (FIO), sebanyak 72 operasi telah berjaya mengesan (menemui) bahan bukti dan 64 operasi telah berjaya mengesan (menemui) bahan bakar.
4. Manakala sejumlah 47 panggilan bantuan operasi mencari dan menyelamatkan yang dihadiri oleh unit ini, 9 operasi telah berjaya mengesan (menemui) mangsa dan 38 operasi tidak berjaya mengesan (menemui) mangsa.

5. Secara purata panggilan yang diterima atau dihadiri pada tahun 2018 ialah sebanyak 183 panggilan iaitu peningkatan sebanyak 6 panggilan berbanding tahun 2017 hanya 177 panggilan. Ini adalah disebabkan oleh faktor seperti berikut:
- 5.1. Kebanyakan panggilan yang dihadiri adalah merupakan bantuan siasatan kebakaran.
 - 5.2. Manakala bantuan operasi mencari dan menyelamatkan menunjukkan penurunan kerana kebanyakan mangsa telah berjaya ditemui oleh pasukan penyelamat pada peringkat awal sebelum kehadiran unit ini ditempat operasi.
6. Setiap kes yang dihadiri oleh unit ini telah mencapai objektif jabatan dalam memberikan khidmat bantuan penyiasatan kebakaran dan operasi mencari dan menyelamatkan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Unit Pengesan (K9) JBPM telah mencapai objektif jabatan dalam memberikan khidmat bantuan penyiasatan kebakaran dan operasi mencari dan menyelamatkan. Kes bantuan penyiasatan kebakaran telah berjaya membantu Pegawai Penyiasatan (FIO) untuk mengesan (penemuan) bahan bukti (*accelerent*) di tempat kebakaran dan merupakan panggilan kes yang paling banyak dihadiri.

Manakala bagi kes operasi mencari dan menyelamatkan untuk disiplin anjing pengesan mengesan jejak mangsa hilang / sesat (*Wilderness*), mangsa meninggal dunia / mayat (Cadaver) dan mangsa hidup (UDSAR) juga menyumbang kejayaan dalam operasi yang dihadiri seperti kes Tanah Runtuh di Bukit Kukus, Pulau Pinang.

OPERASI UNIT PENGESAN (K9) JBPM

1. CADAVER

Jenis Operasi : Operasi SAR Cadaver Mencari Mangsa Lemas
 No. Bil. Operasi : 27/2018
 Alamat : Lombong Taman Perdana, Puchong
 Tarikh Kejadian : 03 Oktober 2018
 Masa Kejadian : 17:30
 Hasil Pengesanan : Berjaya menjumpai kedudukan mangsa yang sebenar.



Jenis Operasi : Operasi SAR Cadaver Mangsa Lemas
 No. Bil. Operasi : 32/2018
 Alamat : Sungai Paka Kg Menyiram, Durain Mentangau Paka, Terengganu
 Tarikh Kejadian : 10 November 2018
 Masa Kejadian : 20:30
 Hasil Pengesanan: Berjaya mengesan kedudukan mangsa yang merupakan seorang pegawai Polis yang terjatuh ke dalam sungai semasa mengejar penjenayah.

2. FIRE INVESTIGATION (FI)

Jenis Operasi : Kebakaran Lori dan Kereta
 No. Bil. Operasi : 62/2018
 Alamat : Berhampiran Stesen KTM Komuter Jalan Kuang
 Bulai 1, Taman Kepong, Kuala Lumpur.
 Tarikh Kejadian : 8 Jun 2018
 Masa Kejadian : 01:43
 Hasil Pengesanan : Positif



Jenis Operasi : Kebakaran Rumah Teres
 No. Bil. Operasi : 128/2018
 Alamat : Jalan Suria Tropica 1A, Taman Suria Tropica, Seri Kembangan,
 Selangor
 Tarikh Kejadian : 17 Disember 2018
 Masa Kejadian : 14:37
 Hasil Pengesanan: Negatif



Jenis Operasi : Kebakaran Kereta
 No. Bil. Operasi : 54/2018
 Alamat : Kampung Poh Bidol, Perak
 Tarikh Kejadian : 16 Mei 2018
 Masa Kejadian : 04:00
 Hasil Pengesanan : Positif

3. UD & CADAVER



Jenis Operasi : Tanah Runtuh
 No. Bil. Operasi : 30/2018
 Alamat : Bukit Kukus, Paya Terubong, Pulau Pinang
 Tarikh Kejadian : 19 Oktober 2018
 Masa Kejadian : 03:56
 Hasil Pengesanan: Berjaya mengesan 7 lokasi mangsa yang tertimbus

4. WILDERNESS

Jenis Operasi : Mangsa Hilang
 No. Bil. Operasi : 31/2018
 Alamat : Persiaran Aman Jaya, Kubu Gajah, Perak
 Tarikh Kejadian : 29 Oktober 2018
 Masa Kejadian : 03:00
 Hasil Pengesanan : Mangsa dijumpai orang awam



LATIHAN DAN KURSUS UNIT PENGESAN (K9) JBPM

Tajuk	: Acclimation and Bonding
Tempat	: Unit Pengesan (K9)
Tarikh	: 04 Januari – 09 Mac 2018
Masa	: 0830 -1730
Jumlah Pegawai Terlibat	: 35 Orang
Tenaga Pengajar	: Vikkas K9
Tujuan	: Penyesuaian anjing pengesan baru dengan pemegang untuk menyesuaikan diri dalam keadaan cuaca di malaysia



Tajuk	: Kursus Heat Stroke and First Aids Management
Tempat	: Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia
Tarikh	: 02 Julai 2018 - 03 Julai 2018 16 Julai 2018 - 17 Julai 2018
Masa	: 0800-1700
Jumlah Pegawai Terlibat	: 12 Orang
Tenaga Pengajar	: Dr. Veterinar
Tujuan	: Kursus pengurusan kepanasan terlampau pada anjing pengesan serta rawatan awal sekiranya berhadapan dalam sesuatu situasi yang cemas.



Tajuk	: Kursus Kennelmen 2018
Tempat	: Unit Pengesan (K9)
Tarikh	: 22 Oktober-02 November 2018
Masa	: 0630-1730
Jumlah Pegawai Terlibat	: 30 Orang
Tenaga Pengajar	: PKPgB Pramnath A/I Hariskisna
Tujuan	: Memberi asas pengetahuan kepada pemegang pemegang baru dalam pengurusan kandang dan kesihatan anjing pengesan dalam rutin harian kerja sebagai pemegang anjing pengesan.



Tajuk	: Latihan Familiarisasi Helikopter
Tempat	: Taman Millenium, Kuala Khubu Baru
Tarikh	: 7 Februari 2018
Masa	: 0811- 1730
Jumlah Pegawai Terlibat	: 35 Orang
Tenaga Pengajar	: Pegawai Unit Udara, JBPM
Tujuan	: Untuk menyesuaikan anjing pengesanan dan pemegang bekerja dengan kru pesawat sebagai satu persiapan apabila menghadiri operasi penyelamatan yang sebenar.



Tajuk	: Latihan Rapelling and Winching
Tempat	: Balai Bomba Dan Penyelamat Seputeh Kuala Lumpur
Tarikh	: 03 Mei 2018
Masa	: 0800-1700
Jumlah Pegawai Terlibat	: 22 Orang
Tenaga Pengajar	: Unit Rope and Rescue Kuala Lumpur
Tujuan	: Memberi pendedahan ilmu ikatan tali dan pemasangan sistem takal kepada pemegang-pemegang anjing pengesanan apabila berkerja di tempat yang tinggi khususnya cerun.





PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Latihan dan Kursus
Seksyen Pembangunan Sumber Manusia

LAPORAN TAHUNAN 2018
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PEMBANGUNAN MODAL INSAN LATIHAN DAN KURSUS

A. Merancang dan Mengkordinasi Program Latihan / Kursus.

Pelaksanaan Program Latihan Formal Yang Dirancang


Pada tahun 2018, Bahagian Latihan JBPM telah menjalankan 868 siri kursus yang melibatkan peruntukan kewangan sejumlah RM13,640,228.88 juta berbanding 902 siri kursus pada tahun 2017 yang melibatkan peruntukan kewangan sejumlah RM18,058,154.00.

Ini menunjukkan pengurangan sebanyak 3.8% siri kursus. Secara keseluruhannya, Bahagian Latihan JBPM telah melaksanakan 103.3% siri kursus daripada jumlah 840 siri kursus yang dicadangkan bagi tahun 2018.

PERKARA	BIL SIRI KURSUS	
	SASARAN	PENCAPAIAN
Kursus Functional	694	729
Kursus Wajib	12	12
Kursus Umum	68	68
Kursus Institusi Swasta Dalam Negara	61	55
Kursus Kepakaran Luar Negara	5	4
JUMLAH KESELURUHAN	840	868

JADUAL 1 : Prestasi pencapaian pelaksanaan siri kursus pada tahun 2018


Prestasi pencapaian bilangan siri kursus yang telah dilaksanakan berbanding sasaran pelaksanaan siri kursus bagi tahun 2018 seperti di Carta 1, yang menunjukkan Kursus Wajib dan Kursus Umum mencapai pelaksanaan siri kursus 100%. Manakala, Kursus Functional mencapai 105% pelaksanaan siri kursus bagi tahun 2018.



CARTA 1 : Prestasi pencapaian bilangan siri kursus yang telah dilaksanakan berbanding sasaran pelaksanaan siri kursus pada tahun 2018

Sebanyak 346 siri kursus telah dirancang pada awal tahun 2018 untuk pelaksanaan di peringkat Bahagian Latihan Negeri JBPM. Secara keseluruhannya, semua negeri berjaya melaksanakan siri kursus yang dirancang. Jumlah pelaksanaan siri kursus di negeri melebihi siri kursus yang dirancang pada awal tahun. Ini adalah disebabkan oleh inisiatif bahagian latihan negeri dalam melaksanakan kursus di peringkat negeri.

PELAKSANAAN SIRI KURSUS DI BAHAGIAN LATIHAN NEGERI



CARTA 2 : Prestasi pencapaian pelaksanaan siri kursus di bahagian latihan negeri pada tahun 2018



Peserta kursus menjalani latihan di pusat latihan negeri, JBPM

PELAKSANAAN DASAR LATIHAN SUMBER MANUSIA


Pekeliling Perkhidmatan JPA Bil.6 Tahun 2005 mengenai Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam telah menggariskan setiap penjawat awam perlu menghadiri/mengikuti latihan atau kursus sekurang-kurangnya tujuh hari dalam tempoh setahun, bagi melengkapkan diri dengan sikap (*attitude*), kemahiran (*skills*) dan pengetahuan (*knowledge*) yang bersesuaian. Sehingga bulan Disember 2018, jumlah kakitangan di JBPM adalah seramai 12,633 orang. Laporan keseluruhan latihan pembangunan pegawai dan kakitangan JBPM adalah seperti jadual di bawah:

Kumpulan	Bilangan Perjawatan	Bilangan Anggota Yang Diisi	Kursus Pendek (Bil. Anggota Yang Hadir)							Kursus Panjang > 3 Bulan
			1 Hari	2 Hari	3 Hari	4 Hari	5 Hari	6 Hari	7<Hari	
JUSA	5	5	0	0	0	0	0	0	5	0
Pengurusan dan Profesional	485	451	0	0	0	0	0	0	408	43
Sokongan I (Gred 27-40)	1,096	1,033	0	0	0	0	0	0	1,033	0
Sokongan II (Gred 1-26)	12,418	11,144	0	0	0	0	0	0	11,000	144
JUMLAH	14,004	12,633	0	0	0	0	0	0	12,446	187

Jadual 2: Bilangan penjawatan dan pegawai yang menghadiri kursus bagi tahun 2018

Kesimpulannya, objektif JBPM untuk memastikan setiap kakitangan memenuhi keperluan tujuh hari latihan dalam setahun adalah tercapai dengan 12,633 iaitu (100%) orang pegawai dan kakitangan JBPM telah berjaya menghadiri tujuh hari berkursus sepanjang tahun 2018.

PERATUSAN PEGAWAI YANG MENGHADIRI 7 HARI BERKURSUS TAHUN 2018



CARTA 3 : Carta peratusan pegawai yang menghadiri 7 hari berkursus tahun 2018

Latihan Bekalan Perolehan Jentera dan Peralatan Bagi Tahun 2018

Disamping kursus yang dirancang, Bahagian Latihan dengan kerjasama pembekal jentera dan peralatan telah mengendalikan sebanyak 2 siri latihan yang melibatkan seramai 39 orang peserta. Penganjuran latihan ini bagi memenuhi keperluan dalam kontrak bekalan jentera dan peralatan berkenaan. Tempat bagi latihan perolehan ini adalah di Pusat Kejuruteraan Jentera, Bandar Baru Salak Tinggi dan negeri.

BIL	JENIS LATIHAN	JUMLAH SIRI	JUMLAH PESERTA
1	Kursus Bagi Latihan Teknik Pemanduan dan Pengendalian Jentera di dalam Kontrak Rundingan Terus 2016 Perolehan Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji dan Mentauliah serta Perkhidmatan Berkaitan Sembilan Belas (19) Unit Aerial Ladder Platform (ALP) C/W Fitting dan Accessories.	1	22
2	Latihan Operator di dalam Kontrak Rundingan Terus Tahun 2016 Perolehan Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji dan Mentauliah Serta Perkhidmatan Berkaitan Sembilan Belas (19) Unit Aerial Ladder Platform (ALPT) C/W Fitting dan Accessories Kepada JBPM	1	17
JUMLAH KESELURUHAN		2	39

Jadual 3 : Pelaksanaan latihan bekalan perolehan jentera dan peralatan bagi tahun 2018

B. Melaksanakan Program Tahunan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

i. Perkhemahan Kadet Bomba Peringkat Kebangsaan Kali ke-28

Tema	: Sehati Sejiwa Mencegah Kebakaran
Anjuran Bersama	: Bahagian Latihan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Latihan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Labuan, Jabatan Pelajaran Labuan dan Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan.
Penyertaan	: 16 kontinjen-kontinjen dari setiap negeri
Tempat	: Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) Jitra, Kedah
Tarikh	: 18hb – 20hb April 2018
Jumlah Peserta	: 704 orang peserta terdiri daripada 16 kontinjen
Aktiviti	: Kawad Kaki (Campuran), Kawad Operasi Kering (Lelaki/Perempuan), ASPEC Challenge (Lelaki/Perempuan), Cadet Challenge (campuran), Ikatan dan Simpulan (campuran), Brain & Brawn Challenge (Lelaki/Perempuan), Kuiz (campuran), Teacher Challenge dan Pertandingan Kebudayaan.

Majlis perasmian pembukaan pertandingan Kadet Bomba Peringkat Kebangsaan Kali ke-28 telah diadakan di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Jitra Kedah. Majlis perasmian ini disempurnakan oleh YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) pada 18hb April 2018. Majlis ini turut dihadiri oleh YS Pengarah Bahagian-Bahagian, YS Pengarah-Pengarah Bomba Negeri, Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Berikut adalah keputusan keseluruhan bagi pertandingan:

Johan	: Kontinjen Negeri Sabah
Naib Johan	: Kontinjen Negeri Johor
Ketiga	: Kontinjen Negeri Kelantan



Antara pasukan kadet yang terlibat dalam pertandingan



Demo yang ditunjukkan oleh pegawai kadet semasa perasmian pembukaan pertandingan kadet bomba tahun 2018

ii. Pertandingan Kawad Kecekapan Peringkat (PKK) Kebangsaan Kali ke-20 Tahun 2018

Anjuran	: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Penyertaan	: Kontinjen-kontinjen dari setiap negeri
Tempat	: Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur, Marang, Terengganu
Tarikh	: 1hb hingga 6hb September 2018
Jumlah Peserta	: 736 orang peserta terdiri daripada 16 kontinjen
Aktiviti	: Antara acara-acara yang telah dipertandingkan ialah Pertandingan Kawad Kaki, Pertandingan Kawad Operasi Menyelamat di Air, Pertandingan Kawad Operasi Hantaran Jauh Berhalangan, Pertandingan Kawad Operasi Penyelamatan Kemalangan Jalan Raya, Pertandingan Sindiket Perancangan Strategi Operasi, Fire Fighter Combat Challenge, Fire Fighter Combination Drill, Fire Fighters Challenge dan Pertandingan Search and Rescue Navigation (SARNAV).

Bagi mengeratkan hubungan silaturrahim di antara JBPM dengan bomba agensi luar dan Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT), beberapa aktiviti telah diadakan dalam Pertandingan Kawad Kecekapan kali ini.

a) Pasukan Tindakan Kecemasan

Penyertaan : 16 Syarikat
 Jumlah Peserta : 80 orang (5 peserta setiap pasukan)
 Aktiviti : Antara acara yang telah dipertandingkan ialah Pertandingan Kawad Operasi Memadam Kebakaran dan Menyelamat

b) Pasukan Bomba Agensi Luar

Penyertaan : 7 Agensi
 Jumlah Peserta : 35 orang (5 peserta setiap pasukan)
 Aktiviti : Antara acara yang telah dipertandingkan ialah Pertandingan Kawad Operasi Hantaran Jauh Berhalangan

Majlis perasmian penutupan pertandingan Kawad Kecekapan Peringkat Kebangsaan Kali ke-20 telah diadakan di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur, Terengganu. Majlis perasmian penutup disempurnakan oleh YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) pada 5hb September 2018. Majlis ini turut dihadiri oleh YS Pengarah Bahagian-Bahagian, YS Pengarah-Pengarah Bomba Negeri, Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Berikut adalah keputusan keseluruhan bagi pertandingan:

a. Kawad Kecekapan Peringkat Kebangsaan Kali Ke-20 Tahun 2018:

KEPUTUSAN KESELURUHAN				
NEGERI	KEDUDUKAN	EMAS	PERAK	GANGSA
Perak	1	2	1	2
Selangor	2	2	0	1
Pulau Pinang	3	1	2	0
Kedah	4	1	1	1
Pahang	5	1	0	1
Kuala Lumpur	6	1	0	0
Perlis	7	1	0	0
Johor	8	0	2	2
Sabah	9	0	1	0
Melaka	10	0	1	0
Kelantan	11	0	1	0
Negeri Sembilan	12	0	0	1
Putrajaya	13	0	0	1
Terengganu	14	0	0	0
Sarawak	15	0	0	0
Labuan	16	0	0	0

Jadual 4: Keputusan Keseluruhan Pertandingan Kawad Kecekapan Peringkat Kebangsaan Kali ke-20 Tahun 2018



Peserta mengambil bahagian dalam pertandingan *Fire Fighter Combat Challenge*



YS Pengarah Bahagian Latihan menerima tabik hormat



Pertandingan Kawad Kaki

b. Keputusan keseluruhan Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT)

BIL.	PASUKAN
1.	TORAY PLASTIC (MALAYSIA) SDN BHD
2.	IBU PEJABAT MENARA MARA KUALA LUMPUR
3.	TPC (MALAYSIA) SDN BHD
4.	PASUKAN MERT INSITITUT KEMAHIRAN MARA SIK
5.	KUALITI ALAM SDN BHD
6.	POLYPLASTIC ASIA PASIFIC SDN BHD
7.	MIRI CRUDE OIL TERMINAL FIRE RESCUE
8.	PETRONAS CARIGALI SARAWAK OIL FIRE RESCUE
9.	MTBE ERT
10.	HONG LEONG YAMAHA MOTOR SDN BHD
11.	RED WARRIOR MEDIC TEAM (HOSPITAL TUMPAT KELANTAN)
12.	TLP TERMINAL SDN BHD
13.	PULLMAN HOTEL & INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE
14.	TNB PUTRAJAYA
15.	EXIM BANK
16.	ERT UNISZA

Jadual 5: Keputusan Keseluruhan Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT)

c. Keputusan keseluruhan Pasukan Bomba Agensi Luar

KEDUDUKAN	NAMA PASUKAN
1	CEFS RESPONSE - TRG
2	NORTHPORT (MALAYSIA) BHD
3	PETRONAS CHEMICAL MTBE
4	AIRPORT FIRE RESCUE (AFRS)
5	PENANG PORT SDN. BHD.
6	BOMBA PENGKALAN UDARA GONG KEDAK
7	KUANTAN PORT CONSORTIUM

Jadual 6: Keputusan Keseluruhan Pasukan Bomba Agensi Luar

iii. **Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat (KIK) Kebangsaan Kali ke-29 Tahun 2018**

Anjuran : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
 Penyertaan : Kontinjen-Kontinjen dari setiap negeri (16 Kumpulan KIK Primer + 16 Kumpulan KIK Hybrid)
 Tempat : Hotel Ixora, Prai, Pulau Pinang
 Tarikh : 26 hingga 30 Oktober 2018
 Jumlah Peserta : 160 orang peserta terdiri daripada 16 Kontinjen
 Aktiviti : Persembahan pasukan KIK, sesi viva dan dokumentasi, pameran kumpulan KIK.

Berikut adalah keputusan keseluruhan Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Kategori Primer Peringkat Kebangsaan JBPM Kali Ke-29 Tahun 2018:

KEPUTUSAN	NEGERI	PROJEK
TEMPAT PERTAMA	JBPM SARAWAK (COOLTECH)	WATER RESCUE BODIES BAG
TEMPAT KEDUA	JBPM KELANTAN (AGILE)	AGILE FLOOD RESCUE STRAINER
TEMPAT KETIGA	JBPM PERLIS (KING)	BOMBAGO

Jadual 7: Keputusan Keseluruhan KIK (Kategori Primer) Peringkat Kebangsaan JBPM Kali Ke-29 Tahun 2018

KEPUTUSAN	NEGERI	PROJEK
TEMPAT PERTAMA	JBPM PULAU PINANG	PF PROTECTED VEHICLE FIRE
TEMPAT KEDUA	JBPM KELANTAN (MATAHARI)	MOBILE COMMUNITY FIRE FIGHTING SET (MC FF-SET)
TEMPAT KETIGA	JBPM NEGERI SEMBILAN (THE SHIELD)	SAFETY BIO-PAD

Jadual 8: Keputusan Keseluruhan KIK (Kategori Hybrid) Peringkat Kebangsaan JBPM Kali ke-29 Tahun 2018

Majlis perasmian penutup Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat Kebangsaan JBPM Kali Ke-29 Tahun 2018 telah diadakan di The Light Hotel, Prai, Pulau Pinang. Majlis ini dirasmikan oleh YAS Dato' Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid, Ketua Pengarah JBPM pada 29hb Oktober 2018. Majlis ini turut dihadiri oleh YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YAS Dato' Hj. Soiman bin Jahid, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), YS Pengarah Bahagian-Bahagian, YS Pengarah-Pengarah Bomba Negeri dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.



Persembahan Kumpulan Inovatif dan Kreatif kategori Primer



Pameran Inovatif dan Kreatif

C. Melaksanakan Program Kerjasama Latihan Kebommbaan Bersama Institusi Dalam dan Luar Negara.

Sepanjang tahun 2018, Bahagian Latihan telah melaksanakan beberapa program kerjasama latihan kebommbaan. Antaranya ialah 3 program melibatkan institusi dalam Negara dan 4 program melibatkan institusi luar Negara. Program-program yang dilaksanakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mendapat perhatian dan penyertaan yang tinggi daripada dalam dan luar Negara. Berikut adalah antara program yang dilaksanakan pada tahun 2018:

1. Dalam Negara

- i. Program / Latihan : Kursus Public Safety Diver Siri 1- 2
 Anjuran : Bahagian Latihan Ibu Pejabat JBPM
 Tarikh : 20 September – 21 Oktober 2018
 10 Oktober – 10 November 2018
 Tempat : Terengganu Safety Training Centre (TSTC), Kemaman, Terengganu
 Jumlah Peserta : 50 orang



Peserta kursus mempelajari teknik penggunaan Alat Pernafasan



Peserta mempelajari teknik pemakaian alat pernafasan



Tenaga pengajar mengajar teknik menyelam



Peserta kursus yang menghadiri kursus PSD

- ii. Program / Latihan : Emergency Medical Rescue Services (EMRS)
- Anjuran : Bahagian Latihan Ibu Pejabat Putrajaya dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia
- Tarikh : 30hb Mac hingga 1hb April 2018
- Tempat : ABPM Wilayah Tengah, ABPM Wilayah Timur, BBP Shah Alam JBPM Sabah dan JBPM Sarawak
- Jumlah Siri : 9 siri
- Jumlah Peserta : 381 orang



Peserta kursus EMRS



Pegawai KKM mengajar teknik membuat CPR

- iii. Program / Latihan : Swift Water Rescue Supervisor
- Anjuran : Bahagian Latihan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Tarikh : 22 hingga 24 Oktober 2018
- Tempat : ABPM Wilayah Tengah dan Sungai Pertak
- Jumlah Peserta : 45 orang



Peserta-peserta kursus bersama dengan
YAS Ketua Pengarah JBPM



Peserta kursus menjalani latihan
berenang di arus deras

1. Luar Negara

i. ORGANISATION FOR THE PROHIBITION OF CHEMICAL WEAPONS (OPCW)

- a) Kursus : *Train The Trainer in Assistance and Protection Under Article X of Chemical Weapons Convention Act, Lazne Bohdanec, Czech Republic*
Tempat : Republik Czech
Tarikh : 16 hingga 24 Mei 2018
Jumlah Peserta : 1 orang
- b) Kursus : *Annual Assistance And Coordination Workshop (AACW-18)*
Tempat : Marrakesh, Morocco
Tarikh : 29 hingga 31 Oktober 2018
Jumlah Peserta : 1 orang
- c) Kursus : *'Article X and National Preparedness Benefitting from Assistance and Protection Programmes to Enhance Chemical Incident Response'*
Tempat : The Hague, Belanda
Tarikh : 23/11/2018
Jumlah Peserta : 1 orang
- d) Kursus : *The First Opcw Workshop On Chemical Emergency Planning And Response During Major Events.*
Tempat : Doha, Qatar
Tarikh : 10 hingga 14 Disember 2018
Jumlah Peserta : 1 orang

ii. Kursus Kepakaran Luar Negara

Sepanjang tahun 2018, Bahagian Latihan telah mengadakan 4 siri kursus kepakaran luar negara bagi meningkatkan lagi ilmu pengetahuan kebombaian pegawai dan jurulatih JBPM. Maklumat kursus-kursus tersebut adalah seperti berikut:

- a) Kursus : *Rospa Certified Emergency Vehicle Response Driver Training Course (TOT)*
Anjuran : Bahagian Latihan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Tempat : Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Tengah, Selangor
Tarikh : 29 – 31 Oktober 2018 (Siri 1)
01 – 03 November 2018 (Siri 2)
05 – 07 November 2018 (Siri 3)
08 – 10 November 2018 (Siri 4)
Jumlah Peserta : 40 orang



Peserta kursus dan penceramah yang terlibat dalam kursus ini



Penceramah menerangkan penjagaan kenderaan kepada peserta kursus

a) **KURSUS, PERSIDANGAN, SEMINAR, LATIHAN, BENGKEL DAN LAWATAN KE LUAR NEGARA**

BIL	KURSUS / PERSIDANGAN / SEMINAR / LATIHAN / BENGKEL DAN LAWATAN KE LUAR NEGARA	NEGARA	JUMLAH PEGAWAI
1	Lawatan Kerja Ahli-Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan	Melbourne Australia	1
2	Projek Laluan Rel Pantai Timur (EcrI) – Lawatan Teknikal Ke China Berhubung Konsep Rekabentuk dan Keselamatan Terowong.	Xi'an, China	2
3	Program Lawatan Teknikal untuk Projek Keretapi Berkelajuan Tinggi (HSR) Bersama MyHSR Corporation Sdn Bhd (MyHSR), Singapore Civil Defence Force (SCDF) dan Land Transport Authority (LTA) Singapura	Switzerland, Madrid (SPAIN) dan United Kingdom, London	3
4	CBRN CoE 46 Component 1 Training Programme 3: "Capacity Building On Crisis Management For CBRN First Responders"	Madrid Sepanyol	1
5	Workshop on SMART Informatics For Sustainability	Bangkok, Thailand	1
6	Mesyuarat 'Malaysia Singapore Joint Committee On Environment (MSJCE) Expert Group'	Singapura	1
7	Lawatan ke Republik Croatia dan Simposium Mengenai Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat Republik Croatia	Republik Croatia	2
8	Train The Trainer in Assistance and Protection Under Article X of Chemical Weapons Convention Act, Lazne Bohdanec, Czech Republic	Republik Czech	1
9	International Association Of Arson Investigators (IAAI) 2018, International Training Conference	Texas Amerika Syarikat	2
10	IFCAA 2018 International Rescue Team Joint Drills and The International Rescue Skills Workshop	Tokyo, Jepun	1
11	IMPACT Tough Robotics Challenge Field Evaluation Forum and Disaster Response Robotics and Technology Symposium Anjuran Tohoku University, Japan	Sendai, Jepun	2
12	Mesyuarat Persediaan Bagi Latihan Tumpahan Bahan Kimia di Bawah Program 'Malaysia-Singapore Joint Committee On Environment (MSJCE) Expert Group'	Singapura	1
13	Latihan Tumpahan Bahan Kimia di Bawah Program Malaysia Singapore Joint Committee On Environment (MSJCE) Bagi Tahun 2018 Melibatkan Latihan Secara 'Table Top' dan Latihan Tumpahan di Laut yang di Hoskan Oleh Singapore Maritime and Port Authority (MPA)	Singapura	3
14	Mesyuarat 'Disaster Management Working Group' (DMWG) Ke-24	Songkla, Thailand	1

15	Latihan Penerbangan dan Latihan Jurutera Bagi Helikopter AW189	Itali	4
16	Aerial Firefighting Asia Pacific Conference and Exhibition 2018 (AFF APAC 2018)	Wollongong, Australia	2
17	JICA Program - Training For Young Leaders Program (Latihan Belia Muda) On Fire & Emergency Response Service In Large Area Course	Jepun	7
18	Lawatan Kerja ke Pusat Penyelidikan Kebommbaan Building Research Establishment (Bre) di Watford dan Exova Warrington Fire Research (Exova)	Warrington, United Kingdom	1
19	Kursus Pengujian Kebakaran Piawai (Bs8414 Fire Performance Of External Cladding Systems) di Building Research Establish (BRE) United Kingdom	United Kingdom	1
20	Latihan di Italy bagi calon Pelatih Jurutera kategori B2 Avionics pada 24 September – 5 Oktober 2018	Itali	2
21	Pacific Asia Lift and Escalator Association (PALEA) Annual General Meeting And Seminar	Holiday Inn Singapore Atrium, Singapura	1
22	Persidangan The Australian Fire and Emergency Authorities Council 2018 (AFAC 2018)	Perth Convention And Exhibition Centre, Western Australia	1
23	The Arson Investigative Program: Session 11	Bangkok, Thailand	2
24	Kursus Helikopter Emergency/ Major Failure Handling (Simulator) bagi Juruterbang dan Anak Kapal Helikopter Jenis Mi-17-Iv/Mi-171 JBPM	Kremenchuk Flight College, Ukraine	3
25	Regional Seminar On Innovation In Rescue Operations: Rescue Forces In The Terror Attack Response	Civil Defence Academy, Singapura	2
26	4th International Seminar On Disaster Prevention and Response For High-Rise Building	Seoul, Republic Of Korea	1
27	Annual Assistance and Coordination Workshop (AACW-18)	Marrakesh, Morocco	1
28	International Elite Rescuers Exchange (IERE), Singapore-Global Fire Fighters & Paramedics Challenge (SGFPC), SCDF Day Parade And Race For Responders (R4R) 2018	Singapura	13
29	'Article X and National Preparedness-Benefitting from Assistance and Protection Programmes to Enhance Chemical Incident Response'	The Hague, Belanda	1
30	'Latihan Verifikasi dan Pemeriksaan Sample Pengujian 'Lift-Landing Door' di Gyeonggi-Do, Korea Selatan dan Shanghai, China'.	Gyeonggi-Do, Korea Selatan dan Shanghai, China	2
31	The First OPCW Workshop On Chemical Emergency Planning and Response During Major Events.	Doha, Qatar	1
32	"Training Program On Product Safety For Malaysia" di AOTS Tokyo Kenshu Center (TKC) dan AOTS Kansai Kenshu (KKC), Jepun	Jepun	1
JUMLAH			68

Jadual 9 : Peserta yang menghadiri kursus/ persidangan/ seminar/ latihan/ bengkel dan lawatan ke Luar Negara bagi tahun 2018

D. Mengurus Perkembangan Kerjaya dan Kemajuan Diri.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menggalakkan pegawai serta kakitangan JBPM untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi bagi meningkatkan keupayaan dan prestasi dalam bidang kerjaya. Seramai 45 pegawai JBPM telah diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran bagi tahun 2018. Jadual di bawah menunjukkan bilangan pegawai dan kakitangan JBPM yang melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi:

Bil	Peringkat Pengajian	Masih Belajar	Tangguh Belajar	Tamat Belajar	Berhenti Belajar
1	PHD	2	0	0	0
2	Ijazah Sarjana	4	0	0	0
3	Ijazah Sarjana Muda	32	0	0	0
4	Diploma	7	0	0	0
JUMLAH		45	0	0	0

Jadual 10 : Pegawai dan kakitangan JBPM yang melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi mengikut peringkat pengajian pada tahun 2018

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Bahagian Latihan telah berjaya mencapai prestasi yang cemerlang pada tahun 2018. Semua aktiviti-aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya. Pencapaian perbelanjaan peruntukan kewangan 2018 di bawah program sedia ada latihan ialah sebanyak RM15,829,053.88 dan peratusan perbelanjaan ialah sebanyak 86.17% peratus. Manakala di bawah program one-off JBPM jumlah peruntukan ialah sebanyak RM727,000.00 dengan peratusan pencapaian perbelanjaan ialah sebanyak 100% peratus.

SEKSYEN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

NAIK PANGKAT

Sepanjang tahun 2018, urusan kenaikan pangkat telah dijalankan melibatkan semua lapisan gred pegawai daripada Kumpulan Pengurusan Tertinggi hinggalah ke Kumpulan Sokongan.

Bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang melibatkan gred KB44 hingga gred Utama, sebanyak 9 urusan pemangkuan dan 3 urusan pengesahan kenaikan pangkat.

Bil	Jawatan / Gred	Pemangku		Kenaikan Pangkat	
		Bil. Urusan	Bil. Pegawai yang diperaku	Bil. Urusan	Bil. Pegawai yang diperaku
1	Utama B	1	1		
2	Utama C	3	3		
3	Penguasa Bomba Gred KB54	1	1	1	3
4	Penguasa Bomba Gred KB52	1	1	1	3
5	Penguasa Bomba Gred KB48	2	6		
6	Penguasa Bomba Gred KB44	1	19	1	32

Jadual 1: Urusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Bagi Kumpulan Sokongan, sebanyak 4 urusan pemangkuan dan 8 urusan kenaikan pangkat telah dilaksanakan.

Bil	Jawatan / Gred	Pemangku		Kenaikan Pangkat	
		Bil. Urusan	Bil. Pegawai yang diperaku	Bil. Urusan	Bil. Pegawai yang diperaku
1	Pegawai Bomba Gred KB22	1	26	2	208
2	Pegawai Bomba Gred KB24			1	7
3	Pegawai Bomba Gred KB26			2	13
4	Penolong Penguasa Bomba Gred KB32	1	12	2	36
5	Penolong Penguasa Bomba Gred KB38	1	26	1	22

Jadual 2 : Urusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Kumpulan Sokongan

Semua urusan kenaikan pangkat ini dibuat berasaskan merit dengan mengambilkira prestasi, kelayakan akademik dan pengetahuan, peribadi, kegiatan luar dan sumbangan pegawai kepada jabatan. Semua urusan ini dibuat bagi mengisi kekosongan jawatan.

PRESTASI

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang merupakan pengiktirafan yang diperkenalkan oleh kerajaan bagi menginstitusikan kecemerlangan dan memartabatkan perkhidmatan awam ke tahap tertinggi di negara ini. Matlamatnya adalah untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan demi kepuasan pelanggan serta menjadi pendorong kepada sesebuah organisasi untuk sentiasa kekal dinamik dalam menghadapi arus perubahan. Selaras dengan usaha itu, JBPM telah menganugerahkan 98 orang pegawai Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018 telah diadakan di Dewan B, Putrajaya International Convention Centre (PICC) pada 15 Februari 2019.

PERKHIDMATAN DAN SARAAAN

Perkhidmatan seseorang pegawai adalah penting dan perlu dijaga dengan teratur serta kemas. Berlandaskan kepada objektif Unit Perkhidmatan iaitu sistem penyampaian perkhidmatan sokongan berprinsipkan kompetensi, integriti dan akauntabiliti dalam mentadbir aktiviti-aktiviti kewangan, pentadbiran, sumber manusia dan teknologi maklumat yang cekap dan berkesan.



Urusan perkhidmatan dan saraan pada tahun 2018 masih mengekalkan pendekatan yang sama seperti tahun lepas di mana pendekatan mesra warga telah dilaksanakan. Ini termasuk pengeluaran garis-garis panduan berkaitan hal-hal perkhidmatan dan saraan, mempercepatkan proses-proses urusan perkhidmatan dan melaksanakan Hari Semakan Buku Perkhidmatan untuk semua warga JBPM.

Berikut adalah statistik urusan perkhidmatan dan saraan yang telah diproses dan diselesaikan pada tahun 2018:

Bil.	Urusan	Jumlah
1	Urusan Gaji dan Elaun	2020
2	Kelulusan Kemudahan	
	- Elaun Tanggung Kerja	50
	- Permohonan Sara Ubat	600
	- Pinjaman Perumahan	25
	- Keahlian Kelab Rekreasi	1
	- Komunikasi Mudah Alih	1
	- Elaun Pakaian Istiadat/Upacara Rasmi/Black Tie	70
	- Elaun Pakaian Panas	50
	- Tambang Percuma Wilayah Asal	60
	- Tambang Percuma 3 Tahun Sekali	-
	- Elaun Perpindahan Rumah	42
	- Elaun Pertukaran Luar Stesen	45
	- Permohonan Lawatan ke Luar Negara	500
	- Subsidi Taska	-
	- Elaun Ketukangan	17
	- BITPS	7
	- BITK	5
	- Permohonan Pekerja Luar	-
	- Permohonan Penyertaan dalam Politik	3
	- Permohonan Tanah	15
3	Persaraan/Penamatan Perkhidmatan/Peletakan Jawatan	10

Jadual 3: Statistik urusan perkhidmatan dan saraan yang telah diproses dan diselesaikan tahun 2018

BILANGAN PERMOHONAN CUTI TAHUN 2017



LATIHAN

Latihan dan kursus bagi pegawai di jabatan ini memainkan peranan yang penting dalam memastikan tahap prestasi individu dan keberkesanan organisasi, mengekalkan pertumbuhan organisasi dan perubahan dari semasa ke semasa serta menyediakan lebih banyak peluang dalam pencapaian hasrat sendiri dan profesional.

Pada tahun 2018 sebanyak 71 kursus dan ceramah telah berjaya dilaksanakan. Kursus wajib iaitu Program Transformasi Minda (PTM) telah dilaksanakan sebanyak 8 siri yang telah diadakan di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur, Terengganu, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sabah, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sarawak yang melibatkan penyertaan pelatih baru Pegawai Bomba Gred KB19 dan di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah bagi pelatih baru jawatan Penolong Penguasa Bomba Gred KB29.

Disamping itu juga, Kursus Pra Persaraan juga telah dilaksanakan bagi memberi pendedahan awal kepada pegawai yang bakal bersara dalam persediaan menghadapi situasi dan keadaan yang akan datang dari aspek psikologi dan kewangan. Kursus ini diadakan pada 2 hingga 4 Oktober 2018 di Institut Latihan KPKT yang dihadiri seramai 40 peserta.

Program Pemantapan Kendiri "Give 100%" sebanyak 2 siri telah dilaksanakan yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman kepada pegawai tentang kepentingan perkhidmatan dan kerja yang lebih cemerlang demi kejayaan individu dan organisasi. Kursus ini telah diadakan di Kem El Azzhar Morib, Banting Selangor.

Selain itu, kursus Pengukuhan Berpasukan telah dilaksanakan sebanyak 2 siri. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan penghayatan pegawai tentang konsep kecemerlangan serta budaya kerja berpasukan dan mengetahui kaedah-kaedah menangani sebarang konflik dalam pasukan dengan berkesan. Kursus ini telah diadakan di Kampung Paya Merlimau Melaka yang telah dihadiri seramai 30 orang peserta bagi setiap siri.



Kursus Pengukuhan Berpasukan Bertempat di Kg Paya Merlimau Melaka



Kursus Pengukuhan Berpasukan Bertempat di Kg Paya Merlimau Melaka



Kursus Pra Persaraan di IKPKT
Bukit Tinggi Pahang



Program Transformasi Minda di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia
Wilayah Timur, Terengganu




Program Transformasi Minda di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sabah

HRMIS

Pada tahun 2018, terdapat 6 elemen di dalam Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) yang dinilai sebagai Key Performances Index (KPI) Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang mensasarkan pencapaian sebanyak 100%. Sehingga Disember 2018, 5 elemen telah dinilai iaitu Pengemaskinian Data Perjawatan, Pemurniaan Data bagi 21 elemen di Data Perjawatan, Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan, Pelaksanaan Sasaran Kerja Tahunan (SKT), Pelaksanaan Penamatan Perkhidmatan dan Pelaksanaan Pengisytiharan Harta.


Bagi kelima-lima elemen yang dinilai, jabatan telah mencapai prestasi yang membanggakan iaitu 100% bagi kesemua elemen yang dinilai. Tindakan proaktif semua anggota dalam mengemaskini maklumat dan data di dalam sistem HRMIS menyumbang kepada pencapaian ini perlu dipuji dan dikekalkan untuk masa akan datang.

STATUS PENGEMASKINIAN DATA HRMIS TAHUN 2017




PERJAWATAN DAN PENGISIAN

Sehingga 31 Disember 2018, kekuatan anggota jabatan berjumlah 14,751 perjawatan dengan pecahan 14,004 jawatan skim perkhidmatan bomba dan 747 jawatan skim perkhidmatan gunasama. Bagi skim perkhidmatan bomba, terdapat 1331 kekosongan pelbagai gred jawatan. Perincian kekosongan mengikut gred seperti di Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah:




Rajah 1: Statistik Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan Kumpulan Pengurusan dan Profesional JBPM sehingga Disember 2018



Rajah 2: Statistik Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan Kumpulan Pelaksana JBPM sehingga Disember 2018

Bagi jawatan Pegawai Bomba Gred KB19, jumlah kekosongan pada 31 Disember 2018 berjumlah (1,012) kekosongan. Angka ini tidak mengambil kira bilangan calon yang dipanggil untuk temuduga. Selain itu, kekosongan bagi skim perkhidmatan gunasama berjumlah 29 jawatan pelbagai gred.

Secara keseluruhannya, peratus pengisian perjawatan adalah 90%. Angka ini akan meningkat ke 97% apabila temuduga bagi calon Pegawai Bomba Gred KB19 selesai pada bulan Mac 2019. Walau bagaimanapun, jabatan akan terus menggiatkan usaha untuk memastikan pengisian sepenuhnya dalam meningkatkan mutu kualiti perkhidmatan jabatan dan agihan sumber manusia yang saksama.




Rajah 3: Jawatan Pegawai Bomba Gred KB19

PENGAMBILAN GRED LANTIKAN

Pada tahun 2018, JBPM dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah berjaya melaksanakan urusan pengambilan bagi jawatan Pegawai Bomba Gred KB19 seramai 1019 orang. Urusan pengambilan Pegawai Bomba Gred KB19 melibatkan seramai 57,077 orang calon. Seterusnya, seramai 3,026 orang calon dipanggil untuk proses temuduga sebelum pemilihan 1019 orang calon bagi mengikuti Kursus Sijil Sains Kebombaan (KSSK) di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia.



Rajah 4: Urusan Pengambilan Pegawai Bomba Gred KB19



Rajah 6: Statistik Pengambilan Jawatan Gred Lantikan Mengikut Tahun JBPM

URUSAN PERTUKARAN

Urusan permohonan pertukaran pegawai bagi Kumpulan Pelaksana adalah menggunakan sistem e-pertukaran iaitu yang dibangunkan secara dalaman oleh JBPM. Pada tahun 2018, Jawatankuasa Kerja Penempatan dan Pertukaran (JKKPP) jabatan telah mengadakan empat (4) siri mesyuarat. Mesyuarat akan mencadangkan penempatan bagi pegawai-pegawai yang diluluskan pemangkuan ke gred kenaikan pangkat. Pada masa yang sama, mesyuarat akan turut mempertimbangkan permohonan pertukaran antara negeri ataupun dalaman. Pertimbangan pertukaran mengambil kira alasan permohonan pertukaran yang kritikal seperti masalah kesihatan pegawai sendiri, masalah kesihatan pasangan atau anak, kepentingan perkhidmatan dan juga kebajikan pegawai.



PENGIKTIRAFAN & PENGANUGERAHAN

Pencapaian Peringkat Antarabangsa
Pencapaian Peringkat Nasional
Pencapaian Peringkat Kerajaan Negeri

LAPORAN TAHUNAN 2018
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN

i. Pencapaian Peringkat Antarabangsa

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menghantar seramai 31 orang pegawai bagi menyertai *The 13th World Firefighters Games Chungju 2018* di Chungju, Republik Korea. 3. *The World Firefighters Games* adalah acara kejohanan sukan peringkat antarabangsa yang menghimpunkan seramai lebih 6,697 atlet atau peserta dari pelbagai organisasi kebombaanan. Kejohanan ini menyaksikan penglibatan pegawai bomba sepenuh masa, pegawai bomba separuh masa, pegawai bomba sukarela, pegawai bomba bantuan, bomba agensi khas dan termasuk juga daripada industri penerbangan (*aviation*), pelabuhan, tentera serta *rural fire services*. 4. Sebanyak 75 acara telah dipertandingkan di mana Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menyertai 5 acara iaitu badminton, tenpin bowling, dart, bina badan dan golf. 6. Kontinjen Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah berjaya merangkul 17 pingat secara keseluruhan iaitu 11 pingat emas, 3 pingat perak dan 3 pingat gangsa serta berada di tempat ke-11 daripada 65 negara yang menyertai *The 13th World Firefighters Games Chungju 2018*.

ii. Pencapaian Peringkat Nasional

BIL	KATEGORI	KUMPULAN	PENGIKTIRAFAN / ANUGERAH
1	Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)	JBPM Perlis	Pengiktirafan Persijilan Semula Amalan Persekitaran Berkualiti 5s
		JBPM Kedah	
		JBPM Pulau Pinang	
		JBPM Perak	
		JBPM Selangor	
		JBPM Kuala Lumpur	
		JBPM Melaka	
		JBPM Johor	
		JBPM Pahang	
		JBPM Terengganu	
		JBPM Kelantan	
		JBPM Sarawak	
		JBPM Sabah	
		JBPM Labuan	
	Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah		
	Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur		
	Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sabah		
	BBP Bau, JBPM Sarawak		
2	Kuiz Pelaburan PNB 1 Malaysia	JBPM Negeri Sembilan	Saguhati
3	Pertandingan Kawad Kecekapan Peringkat Kebangsaan	JBPM Kedah	Johan Table Top
			Naib Johan Kawad Hantaran Jauh
			Tempat Ketiga Pertandingan Kawad Kaki
4	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif dan Hari Inovasi	JBPM Kedah	Anugerah Inovasi Menteri
5	Perkemahan Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia Peringkat Kebangsaan Tahun 2018	JBPM Kedah	Naib Johan Kawad Operasi Berhalangan Kering (L)
			Naib Johan Kawad Operasi Berhalangan Kering (P)
			Naib Johan Brain and Brawn (P)
			Kadet Terbaik (P)
			Naib Johan Khemah Terbaik
6	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Sempena Sambutan	Kumpulan Matahari	Naib Johan
		Kumpulan AGILE	Naib Johan (KIK Primer)

7	Anugerah Inovasi Menteri KPKT 2018	Kumpulan Matahari	Naib Johan
8	Pertandingan Kawad Kecekapan Peringkat Kebangsaan	JBPM Pulau Pinang	Johan Acara Fire Fighter Combat Challenge (FFCC)
			Naib Johan Kawad Kaki
			Naib Johan Acara Fire Fighter Combination Drill (FFCD)
			Anugerah Prade Comander Terbaik
9	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Sempena Sambutan Hari Inovasi JBPM 2018	Kumpulan Pearl Fire JBPM Pulau Pinang	Johan KIK Kategori Hybrid
		Kumpulan Evoque JBPM Pulau Pinang	Persembahan Terbaik KIK Kategori Hybrid
10	National Team Excellent (NTEX) Dalam Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2018	Kumpulan Evoque JBPM Pulau Pinang	Penarafan 4 Bintang
11	Mini Team Excellence (MTEX) Convention	Kumpulan Evoque JBPM Pulau Pinang	Anugerah Emas
12	Regional Team Excellence (RTEX) Convention	Kumpulan Evoque	Anugerah Emas
13	Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)	Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sarawak	Sijil Pengiktirafan Amalan Persekitaran Berkualiti QE 5S (Pengiktirafan 3 bintang)
		Kumpulan TAITON, Kumpulan Tabai dan Kumpulan Tringgus, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sarawak	Lean Management (Silver)
14	Annual Productivity and Innovation Conference And Exposition (APIC) 2018 (MPC)	Kumpulan Tringgus, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sarawak	Anugerah 4 Bintang
15	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Sempena Sambutan Hari Inovasi JBPM 2018	JBPM Labuan	Penarafan 4 Bintang Bahagian Cemerlang
		JBPM Labuan	Naib Johan (Pidato)
16	Sambutan Hari Inovasi KPKT 2018	Setia 4	Johan Pertandingan Inovasi KPKT
17	National SMATHEN CARNIVAL	JBPM Labuan	Penghargaan Daripada Kementerian Pelajaran Malaysia
18	Perkemahan Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia Peringkat Kebangsaan Tahun 2018	JBPM Labuan	Naib Johan Aspec Challenge (P)
			Tempat Ketiga Aspec Challenge (L)
			Tempat Ketiga BBC
			Naib Johan Ikatan Campuran
19	Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)	BERLIAN ABPM Wilayah Utara	Anugerah Emas
			Anugerah Emas (3 Bintang)
			Certificate of Accomplishment

ii. Pencapaian Peringkat Kerajaan Negeri

BIL	KATEGORI	KUMPULAN	PENGIKTIRAFAN / ANUGERAH
1	Perarakan Maulidur Rasul	ABPM Sabah dan JBPM Sabah	Naib Johan
2	Perbarisan Maulidur Rasul 2018	JBPM Labuan	Tempat Ketiga
3	Anugerah Tokoh Maulidur Rasul Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan		Tokoh Maulidur Rasul
4	Konvensyen Mini Team Excellence Wilayah Pantai Timur 2018	Kumpulan Matahari	Anugerah Emas
5	Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2018	JBPM Pulau Pinang	Kontingen Terbaik
6	Konvensyen Mini Team Excellence Peringkat Wilayah Sarawak 2018	Kumpulan Tringgus, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sarawak	Anugerah Emas
7	Konvensyen Team Excellence Wilayah Sarawak dan Sabah 2018		Anugerah Emas



PROGRAM BAHAGIAN-BAHAGIAN

Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat

Bahagian Keselamatan Kebakaran

Bahagian Penyiasatan Kebakaran

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

Bahagian Pembangunan

Bahagian Latihan

Bahagian Udara

Bahagian Pengurusan Korporat

Bahagian Kejuruteraan Jentera

Unit Integriti

Unit Pengesanan

Cawangan Teknologi Maklumat

PROGRAM BAHAGIAN OPERASI KEBOMBAAN DAN PENYELAMAT

Visi

Untuk memastikan perkhidmatan operasi yang cekap, berkesan dan sistematik bagi melindungi nyawa dan kesusnahan harta benda mengikut peruntukan undang-undang.

Misi

Kami komited di dalam merangka, menyusun dan melaksanakan strategi untuk memberikan khidmat operasi kebomgaan yang berkualiti bagi melindungi nyawa, harta benda dan alam sekitar.

Objektif

Untuk memastikan khidmat operasi kebomgaan dan penyelamatan yang profesional dan berkualiti bagi mengelakkan ancaman kepada nyawa dan membendung kesusnahan harta benda mengikut peruntukan undang-undang.

Piagam Pelanggan

Komitmen kami adalah untuk memberi perkhidmatan kebomgaan dan penyelamatan kepada semua lapisan masyarakat dengan cekap dan berkesan.

Dengan itu kami berjanji akan :

- Mengeluarkan jentera bomba pertama ke tempat kecemasan dalam tempoh 60 saat dari mula loceng dibunyikan.
- Menyiapkan laporan kebakaran dalam tempoh empat belas (14) hari selepas menerima semua maklumat dan dokumen yang diperlukan dari pemohon.
- Kami juga berjanji akan sentiasa berusaha mempertingkatkan kemampuan agar dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang setiap masa.

Fungsi

1. Seksyen Pengurusan Operasi

- o Mengurus pelaksanaan pengurusan operasi besar dan bencana.
- o Memantau pelaksanaan pengurusan operasi kecil.
- o Membuat dasar dan Standard Operating Procedure (SOP) / Arahan Tetap Jabatan (ATJ) operasi kebomgaan dan memantau keberkesanan pelaksanaannya.
- o Menganalisa dan mengkaji keberkesanan pengurusan operasi, pengurusan logistik operasi dan persediaan.
- o Mengawalselia pengurusan Pusat Pengurusan Operasi (PPO)/ Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan.
- o Mengawalselia pengurusan Pasukan Penyelamat

Seksyen Pengurusan Operasi merangkumi 3 cawangan utama :

- Cawangan Pengurusan Operasi Kebommbaan
- Cawangan Pusat Pengurusan Operasi (PPO)
- Cawangan Pengurusan Pasukan Penyelamat

i) Cawangan Pengurusan Operasi Kebommbaan

- Menyediakan dasar dan Standard Operating Procedure (SOP) berkaitan :
 - o Kajian Kawasan dan Analisa Strategi
 - o Rancangan Pra-Kebakaran dan Pra-Bencana
 - o Piawaian dan Kawalan Keberkesanan Operasi
 - o Fire Drill
- Menyediakan dasar dan Standard Operating Procedure (SOP) sesuatu operasi pemadaman kebakaran dan penyelamatan
- Memantau pelaksanaan dasar dan SOP tersebut
- Mengkaji perundangan berkaitan dengan operasi pemadaman kebakaran dan penyelamatan
- Analisa keberkesanan taktik-taktik persediaan kebakaran kecekapan operasi.

ii) Cawangan Pusat Pengurusan Operasi (PPO)

- Menyediakan dasar pelaksanaan Pusat Gerakan Operasi JBPM.
- Menerima kejadian kebakaran dan penyelamatan daripada bilik PPO/PGO.
- Membuat kawalselia operasi.
- Menyediakan maklumat dan khidmat kepakaran kepada Komander Operasi.
- Menyediakan rekod dan maklumat mengenai kejadian.
- Pemantauan operasi.
- Mengadakan Arahan dan Kawalan (*Command & Control*) berkaitan operasi sesuatu kejadian.
- Menentukan dan memaklumkan moncut merah dalam semua kejadian.
- Memaklumkan moncut merah kepada pegawai terkanan / Ketua Pengarah.

iii) Cawangan Pengurusan Pasukan Penyelamat

- Mengurus pasukan-pasukan khas jabatan;
 - o HAZMAT
 - o PPDA - Penyelamatan di air
 - o RIM – Rapid Intervention Motorcycle
 - o EMRS – Emergency Medical Rescue Services
 - o STORM
 - o MUST TEAM
- Menyediakan dasar dan Standard Operating Procedure (SOP) pasukan khas.
- Mengkaji keberkesanan dan kepakaran pegawai dan pasukan khas.
- Mengkaji taktik-taktik operasi pasukan khas yang terkini dan berkesan.
- Mengkaji keperluan peralatan yang berteknologi tinggi bagi memastikan kecekapan dan kepakaran operasi.

2. Cawangan Pengurusan Balai

- o Pengurusan personel di balai
- o Mengkaji dan membuat pemantauan keberkesanan balai memberi perkhidmatan kebommbaan.
- o Pengurusan kerja harian.
- o Program latihan kecekapan operasi di balai.
- o Kawad kemahiran.
- o Pemeriksaan dan penyelenggaraan kenderaan dan peralatan serta personal gear pegawai.
- o Kebersihan dan keselesaan balai.
- o Penyediaan Polisi Keselamatan dan Kesihatan (*Safety and Health Policy*) pegawai di tempat kerja.

3. Cawangan Tugas-Tugas Khas

- o Menyediakan dasar pelaksanaan tugas khas.
- o Menguruskan pelaksanaan tugas.
- o Menyediakan panduan pelaksanaan.
- o Membuat pemantauan pelaksanaan tugas khas.

4. Cawangan Pengurusan Sumber Air

- o Merancang pemasangan baru mengikut keperluan.
- o Mengkaji sumber air yang sesuai untuk pemadaman.
- o Menyediakan dasar dan perundangan berkaitan sumber air.
- o Menyediakan prosedur / standard pemeriksaan dan pengujian pili bomba.
- o Menyediakan prosedur / standard penyelenggaraan pili bomba.
- o Menyemak rekod pili bomba.
- o Memantau pengurusan sumber air.

5. Cawangan Pengurusan Bomba Sukarela / Bantuan

- o Menyediakan dasar pelaksanaan bomba sukarela / bantuan.
- o Permohonan pegawai bomba sukarela dan bomba bantuan.
- o Permohonan penubuhan Pasukan Bomba Sukarela, Pasukan Bomba Bantuan dan Pasukan Bomba Persendirian.
- o Menguruskan keperluan peralatan kelengkapan pasukan.
- o Membuat pemantauan dan lawatan ke pasukan tersebut.
- o Merancang program menggalakkan penyertaan orang awam.
- o Membuat penilaian kecekapan pegawai dan anggota pasukan.

6. Unit Pengesan

- o Menyediakan dasar dan panduan pelaksanaan operasi pengesan.
- o Menjalankan siasatan punca bahan-bahan petroleum dan mengumpul sampel bahan bukti bagi kebakaran.
- o Mencari dan menyelamatkan mangsa terperangkap di bangunan runtuh, runtuh struktur dalam tanah dan tanah runtuh, yang telah mati di air atau di darat, yang hilang di dalam hutan, di kawasan tanah tinggi dan lain-lain.
- o Melatih anjing dan pegawai mengikut disiplin dan kepakaran.
- o Menilai, mengkaji dan menganalisa keberkesanan keupayaan prestasi anjing dan pemegangnya.

CAWANGAN PUSAT PENGURUSAN OPERASI

1.0 LATAR BELAKANG / TUJUAN

Pusat Pengurusan Operasi (PPO) diwujudkan dan berperanan untuk menguruskan sesuatu insiden kecemasan yang dilaporkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). PPO merupakan nadi JBPM yang menerima panggilan kecemasan, kemudian mengarahkan keluaran pasukan tindakan kecemasan dan seterusnya menyediakan maklumat serta bantuan tindakan kecemasan.

PPO berperanan untuk menjadi pusat rujukan terhadap semua jenis insiden yang memerlukan khidmat maklumat dan kepakaran seperti maklumat kimia dan bahan bahaya (chemdata), bantuan nasihat pakar (Hazmat) dan maklumat sumber data. Selain itu, PPO berperanan untuk memberi khidmat nasihat taktikal dalam operasi kebombaian dan penyelamat serta melaksanakan perintah dan kawalan (*command and control*). Semasa operasi besar/bencana/isu sensitif, PPO berperanan untuk menjadi *command post* dan menggerakkan bantuan jika diperlukan.

Selain itu, PPO juga akan menyelaras dan menyelia sistem komunikasi jabatan iaitu di Pusat Gerakan Operasi (PGO) dan bilik kawalan di setiap Balai Bomba dan Penyelamat.

2.0 AKTIVITI DAN PROGRAM TAHUN 2018

CAWANGAN TUGAS-TUGAS KHAS

- i. Mesyuarat Penolong-Penolong Pengarah Bahagian (PPON) Bil. 1/2018 19-20/2/2018 di Melaka
- ii. Mesyuarat Penolong-Penolong Pengarah Bahagian (PPON) Bil. 2/2018 12-15/8/2018 di Perak
- iii. Mesyuarat Penolong-Penolong Pengarah Bahagian (PPON) Bil. 3/2018 26-29/11/2018 di Putrajaya

CAWANGAN PENGURUSAN BALAI

- I. Program Pemantapan Ketua Balai/Zon Tengah = 25 – 29 Jun 2018
- ii. Program Pemantapan Ketua Balai/Zon Sabah = 23 – 28 September 2018

CAWANGAN PUSAT PENGURUSAN OPERASI

- I. MOT Mers999 = 16 – 20 April 2018
- ii. Professional Emergency Dispatcher Mers999 = 2 – 6 Julai 2018
- iii. Supervisor MERS 999 = 23 – 27 Julai 2018
- iv. Supervisor MERS 999 = 6 – 10 Ogos 2018

CAWANGAN PENGURUSAN BOMBA SUKARELA/ BANTUAN

- I. Mesyuarat Penyelarasan Cawangan PBS/PBB Bil 2/2018 = 4 – 6 Mei 2018
- ii. Mesyuarat Penubuhan Mosar Gunung Tahan dan Gunung Stong – 23 Julai 2018
- iii. Konvensyen PBS di Selangor = September 2018

CAWANGAN PENGURUSAN SUMBER AIR

- i. Mesyuarat “Master of Trainer” Sistem Pengurusan Pili Bomba (SPPB) Siri 1/2018 = 5 – 26 April 2018

CAWANGAN PENGURUSAN PASUKAN PENYELAMAT / K9

- I. EMRS = 2 Kursus EMRS (Julai 2018)
- ii. PPDA = Pemeriksaan Kesihatan Anggota PPDA (Julai 2018)
= Pengembangan Pasukan Khas PPDA Tahun 2018 di BBP Jerneh (JBPM Terengganu)
- iii. HAZMAT = Kursus Pentauliah Hazmat (Julai 2018)
- iv. Storm = Ujian Kemahiran Anggota (Julai 2018)
- v. = Konvensyen Pasukan Khas di ABPM Wilayah Tengah (1 – 2 Oktober 2018)
- vi. EMRS = 10 Kursus EMRS (Disember 2018)
- vii. PPDA = 2 Siri Pemeriksaan Kesihatan Anggota PPDA (Ogos & November 2018)
= Pengembangan Pasukan Khas PPDA Tahun 2018 di BBP Selayang (JBPM Selangor) & BBP Seri Jempol (JBPM N. Sembilan)
- viii. HAZMAT = 2 Kursus (Sehingga Bulan Disember 2018)
= Pengembangan Pasukan Khas HAZMAT akan dilaksanakan setelah balai siap dibina iaitu BBP Sungai Rengit (JBPM Johor)
- ix. RIM = 1 Siri Kursus Kemahiran Pemanduan RIM (September 2018)

CAWANGAN PENGURUSAN OPERASI KEBOMBAAN

- I. Mesyuarat Bomba Bersama Agensi = 6 – 7 November 2018
- ii. EX-STORM Kenyalang = 12 – 14 Oktober 2018

PROGRAM BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN

OBJEKTIF

Untuk menetapkan dasar keselamatan kebakaran dan memastikan pelaksanaannya mengikut undang-undang yang berkaitan melalui:

- Menguatkuasakan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 di bawah peruntukan perakuan bomba dan penghapusan bahaya kebakaran.
- Mengemaskini peraturan-peraturan dan arahan-arahan Bahagian Keselamatan Kebakaran berhubung perakuan bomba, penghapusan bahaya kebakaran, perakuan bangunan dan perakuan pelesenan supaya menjadi lebih relevan dengan keperluan semasa.
- Memastikan keperluan perlindungan sistem pasif dan aktif di semua premis menepati kehendak-kehendak di dalam peruntukan undang-undang dan kod amalan semasa.
- Menggubal keperluan peraturan dan piawaian dengan kerjasama agensi penyelidikan dalam negara berkaitan penggunaan bahan-bahan dan sistem pemasangan keselamatan kebakaran.
- Menilai dan memastikan pemasangan keselamatan kebakaran menepati peraturan-peraturan dan piawaian semasa.
- Membudayakan kesedaran keselamatan kebakaran kepada semua lapisan masyarakat melalui kempen yang relevan mengikut kumpulan sasaran.

FUNGSI

Fungsi Bahagian Keselamatan Kebakaran menerusi cawangan-cawangan yang ada di bawah Bahagian Keselamatan Kebakaran

1. Cawangan Perakuan Keselamatan Kebakaran

- Mengkaji aspek perundangan berkaitan dengan keperluan Pemasangan Keselamatan Kebakaran (PKK).
- Menyediakan dasar, arahan dan panduan pelaksanaan pengeluaran perakuan keselamatan kebakaran.
- Mengkaji dasar dan keperluan pelaksanaan penggunaan Performance Based atau Fire Safety Engineering Approach.
- Menyediakan panduan pemeriksaan dan pengujian PKK.
- Mengkaji penggunaan PKK yang terkini.
- Mengkaji aspek teknologi keselamatan kebakaran yang terkini dan berkesan.
- Memantau pelaksanaan pengeluaran perakuan keselamatan.

2. Cawangan Perakuan Pelesenan Bangunan

- Menyediakan dasar, arahan dan panduan pelaksanaan pengeluaran perakuan pelesenan.
- Mengkaji keperluan perundangan berkaitan dengan penggunaan bangunan atau premis yang selamat.
- Memantau pelaksanaan pengeluaran perakuan pelesenan bangunan.

3. Cawangan Penghapusan Bahaya Kebakaran

- Menyediakan dasar dan arahan berkaitan dengan pelaksanaan penghapusan bahaya kebakaran.
- Menyediakan pelan strategik penghapusan bahaya kebakaran tahunan dan 5 tahun.
- Mengkaji keperluan perundangan dalam melaksanakan penghapusan bahaya kebakaran.
- Menyediakan panduan pemeriksaan ke atas premis atau bangunan.
- Mengkaji keberkesanan penghapusan bahaya kebakaran dalam mengurangkan bilangan kebakaran.
- Memantau pelaksanaan penghapusan bahaya kebakaran.

4. Cawangan Perakuan Bomba

- Menyediakan dasar dan arahan berkaitan dengan pelaksanaan perakuan bomba.
- Menyediakan pelan strategik perakuan bomba tahunan dan 5 tahun.
- Mengkaji keperluan perundangan dalam melaksanakan perakuan bomba.
- Menyediakan panduan pemeriksaan ke atas premis atau bangunan.
- Mengkaji keberkesanan perakuan bomba dalam mengurangkan bilangan kebakaran.
- Memantau pelaksanaan perakuan bomba.

5. Cawangan Pendaftaran Keselamatan Kebakaran

- Memproses setiap permohonan pendaftaran.
 - o Kontraktor Keselamatan Kebakaran.
 - o Fire Inspection.
 - o Kemudahan Keselamatan Kebakaran
 - o Fire Safety Engineer.
 - o Fire Safety Manager
 - o Fire Safety Officer
- Mengeluarkan senarai pendaftaran.
- Mengkaji keperluan peralatan Pemasangan Keselamatan Kebakaran (PKK).
- Mengkaji keberkesanan peralatan untuk menguji dan memeriksa PKK.

6. Cawangan Program Kesedaran Keselamatan Kebakaran

- Menyediakan dasar dan pelan strategik keselamatan negara tahunan dan 5 tahun.
- Mengumpul dan menganalisis maklumat keperluan latihan.
- Menentukan keperluan latihan jabatan kepada orang awam.
- Merangka dan melaksanakan program kesedaran awam.
- Memantau pelaksanaan program kesedaran keselamatan awam.

7. Cawangan Piawaian Keselamatan Kebakaran

- Mengkaji keperluan sesuatu kemudahan Pemasangan Keselamatan Kebakaran.
- Mengemukakan kepada SIRIM keperluan penggubalan sesuatu piawaian.
- Mengurus penggubalan dan penggunaan standard.
- Membuat pemantauan penggunaan dan pematuhan standard di tapak pembinaan.
- Mengkaji dan menilai keberkesanan sesuatu peralatan di makmal penyelidikan.

PIAGAM PELANGGAN

Komitmen kami adalah untuk memastikan semua premis terhindar dari risiko kebakaran. Dengan itu kami berjanji akan:

- Mengeluarkan perakuan pelan teknikal dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh permohonan yang lengkap.
- Mengeluarkan surat pelepasan/sokongan menduduki bangunan (CCC/CFO) dalam tempoh lima (5) hari dari tarikh pemeriksaan dengan syarat semua pemasangan keselamatan kebakaran telah diuji baik dan disempurnakan.
- Memproses permohonan sokongan lesen perniagaan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh permohonan yang lengkap.
- Mengeluarkan Sijil Perakuan Bomba dalam tempoh lima (5) hari dari tarikh pembayaran fi dibuat.
- Memproses permohonan Sijil Perakuan Bahan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh permohonan yang lengkap.

PROGRAM DAN AKTIVITI TAHUNAN BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN

DASAR KOMUNITI NEGARA

Dasar Komuniti Negara merupakan dasar untuk membudaya komuniti setempat supaya terlibat secara aktif dalam usaha penyenggaraan dan pengurusan harta awam dan harta bersama serta membangunkan komuniti secara inklusif bagi mencapai kesejahteraan hidup dan pembangunan mampan. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia turut memainkan peranan penting terutamanya dari segi aspek keselamatan kebakaran secara keseluruhannya.



Demo pemadaman kebakaran api dapur sempena Program Komuniti Negara 2018



Pameran Kebombaan sempena Hari Keselamatan bersama agensi luar

PROGRAM MAJLIS KESELAMATAN AKTIVITI AIR (MCAA)

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MCAA) telah menganjurkan Kempen Kesedaran Keselamatan Aktiviti Air Peringkat Negeri Terengganu di Pulau Warisan, Kuala Terengganu pada 29 September 2018 yang lalu. Perasmian kempen ini telah disempurnakan oleh YBM Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah Ibni Raja Ahmad Baharuddin Shah, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.



Pelancaran Kempen Kesedaran Keselamatan Aktiviti Di Air Peringkat Kebangsaan di Terengganu

KELAB KESELAMATAN KEBAKARAN KANAK-KANAK (KELAB 3K)

Pada tahun 2018, jabatan telah melipat gandakan usaha menubuhkan Pasukan Kelab 3K. Ini adalah mewujudkan budaya kesedaran keselamatan awam di peringkat awal terutamanya kanak-kanak. Sebanyak 9,384 pasukan 3K telah ditubuhkan dengan keahlian seramai 183,994 orang. Ahli Kelab 3K ini terdiri daripada kanak-kanak pra-sekolah (tadika/taska) dan telah mengikuti ceramah serta aktiviti latihan "Berhenti, Rebah dan Guling (*Stop, Drop and Roll*)" dan lain-lain asas penyelamatan.



Antara aktiviti-aktiviti Kelab Keselamatan Kebakaran Kanak-Kanak (Kelab 3K)

PASUKAN TINDAKAN KECEMASAN (ERT)

Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) pada tahun 2018 adalah sebanyak 2,621 pasukan dengan keahlian seramai 59,484 orang. Pasukan ini perlu ditubuhkan di setiap bangunan yang diduduki supaya setiap kali berlaku kebakaran atau kecemasan, mereka akan membantu semasa proses pengungsian bangunan. Pasukan ini akan dilatih oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dalam menghadapi sebarang kebakaran atau kecemasan. Di antara aktiviti atau latihan yang dilaksanakan kepada pasukan di antaranya adalah latihan pengungsian, penggunaan Alat Pemadam Api dan tindakan awal kecemasan seperti Cordio Pulmonary Resuscitation (CPR).



Pelaksanaan latihan Pasukan ERT bersama JBPM

MESYUARAT PENOLONG-PENOLONG PENGARAH BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN JBPM

Mesyuarat Penolong-Penolong Pengarah Negeri Bahagian Keselamatan Kebakaran JBPM telah diadakan di Terengganu dan disempurnakan oleh YAS Dato' Soiman Bin Jahid, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi). Mesyuarat diadakan bertujuan untuk membincangkan isu-isu Bahagian Keselamatan Kebakaran negeri. Selain itu, mesyuarat turut menjadi medan penyampaian maklumat atau arahan semasa jabatan kepada negeri-negeri.

Mesyuarat Penolong-Penolong Pengarah Negeri Bahagian Keselamatan Kebakaran



KURSUS DAN BENGKEL ANJURAN BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN

Bagi tujuan pemantapan kompetensi pegawai-pegawai Bahagian Keselamatan Kebakaran JBPM, bengkel Pembangunan Latihan Pemeriksaan Subject Matter Expert (SME) telah dilaksanakan bagi melahirkan SME di kalangan pegawai-pegawai bahagian ini.

Bengkel Pembangunan Latihan Pemeriksaan Subject Matter Expert (SME)

PROGRAM BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN

PIAGAM PELANGGAN

Komitmen kami adalah untuk memastikan semua penyiasatan kebakaran dan penyediaan kertas siasatan pelanggaran kesalahan di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan.

Dengan itu kami berjanji akan:

- Melengkapkan kertas penyiasatan kebakaran dalam tempoh empat belas (14) hari selepas penyiasatan kebakaran dimulakan.
- Menyiapkan kertas siasatan pelanggaran kesalahan berdasarkan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh aduan diterima.

FUNGSI

1. Cawangan Penyiasatan Kebakaran

- Menyediakan dasar dan Perintah Tetap Ketua Pengarah berkaitan pelaksanaan penyiasatan kebakaran.
- Menyediakan Perintah Tetap Ketua Pengarah berkaitan dengan pengambil milik premis dan harta benda di bawah seksyen 46 Akta Perkhidmatan Bomba 1988.
- Menyediakan prosedur pengumpulan sampel dan data-data sebagai bahan-bahan bukti.
- Menyediakan prosedur soal-siasat saksi berdasarkan seksyen 42 dan 43 Akta Perkhidmatan Bomba 1988.
- Mengkaji teknik-teknik sains forensik dalam penyiasatan kebakaran.
- Mengkaji keperluan perundangan untuk melaksanakan penyiasatan.
- Menjalankan penyiasatan kebakaran bagi kes besar dan mempunyai kepentingan negara serta yang melibatkan bangunan kerajaan.
- Menjadi saksi pakar di mahkamah.
- Menyediakan panduan dan prosedur penganalisan sampel di makmal.
- Menganalisa hasil-hasil siasatan untuk dijadikan dasar dan prosedur bagi sesuatu industri dan JBPM.

2. Cawangan Pendakwaan Kebombaan

- Menyediakan dasar dan Perintah Tetap Ketua Pengarah pendakwaan yang berkesan.
- Mengkaji keperluan perundangan dalam pendakwaan.
- Menjalankan penyiasatan bagi kes pelanggaran Akta menurut kuasa di bawah seksyen 38, 39, 41, 42 dan 43 Akta Perkhidmatan Bomba 1988.
- Menjalankan pendakwaan kes di mahkamah.
- Menjalankan pengkompaunan kesalahan.
- Penerbitan Jurnal Kes Pendakwaan.

3. Cawangan Perundangan Kebombaan

- Membuat kajian keperluan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan undang-undang subsidiari.
- Menyemak dan menyediakan draf pindaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.
- Menyemak dan menyediakan draf peraturan-peraturan yang berkaitan dengan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.
- Memberi khidmat nasihat dari segi perundangan berkaitan Akta dan undang-undang subsidiari di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

PROGRAM BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN

Majlis Perhimpunan Bulanan Bagi Tahun 2018

Majlis Perhimpunan Bulanan peringkat Ibu Pejabat JBPM bagi bulan Disember telah dianjurkan oleh Bahagian Penyiasatan Kebakaran pada 12 Disember 2018 di Dewan Sutera Ibu Pejabat JBPM Putrajaya. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAS Dato' Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid, Ketua Pengarah JBPM.



Pada perhimpunan tersebut, telah diadakan Majlis Pemakaian Tanda Pangkat bagi pegawai-pegawai kanan jabatan yang telah dinaikkan pangkat ke Gred KB52 dan KB48. Selain itu, turut disampaikan Sijil Penghargaan Bagi Bahagian Penyiasatan Kebakaran Terbaik 2018, Pegawai Penyiasatan Kebakaran Terbaik, Pegawai Pendakwaan Terbaik dan Pegawai Makmal Penyiasatan Kebakaran Terbaik. Tidak lupa juga, diadakan satu majlis penghargaan kepada pegawai-pegawai yang telah mengharumkan nama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di Singapore Civil Defence Force (SCDF) Ready Week 2018.



Pada majlis tersebut juga, Bahagian Penyiasatan Kebakaran telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Lahir bagi pegawai-pegawai kanan Ibu Pejabat yang lahir pada bulan Disember.



Mesyuarat Penolong-Penolong Pengarah Negeri Bahagian Penyiasatan Kebakaran dan Pegawai Makmal

Mesyuarat Penolong-Penolong Pengarah Negeri Bahagian Penyiasatan Kebakaran dan Pegawai Makmal Bilangan 2018 telah diadakan pada 26 hingga 28 November 2018 di Ming Garden Hotel, Sabah. Mesyuarat ini telah membincangkan pelbagai perkara berkaitan penyiasatan serta menetapkan langkah-langkah yang perlu diambil dalam merealisasikan peranan Penyiasatan Kebakaran. Ini penting agar apa yang dirancang dan ditetapkan di peringkat Ibu Pejabat dapat disampaikan kepada semua Penolong-Penolong Pengarah Negeri. YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) telah menyampaikan amanat kepada semua Penolong-Penolong Pengarah Negeri Bahagian Penyiasatan Kebakaran dan Pegawai Makmal serta merasmikan mesyuarat tersebut.

Dalam mesyuarat tersebut, beberapa perkara telah dibincangkan termasuk pencapaian bagi tahun 2018 dan perancangan Bahagian Penyiasatan Kebakaran bagi Tahun 2019.



Nota Kerjasama (NoU) Antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)

Pada 26 Januari 2018 telah diadakan satu majlis menandatangani Nota Kerjasama (NoU) antara PDRM dengan JBPM di Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur. Nota kerjasama tersebut telah ditandatangani oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun dan Ketua Pengarah JBPM, Dato' Sri Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim dengan disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Menerusi Nota Kerjasama tersebut, siasatan kes kebakaran yang sebelum ini dilaksanakan oleh PDRM diserahkan sepenuhnya kepada JBPM. Sekiranya hasil siasatan oleh JBPM mendapati kejadian kebakaran mempunyai unsur jenayah, JBPM akan melaporkan dan menyerahkan laporan siasatan kepada PDRM untuk menjalankan siasatan selanjutnya.



Kursus Forensik Kebakaran di Luar Negara

Untuk menjadi seorang yang pakar dalam aspek penyiasatan kebakaran, modal insan perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang luas. Pada 20 hingga 25 Mei 2018, jabatan telah menghantar dua orang pegawai kanan Bahagian Penyiasatan Kebakaran ke International Association of Arson Investigators (IAAI) 2018, International Training Conference di Frisco, Texas Amerika Syarikat. Kursus ini banyak memberi pendedahan berkaitan penemuan research dan kaedah-kaedah penyiasatan yang terbaru berdasarkan ilmu forensik terkini yang digunakan di dalam forensik kebakaran antarabangsa.

Selain itu, dua orang pegawai kanan lagi telah dihantar menghadiri Kursus Arson Investigation yang dianjurkan oleh Bureau of Alcohol, Tobacco, Firearms and Explosives (ATF) di International Law Enforcement Academy (ILEA), Bangkok, Thailand.

Kursus ini merupakan kursus yang telah dikhususkan kepada pegawai-pegawai penguatkuasa peringkat pertengahan, pegawai-pegawai penyiasat dan pegawai-pegawai yang lain. Kursus ini memfokuskan kepada topik-topik yang penting kepada pegawai penyiasat seperti *fire dynamic*, *fire scene investigation*, *building construction* dan *safety and health*.



ARSON INVESTIGATIVE TECHNIQUES PROGRAM: SESSION 11
between October 8 - 19, 2018
by Bureau of Alcohol, Tobacco, Firearms and Explosives (ATF)



Program Naziran ke Bahagian Penyiasatan Kebakaran Negeri-Negeri

Bagi memastikan pegawai-pegawai negeri dapat melaksanakan penyiasatan kebakaran, penyediaan kertas siasatan dan pendakwaan secara berkesan mengikut prosedur yang ditetapkan, Bahagian Penyiasatan Kebakaran telah mengadakan naziran ke negeri-negeri. Langkah yang telah diambil itu telah dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti penyiasatan kebakaran yang dijalankan.

Kesempatan ini turut memberi peluang kepada pegawai-pegawai di negeri untuk berkongsi pendapat dengan pegawai-pegawai kanan di Ibu Pejabat dalam pelbagai perkara berkaitan tugas yang dijalankan.



Kursus Sains Forensik kepada Pelajar Universiti Sains Malaysia

Bahagian Penyiasatan Kebakaran melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah dimeterai dengan Universiti Sains Malaysia meneruskan kerjasama dalam bidang forensik. Kepakaran pegawai dari bahagian Penyiasatan Kebakaran telah dimanfaatkan dengan menjadi tenaga pengajar bagi subjek forensik kebakaran kepada universiti tersebut.

Kursus Sains Forensik kepada pelajar Universiti Sains Malaysia telah diadakan pada 2 hingga 6 Disember 2018 di ABPM Wilayah Tengah, Kuala Kubu Bharu. Sekali lagi pegawai dari Bahagian Penyiasatan Kebakaran telah dijemput menjadi tenaga pengajar. Sesi simulasi kebakaran juga turut diadakan kepada pelajar yang merupakan sebahagian dari silibus kursus tersebut.



Pertandingan Pidato Sempena Sambutan Hari Inovasi JBPM 2018

Bahagian Penyiasatan Kebakaran telah dilantik untuk menjadi jurusai bagi pertandingan pidato sempena Sambutan Hari Inovasi JBPM 2018. Terdapat dua jenis kategori yang dipertandingkan iaitu:

- i. Pegawai Kanan Bomba Gred KB29 – KB48
- ii. Pegawai Bomba Gred KB19 – KB26

Pertandingan ini telah diadakan pada 27 dan 28 Oktober 2018 di Ixora Hotel, Seberang Perai, Pulau Pinang. Pertandingan ini telah diadili oleh dua orang Pegawai Kanan Bomba dari Ibu Pejabat dan seorang juri jemputan. Bagi kategori Pegawai Kanan Bomba Gred KB29 – KB48, PgB Arief Fikry bin Yusof dari JBPM Negeri Selangor telah dinobatkan sebagai Juara, PgB Mohd Wildan bin Azhari dari JBPM Labuan sebagai Naib Juara dan PPgB Mohd Nazrullah bin Abdul Aziz di Tempat Ketiga. Bagi Kategori Pegawai Bomba Gred KB19 – KB26 pula, PBK II Hasnan bin Basir dari JBPM Negeri Pahang telah dinobatkan sebagai Juara, PB Fauzi bin Jamikah dari JBPM Negeri Sabah sebagai Naib Juara manakala PBK I Selamat bin Mohd Razak dari JBPM Kuala Lumpur di Tempat Ketiga.



Penyiasatan Kebakaran Bagi Kes Kebakaran Besar (Major Fire)

Kebakaran Rumah Kediaman Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Cradle Fund Sdn. Bhd. di Mutiara Homes, Damansara, Petaling Jaya.

Kredibiliti Pegawai Penyiasatan Kebakaran JBPM telah diuji dengan kejadian kebakaran rumah kediaman di Mutiara Homes, Damansara, Petaling Jaya yang mengorbankan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Cradle Fund Sdn. Bhd, Nazri Hassan. Kejadian ini didapati berlaku pada 14 Jun 2018 jam 12.30 tengahari, ketika mangsa berada di dalam bilik tidur utama di tingkat atas. Kebakaran ini telah disiasat oleh pasukan penyiasatan kebakaran daripada Ibu Pejabat, yang diketuai oleh YS TPJB Edwin Galan Teruki dan pegawai-pegawai penyiasatan kebakaran dari JBPM Negeri Selangor.

Laporan penyiasatan kebakaran bagi kes ini telah diserahkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia untuk siasatan lanjut kerana kes ini merupakan kes sengaja dibakar.



Kebakaran Bangunan KWSP, Jalan Gasing, 46598 Petaling Jaya, Selangor.

Pada 13 Februari 2018 telah berlaku kejadian kebakaran Bangunan KWSP beralamat di Jalan Gasing, 46598 Petaling Jaya, Selangor. Pasukan Penyiasatan Kebakaran bagi kes kebakaran yang berprofil tinggi ini telah diketuai oleh YS TPjB Edwin Galan teruki dan pegawai-pegawai penyiasatan kebakaran dari Ibu Pejabat dan JBPM Negeri Selangor.



Kebakaran di CityOne Megamall, Kuching, Sarawak

Pada 4 Disember 2018 telah berlaku kejadian kebakaran di CityOne Megamall di Kuching, Sarawak. Kebakaran ini telah mengorbankan tiga (3) nyawa dan dua (2) daripadanya merupakan pekerja kedai makan di CityOne Megamall. Pasukan Penyiasatan Kebakaran bagi kes ini telah diketuai oleh PgKB I Md Gezani bin Md Ghazi dan disertai pegawai-pegawai dari Bahagian Penyiasatan Kebakaran JBPM Negeri Sarawak.



PENCAPAIAN BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN

Bahagian Penyiasatan Kebakaran telah berjaya meningkatkan jumlah penyiasatan kes-kes kebakaran sama ada kebakaran struktur atau pun kebakaran kenderaan. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 9,460 kes kebakaran (kebakaran struktur dan kebakaran kenderaan) telah disiasat oleh pegawai penyiasatan kebakaran di seluruh negara berbanding pada tahun 2017 dengan pertambahan sebanyak 1,401 kes atau 17.38%. Bahagian Penyiasatan Kebakaran juga telah berjaya mencatatkan kadar pengenalpastian punca kebakaran sebanyak 99.8%. Pengalaman dan ilmu pengetahuan yang luas dalam bidang penyiasatan kebakaran telah membantu dan memberi impak positif kepada jabatan dalam usaha mengurangkan bilangan kes kebakaran yang tidak dapat dipastikan puncanya.

Dalam pelaksanaan kes pendakwaan di mahkamah, sebanyak 221 kes telah pun didaftarkan di mahkamah sepanjang tahun 2018. Daripada jumlah tersebut sebanyak 212 pertuduhan telah disabitkan kesalahan dengan amaun yang dikutip sebanyak RM371,150. Walaupun amaun yang dikutip bagi pertuduhan yang disabit dengan kesalahan bagi tahun 2018 menunjukkan penurunan jika dibandingkan dengan tahun 2017, namun bilangan kes yang didaftarkan di mahkamah dan pertuduhan disabitkan kesalahan menunjukkan peningkatan. Dalam pelaksanaan aktiviti pengkompaunan kesalahan pula, sebanyak 800 notis tawaran pengkompaunan kesalahan telah dikeluarkan sepanjang tahun 2018. Ini menunjukkan kredibiliti pegawai pendakwaan dalam siasatan kes pelanggaran di bawah Akta 341 telah meningkat.

Bagi menjamin tahap profesionalisme pegawai-pegawai penyiasatan kebakaran, Jabatan telah menghantar pegawai-pegawai berkursus ke International Association of Arson Investigators (IAAI) 2018, International Training Conference di Frisco, Texas Amerika Syarikat dan Kursus Arson Investigation yang dianjurkan oleh Bureau of Alcohol, Tobacco, Firearms and Explosives (ATF) di International Law Enforcement Academy (ILEA), Bangkok, Thailand yang dikendalikan oleh tenaga pakar dari ATF dan NIST. Dua orang pegawai telah dihantar menghadiri kursus-kursus ini bagi memberi pendedahan berguna berkaitan dengan pelaksanaan penyiasatan kebakaran khususnya di rantau Asia Pasifik.

Seterusnya pegawai-pegawai penyiasatan kebakaran juga telah bertindak sebagai saksi-saksi pakar dan telah berjaya memberi keterangan saksi pakar di mahkamah bagi kes-kes civil dan jenayah.

KESIMPULAN

Bahagian Penyiasatan Kebakaran sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran pegawai serta membekalkan mereka dengan peralatan canggih, supaya pegawai penyiasat jabatan ini dapat berdiri sebaris dengan pakar-pakar forensik kebakaran di persada antarabangsa.

Sejajar dengan hasrat jabatan untuk menjadi sebuah organisasi yang berprestasi tinggi, kemahiran pegawai penyiasat ditingkatkan dengan menghantar mereka untuk menghadiri pelbagai aktiviti seperti seminar dan kursus yang diadakan di luar negara.

Selain itu, program kolaborasi atau penyelidikan yang dijalankan bersama institusi pendidikan awam dilihat mampu untuk melahirkan ramai pakar dalam bidang forensik kebakaran di negara ini pada masa akan datang.

Usaha serta langkah proaktif dalam penyiasatan kebakaran yang melibatkan kes-kes kebakaran besar telah memberi impak positif dengan penemuan-penemuan yang boleh dijadikan pengajaran pada pihak yang terlibat.

Pemahaman masyarakat terhadap bahaya kebakaran perlu diberi perhatian terutamanya dalam aspek keselamatan dan pencegahan kebakaran. Masyarakat perlu didedahkan dengan lebih jelas faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kebakaran serta langkah-langkah pencegahan supaya risiko kebakaran dapat dikurangkan.

PROGRAM BAHAGIAN PERANCANGAN & PENYELIDIKAN

Objektif :

Untuk menghasilkan penyelidikan kebombaam yang berkait rapat dengan kelestarian penghidupan

Piagam Pelanggan:

Komitmen kami adalah untuk memastikan pelaksanaan perancangan dan penyelidikan berkaitan aspek kebombaam dilaksanakan secara profesional.

Dengan itu kami berjanji:

- Mengeluarkan hasil penyelidikan dan kajian (Empirikal dan Konsep) dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tamat penyelidikan dan kajian.
- Mengeluarkan hasil analisa keberkesanan produk dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tamat kajian dan analisa.
- Mengeluarkan hasil spesifikasi dan rekomendasi perolehan jabatan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tamat kajian.

Fungsi Bahagian

Kajian Operasi Pemdaman Kebakaran:

- Menganalisa data-data berkaitan dengan kebakaran.
- Kajian dan penyelidikan keberkesanan peralatan dan perkakasan pemadaman kebakaran.
- Penyelidikan mengenai taktik-taktik operasi pemadaman kebakaran yang baru dan berkesan.
- Mengkaji dan membuat penyelidikan spesifikasi teknikal peralatan dan perkakasan baru pemadaman kebakaran.
- Membuat ujian produk dan peralatan pemadaman kebakaran terkini.
- Membuat kajian keberkesanan pemadaman kebakaran untuk risiko kebakaran khas.
- Membuat kajian dan penyelidikan keberkesanan pengendalian bencana yang melibatkan CBRNe (Chemical, Biology, Radiology, Nuclear and Explosion).




Kajian Operasi Penyelamatan:

- Menganalisa data-data berkaitan dengan penyelamatan.
- Kajian dan penyelidikan keberkesanan peralatan dan perkakasan penyelamatan.
- Penyelidikan mengenai taktik-taktik operasi penyelamatan yang baru dan berkesan.
- Mengkaji dan membuat penyelidikan spesifikasi teknikal peralatan dan perkakasan baru penyelamatan.
- Membuat ujian produk dan peralatan penyelamatan terkini.
- Membuat kajian keberkesanan penyelamatan untuk bencana industri dan bencana alam.



Kajian Pemasangan Keselamatan Kebakaran:

- Membuat kajian dan penyelidikan ke atas PKK bangunan.
- Penyelidikan mengenai faktor kemanusiaan dan persekitaran berkaitan keselamatan kebakaran bangunan.
- Melaksanakan ujian keberkesanan & Perakuan PKK bangunan yang terkini / baru.
- Kajian ke atas piawaian / standard / spesifikasi PKK bangunan.
- Membuat cadangan kajian dan penyelidikan untuk digunakan dan dipasarkan di negara.
- Membuat kajian Sains dan Teknologi Keselamatan Kebakaran.
- Menyelaras penyelidikan dan pembangunan industri Keselamatan Kebakaran.
- Kajian Fire Behaviour.
- Kajian *human behaviour*, *fire science* dan persekitaran semasa kebakaran, bencana industri dan alam.
- Mengkaji dan membuat penyelidikan behavioural anggota kecemasan dalam pelaksanaan operasi pemadaman.
- Menjalankan kajian saintifik *fire behaviour* bahan binaan dan kaitannya keselamatan kebakaran bangunan.



PROGRAM DAN AKTIVITI BAHAGIAN

HALON & BANK MALAYSIA (HBM)

Halon

1. Adalah merupakan sebatian kimia yang stabil, bertoksid rendah yang mengandungi unsur klorin, fluorin bromine dan iodine.
2. Terdapat 3 jenis halon 1211(CF₂BrCl), 1301 (CF₃Br) dan 2402 (C₂F₄ Br₂).
3. Di Malaysia hanya terdapat 2 jenis sahaja iaitu 1211 dan 1301. Jenis 1211 biasanya digunakan sebagai alat pemadam api mudah alih. Halon jenis 1301 dan 2402 digunakan untuk pemasangan tetap di bangunan.

STRATEGI KEBANGSAAN PENGHAPUSAN HALON

1. Penubuhan Jawatankuasa Kerja Halon dan Jawatankuasa Pengguna Halon.
2. Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.35)1989 mengawal import CFC dan halon.
3. Arahan Administratif, 1993 oleh JBPM: Melarang Pemasangan Halon Dalam Sistem Pencegahan Kebakaran.
4. Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Halon) 1999.

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

- Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Halon) 1999 - Berkuatkuasa pada 1 Januari 2000.
- Melarang penggunaan halon yang baru pada alat pemadam api dan sistem pemasangan tetap.
- Pemunya peralatan memadam kebakaran halon sediaada perlu memaklumkan kepada pihak berkuasa (JBPM).
- Memaklumkan kepada pihak berkuasa JAS jika berlaku sebarang pelepasan halon.
- Pengecualian bagi gunaan kritikal berdasarkan kepada kriteria pengguna yang ditentukan oleh Halon Task Force Committee.
- Menyerahkan halon kepada BHM setelah sistem sedia ada digantikan dengan alternatif lain.
- Larangan Eksport dan Import halon.
- Menggalakkan Penggunaan alternatif bersesuaian.

SEJARAH PENUBUHAN BANK HALON MALAYSIA (BHM)

- Ditubuhkan bagi menguatkuasakan perjanjian “Konvensyen Protokol Montreal” 1989 di Montreal, Kanada.
- Perjanjian antarabangsa untuk menyekat dan menghalang penggunaan, pelepasan, dan pengeluaran ODS (Ozone Depleting Substances) oleh negara-negara terlibat.
- 01 Mac 2000, JBPM telah mengambil alih tanggungjawab daripada Sukiada Engineering Sdn. Bhd. menguruskan operasi Bank Halon.
- BHM ditempatkan sementara di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah, Selangor.
- 9 November 2013, BHM dipindahkan ke Pusat Perancangan dan Penyelidikan Kebommbaan (PUSPEK).

TUJUAN PENUBUHAN BHM

- Menguruskan pengumpulan halon di Malaysia.
- Mengawal pelepasan halon.
- Merekod secara sistematik bekalan halon melalui pangkalan data.
- Menjamin dan menampung bekalan halon supaya mencukupi untuk negara.
- Bekalan sumber utama halon untuk kegunaan kritikal.
- Menyekat pengeluaran halon keluar dari Malaysia.
- Menggalakkan pemindahan teknologi kepada yang mesra ozon.


TUJUAN PENUBUHAN BHM

- Ujian ketulenan halon.
- Menyediakan tempat simpanan dan pengstoran halon.
- Menjalankan kitar semula halon.
- Merekod penggunaan halon dari seluruh negara.
- Menjalankan program kesedaran terhadap pengguna halon.
- Membekalkan halon kepada pengguna kritikal (Jadual 9 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974).

PENGUMPULAN HALON DARI SELURUH MALAYSIA

- BHM ialah tempat penyimpanan gas halon satu-satunya di Malaysia.
- Pengumpulan halon daripada premis-premis dari seluruh Malaysia.
- Tiada bayaran dikenakan untuk proses pemindahan.
- Kos penghantaran ke PUSPEK ditanggung sendiri oleh pihak pemunya.
- Terletak di Pusat Penyelidikan Kebommbaan (PUSPEK), Lengkok Teknologi, Kawasan Perindustrian Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan di bawah seliaan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JBPM.

CARTA ALIR PROSES PEMINDAHAN GAS HALON KE TABUNG SIMPANAN.



STATISTIK PENERIMAAN HALON 1301 (TAHUN 2000 SEHINGGA 2018)

NO.	AKTIVITI	JUMLAH (KG)
1	Jumlah terkumpul dari 2000 hingga 2018 (Mac)	92,389.00 kg
2	Pemindahan ke tabung 1 tan 2000 hingga 2018 (Mac)	48,946.00 kg
3	Baki belum dipindah ke tabung 1 tan sehingga 2018 (Mac)	43,443.00 kg

STATISTIK PENERIMAAN HALON 1211 (TAHUN 2000 SEHINGGA 2018)

NO.	AKTIVITI	JUMLAH (KG)
1	Jumlah terkumpul dari 2000 hingga 2018 (Mac)	7,144.00 kg
2	Pemindahan ke tabung 1 tan 2000 hingga 2018 (Mac)	5,511.0 kg
3	Baki belum dipindah ke tabung 1 tan sehingga 2018 (Mac)	1,633.00 kg

PENJUALAN HALON KEPADA ESSENTIAL USERS

Penjualan Halon hanya untuk penggunaan perlu (ESSENTIAL USE) di mana perlu mendapat kebenaran daripada Bahagian Pemuliharaan dan Pengurusan Alam Sekitar, Jabatan Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Hanya Syarikat Destini Prima Sdn. Bhd telah diberi kebenaran untuk mendapatkan bekalan halon dari Bank Halon Malaysia.

Hasil penjualan halon dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Bank Halon.

Seminar Halon Zon Utara 15 Mei 2018

Seminar Halon di Hotel Palace Of The Golden Horses, pada (4 April 2018)



Kajian Bersama Pihak Luar

Bersama Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Tajuk kajian

The Moderating Effect of Age Between Work Ability and Individual Work Performance Among Fire Fighters in Malaysia

Objektif kajian

Untuk memahami kesan penyederhanaan (*moderating effect*) usia (**Age**) terhadap hubungan Antara Keupayaan Kerja (**WA**) dengan Prestasi Kerja Individu (**IWP**) dalam kalangan anggota bomba di Malaysia.

Skop kajian

- Kajian hanya melibatkan anggota bomba yang terlibat secara langsung dalam operasi kebakaran dan kecemasan sahaja.
- Berumur di antara 20 –59 tahun dari gred KB19 sahaja.
- Populasi terdiri daripada kalangan anggota yang bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat di Semenanjung Malaysia sahaja.
- Sample dipilih melalui kaedah **stratified random sampling**.
- Data akan diambil dalam tempoh 6 bulan.
- Kajian hanya akan melibatkan pembolehubah seperti berikut sahaja– *WA*, *IWP* dan *Age*.
- Responden bagi sesi temubual hanya melibatkan anggota KB 22 (penyelia)

Pendekatan kajian

- Menggunakan pendekatan *Mixed Method*
 1. Quan - Borang Kaji Selidik
 2. Qual - Sesi Temubual & Pemerhatian semasa IPPT
- Kajian hanya akan melibatkan pembolehubah seperti berikut sahaja– *WA*, *IWP* dan *Age*.
- Responden bagi sesi temubual hanya melibatkan anggota KB 22 (penyelia).

Kajian masih dalam pelaksanaan

PROGRAM BAHAGIAN PEMBANGUNAN

OBJEKTIF BAHAGIAN

- Melaksanakan pembangunan prasarana kebombaian secara bersepadu dan strategik di seluruh negara.
- Mempertingkatkan keupayaan jentera dan peralatan kebombaian mengikut perubahan teknologi terkini.
- Mewujudkan budaya penyelenggaraan yang berterusan dan mampan ke atas bangunan balai, kuarters, bengkel, jentera, peralatan, pili bomba, sistem komunikasi dan sebagainya di seluruh negara.


PIAGAM PELANGGAN

Komitmen kami adalah untuk memastikan pengurusan perancangan pembangunan, perolehan dan pembayaran dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan.

Dengan itu kami berjanji akan:

1. Merancang, memantau dan memastikan pembangunan balai bomba dan lain-lain kemudahan disediakan dalam tempoh 30 bulan selepas diluluskan agensi pusat.
2. Menguruskan bayaran bil kepada pembekal dalam masa 14 hari dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap.
3. Mengesahkan dokumen projek yang diterima daripada pihak perunding/kontraktor dalam tempoh 1 hari.
4. Memantau dan mengemaskini Sistem Pemantauan Projek (SPP II) di bawah Unit Perlaksanaan Projek (ICU), Jabatan Perdana Menteri supaya sentiasa berstatus 100% dikemaskini.

CARTA ORGANISASI



AKTIVITI BAHAGIAN PEMBANGUNAN 2018

- 23/1/2018 - Tindakan penguatkuasaan terhadap pencerobohan tanah di tapak projek Ibu Pejabat JBPM Labuan.

AGENSI-AGENSI TERLIBAT: IP JKPTG, PTGKL, Bahagian Pembangunan JBPM, JBPM Labuan, JKR, PDRM, JUPEM, SESB, SAB, Majlis Perbadanan Labuan.



- 18.04.2018 Banting - Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Teluk Panglima Garang oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.



3. 19/4/18 - Penyerahan Projek Balai Bomba dan Penyelamat Pendang, Kedah.

Tarikh Mula: 25/4/2016
 Tarikh Siap Asal: 22/10/2017
 Tarikh EOT No.1 : 4/1/2018
 Tarikh EOT No.2 : 20/3/2018



4. 17/4/2018 - Majlis Pecah Tanah Projek Balai Bomba dan Penyelamat Kg Gajah, Perak.



5. 24/4/2018 - Budget Screening RMke-11 RP4 2019 di Ibu Pejabat JBPM Putrajaya.



6. 3/5/2018 - Majlis Penyerahan Projek Balai Bomba dan Penyelamat Gemencheh, Negeri Sembilan.

Tarikh Mula : 21/9/15

Tarikh Siap Asal : 6/3/17

Tarikh Siap Sebenar : 8/6/18

Kos Projek : RM 7,730,000.00

Kos Kontrak : RM 6,337,991.96

Pelaksana : JKR



10. 10/7/2018 - Majlis Penyerahan Projek Balai Bomba dan Penyelamat Kimanis, Sabah.



11. 8/10/2018 - YS Pengarah Bahagian Pembangunan mengadakan lawatan dan pemeriksaan di Balai Bomba dan Penyelama Gemencheh, Negeri Sembilan.



12. Majlis Penyerahan Projek Kuarters Bomba Cheras, Kuala Lumpur.



13. 10 - 12 November 2018 - Mesyuarat Pegawai-Pegawai Pembangunan Negeri Bil. 2/2018 dan Mesyuarat JKPAK (Fasiliti) Bil. 2/2018, di Hotel Grand Paragon, Johor Bahru.



14. Ujian Pemeriksaan dan Penerimaan Helikopter Kategori Berat Agusta AW189.



15. Ujian Pemeriksaan dan Penerimaan Aerial Ladder Platform Tender (ALPT).



PROGRAM BAHAGIAN BAHAGIAN LATIHAN

CARTA FUNGSI BAHAGIAN LATIHAN



PIAGAM PELANGGAN

Kami berjanji akan:-

1. Mengeluarkan Laporan Analisa Keperluan Kursus dalam tempoh satu bulan selepas siapnya kajian.
2. Merancang dan membangunkan Rancangan Program Latihan Tahunan mengikut keperluan perkhidmatan teras satu bulan sebelum bermula tahun fiskal.
3. Mengemukakan Program Latihan Tahunan kepada bahagian, akademi dan negeri dalam tempoh dua minggu selepas kelulusan Jawatankuasa Latihan Kementerian.
4. Memaklumbalas sebarang pertanyaan dan surat menyurat dalam tempoh lima hari dari tarikh penerimaan.
5. Menghasilkan Laporan Keberkesanan Latihan dalam tempoh satu bulan selepas siapnya kajian penilaian.
6. Merancang dan melaksanakan program tujuh hari minima kursus setahun bagi setiap kakitangan jabatan sebagai memenuhi tuntutan Jabatan Perkhidmatan Awam.

PROGRAM / AKTIVITI BAHAGIAN LATIHAN

Secara ringkasnya, sejajar dengan 'core business' bahagian, pada tahun 2018 Bahagian Latihan JBPM telah berjaya melaksanakan program dan aktiviti di bawah fungsi seperti berikut:

- Merancang dan mengkordinasi program latihan / kursus.
- Melaksanakan program tahunan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- Melaksanakan program kerjasama latihan kebombaanan bersama institusi dalam dan luar Negara.
- Mengurus perkembangan kerjaya dan kemajuan diri kakitangan JBPM.

PENCAPAIAN AKTIVITI BAHAGIAN LATIHAN BAGI TAHUN 2018

1. KUIZ PERMODALAN NASIONAL BERHAD (BADAN BERUNIFORM)

Tarikh	: 9 Oktober 2018
Tempat	: PNB Ilham Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan
Anjuran	: Amanah Saham Nasional Berhad
Penyertaan	: 7,506 peserta daripada pelbagai jabatan
Peserta JBPM	: 2 Orang
Keputusan	: Peringkat Akhir

2. AMALAN 5S JBPM

Idea memperkenalkan Amalan 5S peringkat JBPM tercetus sewaktu lawatan YAS Ketua Pengarah ke Sabah pada 18-19 September 2015. Rentetan dari itu YAS Ketua Pengarah mengarahkan ia dilaksanakan peringkat JBPM dan mensasarkan persijilan pada tahun 2016. Bahagian Latihan telah dipilih oleh YAS Ketua Pengarah sebagai pengerusi program 5S Induk. Bermula 6 Januari 2016 Jawatankuasa Induk telah dibentuk. Pada tahun 2018 semua Ibu Pejabat JBPM Negeri berjaya dapat pensijilan semula Sijil 5S/EKSA.



Logo Amalan 5S
Jabatan Bomba dan
Penyelamat Malaysia



Sijil Pencapaian Amalan
5S yang diterima oleh
ABPM Wilayah Sabah

BIL.	IBU PEJABAT / AKADEMI / NEGERI	TARIKH TERIMA SIJIL
1.	Ibu Pejabat JBPM & JBPM Putrajaya	25 November 2018
2.	Ibu Pejabat JBPM Kuala Lumpur	12 Disember 2018
3.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Selangor	28 November 2018
4.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Johor	23 Oktober 2018
5.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Melaka (EKSA)	13 Julai 2018
6.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Sembilan (EKSA)	14 November 2018
7.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Perak	13 Disember 2018
8.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Pulau Pinang	26 November 2018
9.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Kedah	27 September 2018
10.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Perlis	23 November 2018
11.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Pahang	27 Disember 2018
12.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Terengganu	27 November 2018
13.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Kelantan	26 Jun 2018

14.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Sarawak	19 Julai 2018
15.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Sabah	12 November 2018
16.	Ibu Pejabat JBPM Labuan	27 Oktober 2018
17.	ABPM Wilayah Utara	8 March 2018
18.	ABPM Wilayah Tengah	7 November 2018
19.	ABPM Wilayah Timur	6 Disember 2018
20.	ABPM Wilayah Sarawak	27 August 2018
21.	ABPM Wilayah Sabah	30 Oktober 2018

* Sijil 5S dikemaskini setiap 1 tahun * Sijil EKSA dikemaskini setiap 2 tahun

Jadual 11: Ibu Pejabat JBPM, ABPM dan Negeri yang menerima sijil 5S pada tahun 2018

3. PERBARISAN TAHUNAN 2018

- Anjuran : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
 Penyertaan : Ibu Pejabat JBPM, JBPM Selangor, Pancaragam JBPM, Kor Siswa Bomba UTHM, USIM dan UiTM
 Tempat : Ibu Pejabat, JBPM Putrajaya
 Tarikh : 18 Januari 2018
 Jumlah Peserta : 160 anggota pelbagai pangkat
- Senarai detachment :
 - I. Pegawai Bomba Lelaki
 - II. Pegawai Bomba Wanita
 - III. Pemadaman Kebakaran
 - IV. Unit Pengesan
 - V. Bahagian-bahagian Ibu Pejabat, JBPM



YAS Ketua Pengarah memeriksa anggota perbarisan



YAS Ketua Pengarah memberi ucapan dan Amanat

4. PERBARISAN SEMPENA SAMBUTAN HARI ANGGOTA BOMBA 2018

- Anjuran : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
 Penyertaan : Ibu Pejabat JBPM, JBPM Negeri-Negeri, Agensi Kecemasan, Kelab 3K Maskot Bomba, Skuad Tahfiz, Kadet Bomba, Guru Kadet, Pasukan Bomba Sukarela, Pasukan Keselamatan Kebakaran, Pasukan Keselamatan Kebakaran LHDN, Bomba Komuniti, Kor Siswa Bomba, Bomba Tentera, Bomba Pelabuhan, Airport Fire & Rescue Service, Pesara Bomba dan Perisma
 Tempat : Dataran Majlis Perbandaran Seremban, Negeri Sembilan
 Tarikh : 14hb Julai 2018
 Jumlah Peserta : 2,050 anggota pelbagai pangkat

- Senarai detachment :
 - I. Pembawa Bendera
 - II. Pegawai Bomba Lelaki
 - III. Pegawai Bomba Wanita
 - IV. Pemadaman Kebakaran
 - V. Special Tactical Operational Rescue Team of Malaysia (STORM)
 - VI. Hazardous Material Team (HAZMAT) Chemical, Biological, Radioactive, Nuclear & Explosion Team (CBRNe)
 - VII. High Rise Building Rescue Team
 - VIII. Emergency Medical Rescue Services
 - IX. Unit Udara
 - X. Road Traffic Accident
 - XI. Fire Investigation Officer
 - XII. Pasukan Penyelamat di Air
 - XIII. Unit Pengesan

Sambutan Hari Anggota Bomba (SHAB) 2018 telah disempurnakan perasmian oleh Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir. Majlis SHAB 2018 turut dihadiri oleh YAB Tuan Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan, YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg. Dato' Sri Hj. Mohammad bin Mentek, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YAS Tuan Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid, Ketua Pengarah JBPM, serta pengurusan tertinggi JBPM. SHAB 2018 telah diadakan dengan jayanya bertempat di Dataran Majlis Perbandaran Seremban, Negeri Sembilan.



Pemeriksaan perbarisan kehormatan disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir



Deklamasi sajak disampaikan oleh pegawai bomba

5. PERBARISAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2018

- Anjuran : Kementerian Komunikasi dan Multimedia
- Penyertaan : Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, Bahagian Keselamatan Kebakaran, Bahagian Latihan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Bahagian Penyiasatan Kebakaran, Bahagian Udara, Bahagian Pembangunan, Bahagian Pengurusan Korporat, Bahagian Kejuruteraan Jentera, JBPM Kuala Lumpur, JBPM Selangor, JBPM Kedah, JBPM Pulau Pinang, JBPM Perak, JBPM Perlis, JBPM Negeri Sembilan, JBPM Melaka, JBPM Johor, JBPM Sarawak, JBPM Sabah, JBPM Pahang, JBPM Kelantan, JBPM Terengganu, JBPM Labuan, JBPM Putrajaya, ABPM Wilayah Tengah, ABPM Wilayah Timur, ABPM Wilayah Utara dan Pangkalan Udara Subang dan Pancaragam JBPM
- Tempat : Dataran Merdeka, Kuala Lumpur
- Tarikh : 31hb Ogos 2018
- Jumlah Peserta : 769 anggota pelbagai pangkat
- Kontinjen Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia adalah daripada 11 pasukan khas yang dimulai dengan :

- I. Pegawai Bomba Lelaki
- II. Pegawai Bomba Wanita
- III. Pasukan Pemadam Kebakaran
- IV. Hazardous Material Team (HAZMAT)
- V. Chemical, Biological, Radioactive, Nuclear and Explosion (CBRNe)
- VI. Unit Udara
- VII. Road Traffic Accident Team
- VIII. Pasukan Penyiasatan Kebakaran
- IX. High Angle Rescue Team
- X. Special Tactical Operational Rescue Team of Malaysia (STORM)
- XI. Perarakan Jentera JBPM



Pasukan detachment Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



Kontinjen RIM Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

6. MESYUARAT KOMANDAN DAN PENOLONG PENGARAH BAHAGIAN LATIHAN NEGERI

Pada tahun 2018, Bahagian Latihan Ibu Pejabat telah mengadakan tiga kali Mesyuarat Komandan dan Penolong Pengarah Bahagian Latihan Negeri. Mesyuarat diadakan bagi memastikan pelaksanaan kursus-kursus di peringkat Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia (ABPM) dan Bahagian Latihan Negeri berjalan mengikut jadual yang ditetapkan. Selain itu, mesyuarat ini juga bertujuan bagi memantau prestasi perbelanjaan kewangan ABPM dan Bahagian Latihan Negeri.



Mesyuarat Komandan dan Penolong Pengarah Bahagian Latihan Negeri Bil.1/2018 di Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sarawak pada 26hb hingga 29hb Januari 2018



Mesyuarat Komandan dan Penolong Pengarah Bahagian Latihan Negeri Bil.2/2018 di Royal Signature Hotel, Negeri Kedah pada 16hb hingga 18hb Julai 2018



Mesyuarat Komandan dan Penolong Pengarah Bahagian Latihan Negeri Bil.3/2018 di Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kuala Lumpur pada 17hb hingga 19hb Oktober 2018



PROGRAM BAHAGIAN UDARA

1. PENERBANGAN MEDEVAC

TARIKH : 11 November 2018

PESAWAT : AW 139

LOKASI : Kampung Piyel, Gua Musang, Kelantan

OPERASI : Mengambil dan mengeluarkan mangsa seorang kanak-kanak 10 tahun terjatuh dari pokok pada ketinggian 3.5 Meter dari Kg. Piyel, Pos Bihai, Gua Musang Kelantan.



2. PENERBANGAN EHSAN

TARIKH : 12 November 2018

PESAWAT : AW 139

LOKASI : Hospital Raja Perempuan Zainab Kota Bharu ke Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur.

OPERASI : Penerbangan memindahkan mangsa berusia 3 tahun yang memerlukan rawatan rapi untuk dipindahkan ke Institut Jantung Negara Kuala Lumpur.



3. LAWATAN YAS KETUA PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

TARIKH : 1 November 2018

ACARA : Lawatan Yas Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ke BBP Lawas, Sarawak



4. AUDIT VERIFIKASI Mi-17-IV DAN Mi-171 BAGI PEMBAHARUAN CERTIFICATE OF AIRWORTHINESS CoA.

TARIKH : 18 hingga 20 September 2018.

LOKASI : Pangkalan Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Subang.



5. OPERASI KEBAKARAN API HUTAN

TARIKH : 18 Ogos 2018

LOKASI : Senandin, Miri Sarawak



6. PENERBANGAN MEDEVAC POS BELATIM, GUA MUSANG, KELANTAN**TARIKH** : 17 Ogos 2018**LOKASI** : Pos Belatim, Gua Musang, Kelantan**CATATAN** : Pesawat membawa seorang mangsa wanita mengandung 4 bulan yang mengalami pendarahan di terbangkan ke Balai Bomba dan Penyelamat Gua Musang untuk dibawa ke Hospital Gua Musang dengan menaiki pesawat AW139.**7. LAWATAN RASMI PELATIH KDSK GRED KB29, ABPM WILAYAH TENGAH****TARIKH** : 8 Ogos 2018**LOKASI** : Pangkalan Udara JBPM Subang**8. LAWATAN TADIKA KEMAS KE PANGKALAN UDARA JBPM BERTAM.****TARIKH** : 17 Julai 2018**LOKASI** : Pangkalan Udara JBPM Subang**CATATAN** : Seramai 25 orang pelajar dan 6 orang guru pengiring telah mengadakan lawatan ke Pangkalan Udara JBPM Subang.

9. PENERBANGAN MEDEVAC KG.CHEMAL, GUA MUSANG, KELANTAN**TARIKH** : 2 Jun 2018**LOKASI** : Kg. Chemal, Gua Musang, Kelantan.**CATATAN** : Penerbangan membawa seorang mangsa wanita 55 tahun mengalami batuk berdarah dan lelah berterusan. Pesawat telah membawa mangsa ke BBP Gua Musang untuk di bawa ke Hospital Gua Musang.**10. MAJLIS TAZKIRAH RAMADHAN 2018****TARIKH** : 1 Jun 2018**LOKASI** : Pangkalan Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Subang.**CATATAN** : Perkongsian ilmiah dari PW1 Noh dari masjid Pangkalan Udara Subang telah dihadiri oleh warga Pangkalan Udara JBPM Subang. Turut dijalankan adalah sesi pembayaran zakat fitrah.**11. PENERBANGAN MEDEVAC POS BELATIM ,GUA MUSANG,KELANTAN****TARIKH** : 27 April 2018**LOKASI** : Pos Belatim , Gua Musang, Kelantan**CATATAN** : Pesawat JBPM AW 139 membawa 6 orang mangsa kanak-kanak dari Pos Belatim ke BBP Gua Musang untuk menerima rawatan di Hospital Gua Musang.

PROGRAM BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT

VISI

Untuk menjadi penggerak kecemerlangan tadbir urus korporat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang berkesan dan dinamik.

MISI

Komited untuk menginstitusi, memperkukuhkan budaya dan sistem korporat yang dihormati melalui pengurusan data dan maklumat yang berkesan.

OBJEKTIF

Untuk memastikan semua perkara berhubung dengan pengurusan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia diurus dengan baik dan terancang melalui penyelarasan aktiviti-aktiviti bahagian-bahagian untuk mengekalkan persefahaman dengan pelanggan jabatan dalam pelbagai bidang di peringkat nasional dan antarabangsa.

FUNGSI

Bahagian Pengurusan Korporat dan Perhubungan Awam terbahagi kepada 5 unit iaitu Unit Perancangan Dasar, Unit Komunikasi Korporat, Unit Inspektorat, Unit Kebajikan Pekerja dan Unit Pengurusan Kualiti dan Inovasi.

Unit Perancangan Dasar

- Merancang dan mengkaji Pelan Strategik Jabatan.
- Merancang ketetapan dasar sejajar dengan perundangan dan peraturan yang ada.
- Menerajui, merancang dan penggubalan dasar-dasar baru berhubung dengan teras jabatan.
- Mengkaji dan menganalisa isu-isu kebombaian dan keberkesanan dasar berasaskan kepada penanda aras.
- Memberi khidmat nasihat dan perundingan dalam aspek perancangan dan penggubalan dasar-dasar berhubung dengan teras jabatan.
- Mengenalpasti dan menganalisa isu-isu semasa dalam negara dan antarabangsa yang memberi kesan kepada perkhidmatan kebombaian.
- Menilai dan menyelaras keberkesanan pelaksanaan program di setiap bahagian supaya sejajar dengan penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Perancangan Kerja Tahunan (RKT) Jabatan / Kementerian.
- Menyelaras urusan parlimen di peringkat jabatan.
- Bertindak sebagai urusetia di peringkat jabatan bagi mesyuarat-mesyuarat berkaitan dasar di peringkat kementerian.

Unit Komunikasi Korporat

- Merancang dan mengurus secara berkala perhubungan media dan publisiti.
- Merancang, melaksana dan menganalisa program-program utama, sosial dan keagamaan jabatan.
- Merancang peningkatan kerjasama jabatan dalam kegiatan-kegiatan antarabangsa.
- Merancang penyertaan jabatan dalam mesyuarat-mesyuarat dan konvensyen-konvensyen diperingkat antarabangsa.
- Mengurus dan menyediakan khidmat kaunter pelanggan.
- Mengurus dan menyelaras perkara-perkara berkaitan dengan pengaduan awam serta menyediakan khidmat meningkatkan keberkesanan dasar dan program.
- Merancang dan menguruskan protokol lawatan.
- Menguruskan penerbitan jurnal/laporan/tahunan/buletin/buku.
- Menyelaras maklumat-maklumat laman sesawang Jabatan.

Unit Inspektorat

- Menganalisa pelaksanaan Akta 341 dan peraturan serta perundangan yang berkaitan.
- Menganalisa pematuhan terhadap dasar/arahan/garis panduan yang dikeluarkan.
- Merancang, menyasiat dan menyediakan laporan mengenai sesuatu aduan.
- Menganalisa tahap kualiti sistem penyampaian perkhidmatan dan mencadangkan penambahbaikan.
- Menganalisa sistem penyampaian perkhidmatan kebombaanan bagi tujuan penarafan bintang (*Sistem Star Rating*).

Unit Pengurusan Kualiti dan Inovasi

- Merancang dan menyediakan dasar dan objektif kualiti JBPM yang terkini.
- Merancang dan mengurus :
 - Jawatankuasa Pemandu Inovasi Jabatan
 - Jawatankuasa Pemandu Kualiti Jabatan
 - Jawatankuasa Pemandu KPI Jabatan
- Merancang dan menyelaras pelaksanaan dokumentasi MS ISO 9001:2008 JBPM yang terkini.
- Merancang dan mengurus pengauditan dalaman MS ISO JBPM.
- Merancang dan menguruskan program-program penambahbaikan Sistem Kualiti JBPM.
- Menganalisa pelaksanaan program inovasi sebagai wacana terkini.
- Meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Unit Kebajikan Pekerja

- Merancang dan menyelaras aktiviti jabatan seperti berikut :
 - Majlis Sukan, Kebajikan dan Kebudayaan Jabatan
 - Persatuan Kebajikan Bomba
 - Persatuan Suri Anggota Wanita Bomba dan Penyelamat (PERISMA)
 - Persatuan Veteran Bomba
 - Kesatuan Pekerja Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Menganalisa keperluan persatuan dan kesatuan.
- Menjadi urusetia kepada semua persatuan dan kesatuan.
- Menguruskan mesyuarat-mesyuarat berkala.
- Urusetia Majlis Bersama Jabatan (MBJ).

PIAGAM PELANGGAN

Komitmen kami adalah untuk menyampaikan dan menghebahkan maklumat-maklumat lengkap berhubung dengan aktiviti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kepada masyarakat secara berkesan dan profesional.

Dengan itu kami berjanji akan:

- Sentiasa bersedia untuk memberikan khidmat perhubungan awam dengan cekap dan berkesan serta memberikan kepuasan kepada pelanggan.
- Memastikan dan menentukan aspek-aspek perhubungan awam dilaksanakan dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab.
- Membantu jabatan dalam menjaga, mengendalikan dan meningkatkan perhubungan dengan sektor awam, swasta dan dalam jabatan sendiri.
- Memastikan proses pengendalian aduan pelanggan jabatan disiasat dan diambil tindakan dalam tempoh yang telah ditetapkan seperti berikut:
 - i. Aduan Kategori Mudah
≤ 5 hari bekerja selepas maklumat lengkap diperolehi.
 - ii. Aduan Kategori Sederhana
≤ 15 hari bekerja selepas maklumat lengkap diperolehi.
 - iii. Aduan Kategori Kompleks
≤ 15 hari bekerja, maklum balas awal.
≤ 365 hari selepas maklumat lengkap, penyelesaian diperolehi.

PROGRAM BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT

PERBARISAN TAHUNAN 2018 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

18 Januari 2018 – Majlis Perbarisan Tahunan 2018 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diadakan di Perkarangan Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. YAS Dato' Sri Hj. Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menerima tabik hormat dan seterusnya memeriksa perbarisan.

Seterusnya YAS Dato' Sri Hj. Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim membaca perutusan tahunan dan menyampaikan sijil penghargaan kepada para penerima yang terdiri daripada pegawai bomba, pihak media dan orang awam.



MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH BOMBA NEGERI BIL.3/2018 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

5 hingga 7 Ogos 2018 – Bertempat di Bilik Mesyuarat Temenggong, Mudzaffar Hotel, MITC Ayer Keroh Melaka telah diadakan Mesyuarat Pengarah-pengarah Bomba Negeri Bil.3/2018. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YAS Dato' Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Antara agenda yang dibincangkan ialah mengenai program-program utama Jabatan bagi tahun 2018, perkara-perkara berbangkit dan isu-isu daripada negeri-negeri.

Turut hadir ialah YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YAS Dato' Hj. Soiman bin Jahid, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Pengarah-pengarah Bahagian dan Pengarah-pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri-negeri.

MESYUARAT PEGAWAI – PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM NEGERI BIL.1/2018 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

15 hingga 16 Mac 2018 – Mesyuarat Pegawai – pegawai Perhubungan Awam Negeri Bil.1/2018 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diadakan di Bilik Mesyuarat Tulip Aras 5, Bahagian Pengurusan Korporat. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YS PPJB Siti Rohani binti Nadir, Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Mesyuarat telah membincangkan mengenai perancangan dan pelan media bagi tahun 2018, perkara-perkara berbangkit, dan isu-isu daripada negeri-negeri.

MAJLIS PENGANUGERAHAN PANGKAT BOMBA (KEHORMAT) DAN MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN PERSEFAHAMAN DI ANTARA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA DAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

24 September 2018 – Bertempat di Lounge Eksekutif, Universiti Sains Islam Malaysia telah diadakan Majlis Penganugerahan Pangkat Bomba (Kehormat) oleh YAS Dato' Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kepada YBhg. Prof. Dato' Dr. Musa bin Ahmad, Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia. Beberapa orang pensyarah dari universiti tersebut turut dianugerahkan Pangkat Kehormat Bomba iaitu En. Muhammad Haizuan bin Rozali, Dr. Nurlida binti Basir, Pn. Amirah binti Zainun, En. Nur Ekmal bin Buhary dan Ir. Hj. Khairudin bin Hj. Mohamed Atiullah.

Turut diadakan dihari yang bersejarah tersebut adalah majlis menandatangani Memorandum Perjanjian Persefahaman di antara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Universiti Sains Islam Malaysia.



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN

24 Ogos 2018 – Bertempat di Dewan Sutera, JBPM Putrajaya telah diadakan Majlis Perhimpunan Bulanan Bulan Ogos bertemakan Bulan Kemerdekaan telah disempurnakan oleh YAS Dato' Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Hos majlis perhimpunan bulanan pada kali ini ialah Bahagian Pengurusan. Sempena majlis tersebut, turut diadakan Majlis Pemakaian Tanda Pangkat (KUP) Gred KB 54 kepada tiga orang pegawai kanan Jabatan.

YAS Dato' Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid, Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia seterusnya memasang Jalur Gemilang di kenderaan-kenderaan jabatan simbolik menyambut bulan kemerdekaan.



KURSUS-KURSUS TAHUNAN

- i. Program / Latihan : Kursus Protokol & Etiket Sosial
Anjuran : Bahagian Pengurusan Korporat
Tarikh : 22 – 26 Julai 2018,
Tempat : MPC, Johor Baharu
Jumlah Peserta : 30 orang
- ii. Program / Latihan : Kursus Pengucapan Majlis
Anjuran : Bahagian Pengurusan Korporat
Tarikh : 12 – 16 Ogos 2018
Tempat : Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia, Ipoh Perak
Jumlah Peserta : 30 orang
- iii. Program / Latihan : Kursus Pengurusan Krisis Dan Perhubungan Awam
Anjuran : Bahagian Pengurusan Korporat
Tarikh : 22 – 25 Oktober 2018
Tempat : i-KPKT, Bukit Tinggi, Pahang
Jumlah Peserta : 25 orang



PROGRAM BAHAGIAN KEJURUTERAAN JENTERA

OBJEKTIF DAN FUNGSI

- * Untuk memastikan peralatan dan jentera Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia berfungsi dengan baik, berekonomi, selamat dan dikemaskini bagi memberi perkhidmatan kebombaannya yang berkesan.
- * Mengurus, menyelaras dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan, jentera dan peralatan kebombaannya berenjin.
- * Menyediakan perkhidmatan pembangunan, latihan dan kajian Bahagian Kejuruteraan Jentera merangkumi kemudahan woksyp, peralatan woksyp, latihan kakitangan dan sistem penyelenggaraan pelbagai jentera dan peralatan kebombaannya berenjin.
- * Merangka, menyelaras dan melaksana aktiviti-aktiviti penyelenggaraan pencegahan kerosakan (*preventive maintenance*) bagi pelbagai kenderaan, jentera dan peralatan bomba.
- * Memberi khidmat nasihat dan kajian teknikal dalam hal-hal pembelian kenderaan utiliti, jentera dan peralatan bomba.

PIAGAM PELANGGAN

1. Kami berjanji program penyelenggaraan servis berkala Kenderaan Bomba dan Peralatan Kebombaannya Berenjin dijalankan sekurang-kurangnya seperti ketetapan berikut:-

Bil.	Kategori	Program Penyelenggaraan Berkala
1	Jentera Bomba	2 kali setahun
2	Kenderaan Khas	2 kali setahun
3	Kenderaan Utiliti	3 kali setahun
4	Kenderaan Marin	2 kali setahun
5	Peralatan Kebombaannya Berenjin	2 kali setahun

2. Kami berjanji kerja-kerja penyelenggaraan pembaikan akan disediakan seperti ketetapan berikut:-

Bil.	Kategori	Kriteria
1	Penyelenggaraan Pembaikan Kecil	Tempoh: 1 hari hingga 7 hari Kos: Kurang RM 5,000.00
2	Penyelenggaraan Pembaikan Sederhana	Tempoh: 2 minggu hingga 4 minggu Kos: RM 5,000.00 - RM 20,000.00
3	Penyelenggaraan Pembaikan Besar	Tempoh: 3 bulan hingga 6 bulan Kos: RM 20,000.00 ke atas

3. Kami berjanji memproses permohonan pesanan kerajaan dalam tempoh 7 hari bekerja ke Bahagian Kewangan selepas menerima dokumen yang lengkap.

LAPORAN AKTIVITI BAHAGIAN KEJURUTERAAN JENTERA TAHUN 2018

26.02.2018 : Amanat dan Perasmian Mesyuarat Ketua Bahagian Kejuruteraan Bil. 1/2018 oleh YAS Dato' Haji Amer bin Haji Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JBPM.



9.4.18 -13.04.2018 : Kursus Advance Penyelenggaraan Jentera Khas Turn Table Ladder (TTL).



25 - 27.06.2018 :
Kursus Penyelenggaraan Pam
anjuan Pusat Kejuruteraan bersama
ABPM Wilayah Timur.



14.07.2018 : Bahagian Kejuruteraan dilantik sebagai AJK Perarakan sempena Sambutan Hari Anggota Bomba 2018 di Negeri Sembilan.



27.08.2018 : Audit Bahagian Kejuruteraan Terbaik 2018 sempena Hari Inovasi JBPM 2018 di Kejuruteraan JBPM Perak.



30.08.2018 : Kerja-kerja Persiapan akhir AJK Perarakan Jentera sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2018.



31.08.2018 : Sambutan Hari Kebangsaan 2018 selesai berlangsung dengan jayanya. Tahniah diucapkan kepada Pasukan Perarakan dan Persediaan yang bertungkus lumus menjayakan program.



1.9.2018 : Kursus Advance Maintenance Aerial Ladder Platform Tender and Testing Protocol.



3.9.2018-7.09.2018 : Kursus Advance Maintenance Pam GP1210 Godiva di Pusat Kejuruteraan Jentera JBPM.



28.09.2018 : Audit Bahagian Kejuruteraan Terbaik 2018 sempena Hari Inovasi JBPM 2018 di Kejuruteraan JBPM Melaka.



1.10.2018 : Kerja-kerja Overhaul enjin bot sedang dijalankan oleh anggota Bahagian Kejuruteraan Jentera semasa Pertandingan Kawad Kecekapan 2018 di ABPM Wilayah Timur, Terengganu.



15-19.10.2018 : Kursus Advance Maintenance HPPM bersama Mr Jasper Van Selm dari Hydrant Fire System UK (20 tahun pengalaman).



31.10.2018 : Lawatan kerja Bahagian Kejuruteraan Jentera JBPM ke JKR Woksyop, Kuala Lumpur.



04.12.2018 : Ujian pemeriksaan selepas pembaikan bagi penerimaan semula Turn Table Ladder JBPM Negeri Pahang.



UNIT INTEGRITI

1 UNIT INTEGRITI

Penubuhan Unit Integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia adalah berdasarkan kepada **PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2013 - PENUBUHAN UNIT INTEGRITI DI SEMUA AGENSI AWAM**. Tujuan Pekeliling Perkhidmatan tersebut adalah untuk memaklumkan mengenai keputusan kerajaan menubuhkan Unit Integriti sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam. Sistem tadbir urus sektor awam yang terbaik dan budaya kerja berkualiti merupakan landasan penting dalam meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan kerajaan melaksanakan dasar yang dimandatkan. Dalam hubungan ini, kerajaan akan terus mengambil langkah untuk memantapkan integriti bagi menentukan penjawat awam menjunjung dan menegakkan **prinsip integriti serta akauntabiliti** ke arah mencapai sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang.

Ke arah ini, kerajaan telah bersetuju mewujudkan Unit Integriti di semua agensi awam. Unit ini bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta **meningkatkan semangat patriotisme**. Inisiatif ini diharapkan akan dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam.

Jabatan Perkhidmatan Awam telah memperakukan penubuhan Unit Integriti melalui surat rujukan JPA. BPO(S)253/2/5-3Jld.60(65) bertarikh 30 Oktober 2013. Manakala Kementerian Kewangan melalui surat rujukan: KK/BPB(19.00)/202/1/2-1JD.19s.k(6)(3) bertarikh 14 November 2013 telah bersetuju untuk meluluskan perakuan penubuhan tersebut dengan Waran Perjawatan Bil.S 224 Tahun 2013 bertarikh 14 November 2013. Dengan itu Unit Disiplin telah dimansuhkan.


1.1 PIAGAM PELANGGAN

Komitmen kami adalah untuk memberi perkhidmatan yang berikut kepada semua lapisan masyarakat dengan cekap dan berkesan.

Dengan itu kami berjanji akan :

- Memberi Maklum Balas Terima Aduan kepada pengadu dalam masa 3 hari daripada tarikh terima aduan;
- Menyelesaikan aduan bertaraf mudah dalam masa 5 hari bekerja;
- Menjalankan siasatan dan mengesyorkan tindakan susulan ke atas setiap aduan peringkat sederhana yang diterima dalam masa 14 hari bekerja;
- Menjalankan siasatan dan mengesyorkan tindakan susulan ke atas setiap aduan bertaraf kompleks yang diterima dalam masa 365 hari.

1.2 CARTA ORGANISASI UNIT INTEGRITI



RINGKASAN PERJAWATAN	GRED	PENGISIAN
PENGUASA BOMBA (Penolong Pesuruhjaya Bomba)	KB52	1
PENGUASA BOMBA (Penguasa Kanan Bomba I)	KB48	1
PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK	M48	1
PENGUASA BOMBA (Penguasa kanan Bomba II)	KB44	2
PENOLONG PENGUASA BOMBA (Penolong Kanan Penguasa Bomba)	KB32	1
PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN	N32	1
PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N29	0
PEMBANTU TADBIR (P/O)	N19	3
JUMLAH		10

1.3 FUNGSI

Penubuhan Unit Integriti ini merupakan usaha kawalan dalaman oleh agensi untuk menguruskan integriti dalam organisasi. Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras seperti berikut:

(i). **Menyelaras Program Pengukuhan Integriti Jabatan**

Melaksanakan kegiatan penggalakan, penerapan dan penghayatan serta pembudayaan nilai-nilai murni dan kod etika untuk membangunkan anggota dalam jabatan yang mempunyai daya tahan yang tinggi, beretika dan berintegriti. Pembudayaan dan penerapan nilai-nilai murni dan kod etika perlu disepadukan dalam pelaksanaan dasar, perundangan, peraturan serta sistem dan prosedur penyampaian perkhidmatan untuk mengekang warga kerja daripada melakukan sebarang bentuk perlakuan negatif.

(ii). **Menyelaras Program Pengurusan Aduan**

Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan dan maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi; melaksanakan kajian analisis dan mengemukakan laporan berkaitan dengan aduan yang telah diselesaikan.

(iii). **Menyelaraskan Program Tadbir Urus**

Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan; membuat peraturan-peraturan baru atau panduan-panduan berkaitan dengan Tadbir Urus. Menentukan semua penjawat awam dalam jabatan di semua peringkat melaksanakan tanggungjawabnya secara telus, berakuntabiliti dan berhemah dari segi pengambilan keputusan dan penyampaian hasil. Objektif tadbir urus adalah bertujuan untuk menyemai dan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan jabatan untuk melaksanakan dasar yang telah dimandatkan.

"Tadbir urus merangkumi aspek-aspek seperti tatacara Ketua Eksekutif/Ketua Jabatan dan para pegawai di semua peringkat pengurusan melaksanakan tanggungjawab secara telus dan berhemah dari segi pengambilan dan penyampaian hasil, struktur termasuk budaya kerja, dasar, strategi serta tatacara mereka berurusan dengan pelbagai pihak yang berkepentingan (stakeholders) dan proses di mana agensi awam diurus/diarah, dikawal dan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan objektif yang telah dipersetujui".

(Tan Sri Mohd. Sidek Hj. Hassan, 2007)

(iv). **Menyelaraskan Program Pematuhan**

Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.

(v). **Menyelaraskan Program Pengesanan dan Pengesahan**

Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil. Melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab;

(vi). **Menyelaraskan Program Pengurusan Tatatertib**

Melaksanakan fungsi keurusetiaan tatatertib. Melaksanakan kajian analisis ke atas data-data kes tatatertib untuk mengenalpasti isu, *trends* bagi cadangan penambahbaikan dan mengambil tindakan pencegahan dan pembedahan dengan segera berdasarkan peruntukan undang-undang atau peraturan sedia ada.

2 PROGRAM DAN AKTIVITI TAHUNAN

2.1. PROGRAM BICARA INTELEKTUAL PEMERKASAAN INTEGRITI (BIPIN)

Membangunkan sesebuah organisasi yang berintegriti dan mempunyai nilai tadbir urus yang baik adalah tanggungjawab yang bukan hanya perlu digalas oleh para pemimpin utama organisasi bahkan membabitkan semua pihak yang berada di dalam organisasi tersebut. Untuk itu forum yang dianjurkan bersama dengan kerjasama utuh antara Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dapat melahirkan penjawat awam yang mempunyai minda kelas pertama. Penjenamaan semula Forum Pemerksaan Integriti (FPI) kepada Bicara Intelektual Pemerksaan Integriti (BIPIN) telah dibuat oleh Unit Integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Ianya telah diiktiraf sebagai suatu wacana tadbir urus yang baik (*Good Governance*) di peringkat KPKT sendiri. Objektif forum adalah untuk :

- Meningkatkan kewibawaan penjawat awam dengan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat khususnya yang berkaitan tugas dan tanggungjawab.
- Memberi suntikan kepada penjawat awam yang menerajui usaha dalam mengubah minda dan sikap supaya ikhlas, jujur dan tidak terpengaruh oleh gejala-gejala negatif seperti ketidakcekapan, penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah.
- Memelihara integriti dan memupuk budaya supaya sentiasa berdedikasi dan komited kepada tanggungjawab dan tugas yang akhirnya membantu meningkatkan imej negara sebagai negara yang cekap, bersih dan berintegriti.

Di antara aktiviti yang dijalankan semasa forum berlangsung termasuklah perbincangan ilmiah dan soal balas serta pameran integriti antaranya oleh badan penguatkuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Kementerian Kesihatan, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), dan Polis Diraja Malaysia. Di samping itu, turut diadakan iaitu Ikhar Integriti oleh semua peserta program dan seterusnya wakil-wakil jabatan menandatangani Tinta Integriti sebagai menyatakan komitmen untuk membudayakan integriti di setiap agensi masing-masing.

Bil.	Tajuk Program	Tarikh/Tempat	Jumlah Peserta
1.	Bicara Intelektual Pemerksaan Integriti (BIPIN) Siri 1/2018 Peringkat Zon Borneo	20 Mac 2018 Dewan Tiara Hotel, Labuan	320 orang
2.	Bicara Intelektual Pemerksaan Integriti (BIPIN) Siri 2/2018 Peringkat Zon Borneo	1 November 2018 Eastwood Valley Golf and Country Club, Miri, Sarawak	320 orang
3.	Bicara Intelektual Pemerksaan Integriti (BIPIN) Siri 3/2018 Peringkat Zon Utara	8 November 2018 Auditorium Kementerian Dalam Negeri, Negeri Perlis	346 orang



Bicara Intelektual Pemerksaan Integriti (BIPIN) Siri 1/2018
Peringkat Zon Borneo di Labuan



Bicara Intelktual Pemerkasaan Integriti (BIPIN)
Siri 2/2018 Peringkat Zon Borneo di Sarawak



Bicara Intelktual Pemerkasaan Integriti (BIPIN)
Siri 3/2018 Peringkat Zon Utara di Perlis

2.2. BICARA INTEGRITI

Bagi memperkasakan pembudayaan integriti di kalangan warga jabatan sendiri, Unit Integriti juga telah berjaya menganjurkan dua siri program Bicara Integriti. Program pertama telah diadakan pada 28 Jun 2018 di Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) yang bertajuk **Kerja Sebagai Satu Ibadah** yang disampaikan oleh YBhg. Dr. A. Bakar bin Sarpon, Al Hijrah Media Corporation. Manakala program kedua diadakan kedua pada 18 Oktober 2018 di Dewan Galeria, Ibu Pejabat JBPM yang bertajuk **Integriti Untuk Dihayati Bukan Untuk Dikhianati** yang disampaikan oleh YBhg Dr. Hj. Azlan bin Hj. Shaiful Baharum dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kedua-dua Bicara Integriti tersebut dimoderatorkan oleh YBhg Tuan Haji Hamilye Sham bin Harun dari Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI). Seramai lebih 150 orang pegawai kanan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang hadir bagi kedua-dua proram tersebut.



YBhg. Dr. A. Bakar bin Sarpon menyampaikan bicara
Kerja Sebagai Satu Ibadah



YBhg. Dr. Hj. Azlan bin Hj. Shaiful Baharum menyampaikan
bicara bertajuk Integriti Untuk Dihayati Bukan Untuk
Dikhianati

2.3. MESYUARAT URUSETIA LEMBAGA TATATERTIB

Pada 20 Februari 2018 – Bertempat di Bilik Mesyuarat Tanjung, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diadakan Mesyuarat Urusetia-Urusetia Lembaga Tatatertib Bil. 1 Tahun 2018 yang telah dipengerusikan oleh YAS Dato' Sri Hj. Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, selaku Pengerusi Lembaga Tatatertib Jabatan. Beliau telah meluangkan masa bersama Urusetia Lembaga Tatatertib Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri-Negeri.



YAS Ketua Pengarah menyampaikan
kata-kata aluan

Perjumpaan tahunan ini memberi peluang kepada urusetia-urusetia untuk berjumpa serta berbincang berkaitan isu-isu integriti dan tata tertib selain menjadi platform separa formal bagi meningkatkan kefahaman dan pelaksanaan integriti dan tata tertib jabatan.

2.4. NAZIRAN PEMATUHAN INTEGRITI DAN TATATERTIB

Dalam memastikan pematuhan terhadap prosiding dan prosedur tata tertib yang digariskan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993, Peraturan-Peraturan Lembaga Tata tertib Perkhidmatan Awam 1993 dan peraturan-peraturan perkhidmatan awam serta peraturan-peraturan dalaman jabatan yang berkuatkuasa, Unit Integriti telah mengadakan Naziran Pematuhan Integriti dan Tata tertib (NPITT). Negeri-negeri yang terlibat adalah JBPM Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Sabah Johor dan Kuala Lumpur.

Naziran ini juga dijalankan untuk mendidik, menunjukkan dan merundingkan pendekatan terbaik yang boleh diambil oleh setiap negeri yang telah dipilih. Laporan ini akan dipanjangkan untuk makluman YAS Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi memantau proses dan prosiding tata tertib di JBPM Negeri dan seluruh Jabatan.



Pegawai Naziran yang diketuai oleh PPJB Norizan bin Hj Sulaiman bersama pasukan dalam naziran ke BBP Ranau, Sabah.



Naziran Pematuhan Integriti dan Tata tertib yang dilaksanakan di BBP Cyberjaya, Selangor.

2.5. BENGKEL KOR SIASATAN INTEGRITI

Bagi memantapkan lagi pengetahuan Kor Siasatan Integriti (KSI) dalam penyediaan laporan siasatan yang berkualiti dan berwibawa serta peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa, Unit Integriti telah mengambil inisiatif menganjurkan Bengkel Kor Siasatan Integriti. Bengkel tersebut telah diadakan pada 26 hingga 28 Oktober 2018 bertempat di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Utara, Tronoh, Perak yang dihadiri seramai 37 orang peserta.

Tenaga pengajar yang berpengalaman daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan Malaysia (AADK) dan Jabatan Audit Negara Malaysia telah menjadikan bengkel ini sebagai medan percambahan ilmu dan perkongsian pandangan yang bernas bagi keseluruhan ahli KSI.

Sesi bergambar semua peserta Bengkel Kor Siasatan Integriti



2.6. BENGKEL INTEGRITI DAN TATATERTIB URUSETIA LEMBAGA TATATERTIB

Dalam memastikan urusan tatatertib dapat dibuat dengan cepat, tepat dan berkesan serta mengikut prosedur yang ditetapkan, Bengkel Integriti dan Tatatertib Urusetia Lembaga Tatatertib telah diadakan di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sabah pada 22 hingga 25 April 2018. Seramai 31 orang pegawai yang terlibat secara langsung dalam pengurusan tatatertib jabatan telah menghadiri bengkel ini. Para peserta telah diberi pendedahan berkaitan peranan, prosedur dan proses yang diperlukan bagi melicinkan urusan tatatertib dan pelaksanaan hukuman di Jabatan. Penceramah yang dijemput bagi bengkel ini ialah Puan Eizan Azura binti Zainudin, Timbalan Pengarah, Unit Laporan Ketua Audit Negara & Operasi Khas, Jabatan Perkhidmatan Awam, Puan Aimie Yusreena binti Yunus, Penolong Penasihat Undang-Undang, Jabatan Perkhidmatan Awam, Puan Jolita binti Ijom, Pegawai Insolvensi Kanan I, Unit Kebankrapan, Jabatan Insolvensi Malaysia Negeri Sabah dan Encik Jonathan Lim Jiun Yenn, Penolong Setiausaha, Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.



Gambar peserta yang menghadiri Bengkel Integriti dan Tatatertib Urus Setia Lembaga Tatatertib 2018

2.7. BENGKEL PEMBANGUNAN MODAL INSAN ORGANISASI BERINTEGRITI

Bengkel Pembangunan Modal Insan Organisasi Berintegriti (PMIOB) telah berjaya dilaksanakan sebanyak 2 Siri pada tahun 2018 iaitu Siri pertama pada 26 hingga 28 Jun 2018 bertempat di Institut Integriti Malaysia dan pada 16 hingga 18 Oktober 2018 bertempat di Dewan Galleria, Ibu Pejabat JBPM Putrajaya. Bengkel ini merupakan kerjasama antara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan Institut Integriti Malaysia.

Bengkel tersebut telah dihadiri oleh Pegawai Kanan yang telah terpilih dari seluruh negeri dan telah didedahkan dengan isu-isu semasa berkaitan dengan pengurusan tatatertib, budaya kerja berintegriti, rasuah, penyelewengan, pengurusan kewangan, pengurusan perolehan, pencegahan penyalahgunaan dadah dan isu-isu berkaitan dengan integriti.



Tn Hj Hamilye Sham bin Harun memberikan taklimat kepada peserta untuk membuat tugas yang diberikan



Peserta bengkel mendengar ceramah yang disampaikan oleh Penceramah Jemputan dari Jabatan Perkhidmatan Awam.

2.8. BREAKFAST TALK INTEGRITI

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah menganjurkan *Breakfast Talk* Integriti pada 28 Ogos 2018. YAS Dato' Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid selaku pembentang utama telah memperjelaskan bahawa jabatan akan terus mengambil langkah untuk memperkuat keutuhan dan fungsi unit Integriti dengan merencanakan tindakan yang agresif dalam usaha memperkasakan integriti dalam segenap aspek pelaksanaan amanah dan tugas.

Dalam program ini telah menampilkan Timbalan Presiden Yayasan Anti Rasuah Malaysia, YBhg. Dato' Che Ab Rahim Che Daud dan mantan Ketua Polis Negara, YBhg. Tan Sri Musa Hassan sebagai pembincang serta Pengarah dan Ketua Penyelaras Pusat Koordinasi, Pemantauan dan Penilaian INTEGRITI, Tuan Haji Hamilye Sham bin Harun bertindak sebagai moderator. Program ini telah dihadiri oleh semua pegawai kanan jabatan dari semua bahagian dan unit dalam jabatan.



Pengurusan Tertinggi jabatan bergambar bersama-sama pembincang dan moderator dalam *Breakfast Talk* Integriti



Gambar semua peserta yang hadir dalam program yang diadakan

2.9. BENGKEL PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)

Bertempat di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) Bandar Baru Bangi, Selangor, satu siri bengkel telah diadakan bagi menyediakan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia anjuran Unit Integriti. Bengkel 3 hari 2 malam tersebut telah dikendalikan sepenuhnya oleh penceramah dari Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) yang diketuai oleh PKPj Salwa binti Hj Muharam serta dua orang fasilitator.

Dalam bengkel tersebut semua peserta telah didedahkan dengan latar belakang, objektif komponen, pendekatan dan *tool* yang digunakan dalam menyediakan CRM. Para peserta juga telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan bagi membincangkan ruang dan peluang yang ada dalam Jabatan serta mengenalpasti langkah kawalan sedia ada serta tambahan yang difikirkan dapat membendung gejala tersebut dari terus berlaku.

Program tersebut melibatkan pegawai-pegawai kanan jabatan yang mewakili bahagian serta dari beberapa buah negeri dalam usaha mencambahkan idea untuk menyediakan satu Pelan Pengurusan Risiko Rasuah Jabatan.



PKPj Salwa binti Hj Muharam selaku penceramah memberikan penerangan berkaitan CRM kepada semua peserta bengkel



Peserta bengkel bergambar bersama-sama dengan Penceramah dan Fasilitator

2.10. PROGRAM LAWATAN DAN PEMERIKSAAN MENGEJUT BALAI

Pemeriksaan mengejut/berkala ke balai-balai bomba dan penyelamat merupakan salah satu daripada aktiviti utama Unit Integriti. Antara tujuan utama pelaksanaan aktiviti ini adalah untuk membuat pemantauan pematuan disiplin dan tatasusila pegawai bomba serta membuat cadangan penambahbaikan bagi memastikan kecemerlangan sistem penyampaian perkhidmatan kebomba dan penyelamatan kepada masyarakat/pelanggan.

Sepanjang tahun 2018, Unit Integriti telah melaksanakan 19 pemeriksaan balai iaitu:-

1. BBP Karak
2. BBP Tawau
3. BBP Semporna
4. BBP Kinabatangan
5. BBP Sandakan
6. BBP Beluran
7. BBP Lahad Datu
8. BBP KLCC
9. BBP Bangi
10. BBP Bandar Tun Hussien Onn
11. BBP Kuala Terengganu
12. BBP Gebeng
13. BBP Kuala Berang
14. BBP Cyberjaya
15. BBP Jalan Kubu
16. BBP Ayer Hitam
17. BBP Ayer Keroh
18. BBP Sungai Besar
19. BBP Kuala Selangor



Antara elemen-elemen yang terkandung dalam aktiviti pemeriksaan ini adalah membuat ujian panggilan kecemasan supaya mematuhi MS ISO 9001 : 2008 Perkara 4.27 – Pengukuran 60 saat adalah dikira daripada terima panggilan hingga jentera keluar dari bay jentera. Manakala perkara-perkara yang terkandung dalam semakan semasa pemeriksaan meliputi panggilan baris, personaliti pegawai, keadaan jentera dan kenderaan utiliti, keadaan balai dan kuarters, kawasan balai, bilik bersedia anggota, bilik makan, bilik rehat, bilik sembahyang / surau, bilik kawalan / awasan dan bay jentera.

2.11. PEMANTAUAN KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS

Keterhutangan kewangan yang serius mengikut Peraturan 13.(1) 'Seseorang pegawai tidak boleh dengan apa cara-apa cara menyebabkan dirinya berada dalam keterhutangan kewangan yang serius'.

Dalam Peraturan 13(7) dinyatakan bahawa ungkapan "keterhutangan kewangan yang serius" ertinya keadaan keterhutangan seseorang pegawai yang setelah diambil kira amaun hutang yang ditanggung olehnya, telah sebenarnya menyebabkan kesusahan kewangan yang serius kepadanya.

Sehubungan itu, Unit Integriti sentiasa memantau mana-mana pegawai yang terlibat dalam masalah keterhutangan kewangan yang serius selari dengan hasrat Kementerian yang sentiasa mengambil berat tentang isu ini. Mana-mana pegawai yang didapati terlibat dalam masalah ini akan dipantau sehingga mereka bebas dari belenggu keterhutangan. Pegawai akan diminta merujuk secara individu dengan pihak Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi membantu menyelesaikan masalah ini.

3. STATISTIK DAN ANALISA


3.1. STATISTIK TATATERTIB

Sepanjang tahun 2018, Lembaga-lembaga Tatatertib Jabatan di peringkat ibu pejabat dan negeri telah bersidang sebanyak 39 kali, menyelesaikan sebanyak 61 kes tatatertib berbanding 110 kes pada tahun 2017, penurunan sebanyak 49 kes (45%) dari tahun lepas. Ini membuktikan peningkatan kesedaran dan keberkesanan pelaksanaan Sistem Kawalan Akauntabiliti dan Integriti (SKAI) yang telah dikuatkuasakan pada tahun 2016 sehinggalah kini. Dengan pengenalan dan penerapan konsep mahabbah terhadap warga kerja JBPM, kebanyakan kesalahan-kesalahan yang kecil dapat dibendung dengan tindakan pencegahan seperti yang dinyatakan di dalam SKAI 04 berkaitan Laporan Penyelia mengenai teguran dan hukuman yang diberikan atas kesalahan-kesalahan yang dikenalpasti.

Bil	Peringkat	2015	2016	2017	2018
1	Ibu Pejabat JBPM	70 (32 Buang Kerja)	58 (44 Buang Kerja)	43 (21 Buang Kerja)	32 (14 Buang Kerja)
2	JBPM Negeri	45	50	65	29
JUMLAH		115	108	108	61

Selain itu, seramai 14 orang telah dibuang kerja pada tahun 2018, penurunan sebanyak 33% berbanding 21 orang pada tahun 2017. Trend penurunan ini dilihat sebagai impak positif pelaksanaan SKAI yang memberikan tanggungjawab pengawalan tatakelakuan kepada seseorang penyelia dalam mengemukakan pelaporan kepada Ketua Jabatan berhubung salah laku serius seperti Tidak Hadir Bertugas, Kesalahan Dadah dan Pemalsuan atau Pinda Sijil Cuti Sakit.

3.2. STATISTIK ADUAN



Sepanjang tahun 2018, Unit Integriti telah menerima sebanyak 54 aduan integriti berbanding 48 aduan pada tahun 2017. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 6 kes. Pelbagai saluran aduan yang diterima termasuklah melalui emel, internet (media sosial), surat rasmi, surat layang, telefon, melalui pegawai JBPM dan agensi lain seperti KPKT, SPRM, dan BPA. Aduan yang diterima melalui surat layang mencatatkan bilangan tertinggi iaitu sebanyak 14 kes, diikuti aduan melalui surat rasmi sebanyak 12 kes, melalui telefon sebanyak 11 kes, melalui emel sebanyak 8 kes, melalui internet (media sosial) seperti *Facebook*, *Twitter*, *Whatsapp* sebanyak 4 kes, hadir ke pejabat sebanyak 3 kes dari pihak ketiga sebanyak 2 kes.

Kebanyakan aduan integriti yang diterima adalah berkaitan dengan isu salah laku pegawai awam menurut Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 / P.U.(A) 395/1993. Selain daripada itu, terdapat juga aduan yang berkaitan tuduhan rasuah, salah guna kuasa serta pelanggaran prosedur kerja.

3.2.1 JUMLAH KESELURUHAN ADUAN 2017 DAN 2018

Hasil daripada inisiatif-inisiatif pembudayaan, pengukuhan dan pemerkasaan integriti yang dijalankan oleh Unit Integriti, JBPM, indeks jumlah aduan pada tahun 2018 telah **meningkat sebanyak 35%** kepada 54 kes berbanding 40 kes pada tahun 2015.

Trend peningkatan aduan integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dari tahun 2015 hingga 2018 adalah seperti jadual berikut:

Saluran Aduan	2015	2016	2017	2018	Jumlah
Surat Rasmi	8	11	2	12	33
Emel	12	3	10	8	33
Hadir				3	3
Telefon	4	3	2	11	20
Internet	3	5	5	4	17
Surat Layang	6	14	13	14	47
Pegawai dalaman	7	3	3	0	13
Pihak ketiga		8	13	2	23
JUMLAH	40	47	48	54	189

Data jumlah keseluruhan aduan 2015 dan 2018

Peningkatan ini menunjukkan bahawa kefahaman masyarakat terhadap isu-isu yang melibatkan pelanggaran tatatertib semakin meningkat. Keyakinan untuk menyalurkan aduan yang tepat kepada Unit Integriti bagi mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap isu yang diketengahkan.

4. PENCAPAIAN DAN PERBANDINGAN TAHUNAN

4.1. PENGANJURAN SAMBUTAN HARI INTEGRITI DAN PERHIMPUNAN BULANAN BULAN NOVEMBER

Unit Integriti JBPM buat kali pertama telah diamanahkan untuk menjadi hos dalam menganjurkan Perhimpunan Bulanan Bulan November yang diadakan pada 7 November 2018, bersempena Sambutan Hari Integriti Peringkat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Pada awal majlis, YAS Dato' Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid, Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menyampaikan ucapan. Dalam majlis itu juga turut diadakan tayangan Montaj Integriti, Majlis Penyampaian Sijil dan hadiah kepada Pemenang Pertandingan Penulisan Esei Integriti, Penyampaian Sijil Penghargaan kepada Pasukan Debat yang menyertai Pertandingan Debat Integriti Piala Dato' Sri Ketua Setiausaha KPKT, serta Pentauliah Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) JBPM.

Seterusnya majlis diteruskan dengan Majlis Sambutan Hari Integriti yang bertemakan "Integriti Di Hati" dengan mengadakan beberapa program termasuklah Bicara Integriti. Panel yang dijemput adalah YBhg. Dato' Sri Akhbar Bin Satar, Presiden, Transparency International Malaysia bersama-sama moderator YBrs Tuan Haji Hamilye Sham Bin Harun Pengarah dan Ketua Penyelaras Koordinasi dan Pemantauan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI).

Sebelum program Bicara Integriti dimulakan turut diadakan bacaan ayat suci Al-Quran yang disampaikan oleh PgB Luqman bin Ramli dan deklamasi sajak yang disampaikan oleh PB Mohd Fauzi bin Jamikah.



YAS Dato' Mohammad Hamdan bin Hj Wahid menyampaikan ucapan



Pegawai-pegawai kanan jabatan yang hadir mendengar ucapan YAS KP



Pemenang Pertandingan Penulisan Esei Integriti menerima Sijil dan hadiah



Peserta Pertandingan Debat Integriti Piala Dato' Sri KSU KPKT menerima Sijil Penghargaan



Pentauliahan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) JBPM



Bacaan Ayat Suci Al-Quran oleh PgB Luqman bin Ramli



PB Mohd Fauzi bin Jamikah mendeklamasikan sajak bertajuk Integriti Di Hatiku



Program Bicara Integriti berlangsung

4.2. PERTANDINGAN DEBAT INTEGRITI PIALA KETUA SETIAUSAHA KPKT 2018 SEMPERA SAMBUTAN HARI INTEGRITI KPKT

Unit Integriti JBPM telah menguruskan penyertaan Pertandingan Debat Integriti Piala Ketua Setiausaha KPKT 2018 yang dianjurkan oleh Unit Integriti KPKT. Sebanyak 14 pasukan telah layak bertanding termasuklah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia iaitu 2 pasukan yang diuruskan oleh Unit Integriti dan 1 pasukan dari JBPM Negeri Sembilan.

Pasukan yang diketuai oleh PgB Alhafizol Bin Che Ismail, dan ahli pasukan iaitu PgB Mohd Fairu bin Sha'ari, PPgB Mohd Nazrullah bin Abdul Aziz dan PPgB Muhammad Azizulhakim bin Idris telah muncul juara Pertandingan Debat Integriti dan membawa pulang Piala Pusingan.

PPgB Muhammad Azizulhakim bin Idris yang bertugas di JBPM Perlis telah muncul sebagai Pendebat Terbaik.



5. KESIMPULAN

Fungsi teras yang telah diamanahkan kepada Unit Integriti akan digalas dengan sebaiknya dalam menentukan bahawa aktiviti pemantapan tadbir urus dan pematuhan; pengukuhan integriti dan pengurusan aduan; serta tugas pengesanan, pengesahan dan tatatertib seperti yang termaktub dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.6 Tahun 2013, akan dijalankan dengan penuh tanggungjawab dan berintegriti.

Dengan sokongan dan komitmen pengurusan tertinggi dan warga jabatan keseluruhannya, kita percaya jabatan akan dapat mencapai visi yang telah digariskan dan akan dapat mendepani cabaran dengan penuh yakin serta menentukan jati diri warga jabatan tetap kukuh, kental dan ampuh dalam menegakkan prinsip integriti.

Unit Integriti dalam aspek pendisiplinan, pelbagai program-program yang dijalankan adalah bagi mendorong pegawai mengikuti dan mematuhi pelbagai peraturan dan *standard* sehingga penyelewengan dapat dicegah. Aspek-aspek kesedaran tentang kewujudan peraturan-peraturan pendisiplinan dan tatasusila Pegawai Bomba juga telah dibincangkan bersama anggota.

Unit Integriti sentiasa komited untuk memainkan peranan penting untuk memastikan semua pegawai dan kakitangan jabatan mematuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993] serta Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Tatasusila Pegawai Bomba) yang sedang berkuatkuasa seterusnya mendokong visi dan misi jabatan.

Unit Integriti berharap semua pegawai jabatan dapat menghayati dan membudayakan integriti di semua peringkat selaras dengan hasrat YAS Ketua Pengarah untuk menjadikan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebuah organisasi kebombaan dan penyelamatan berprestasi tinggi berteraskan kepada pembudayaan integriti dan tadbir urus yang baik dan mapan.

PROGRAM UNIT PENGESAN

Tajuk	: Lawatan Cawangan Serigala (PULADA) ke Unit Pengesan (K9) JBPM
Tempat	: Unit Pengesan (K9) JBPM
Tarikh	: 26 Julai 2018
Masa	: 09.00 pagi -12.00 tengah hari
Jumlah pegawai terlibat	: 32 orang
Penceramah	: PKPGB Pramnath A/L Hariskisna
Tujuan	: Lawatan sambil belajar dari peserta Kursus Jurulatih Anjing Perang, Cawangan Serigala, Pusat Latihan Tentera Darat (PULADA) untuk mengetahui fungsi dan peranan Unit Pengesan (K9) JBPM.



Tajuk	: Pemeriksaan Kesihatan dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tempat	: Unit Pengesan (K9) JBPM
Tarikh	: 2 oktober 2018
Masa	: 09.30 pagi – 11.30 pagi
Jumlah Pegawai Terlibat	: 14 orang
Tujuan	: Pemeriksaan kesihatan anjing-anjing pengesan bagi tahun 2018



Tajuk	: Temuramah Wartawan dari Dayak Daily Sarawak
Tempat	: Unit Pengesan (K9) JBPM
Tarikh	: 19 Oktober 2018
Masa	: 10.00 pagi – 13.00 petang
Jumlah Pegawai Terlibat	: 12 orang
Tujuan	: Penggambaran dan liputan mengenai peranan dan tanggungjawab Unit Pengesan di dalam media massa Negeri Sarawak.



Tajuk	: Demonstrasi Sempena MAHA Universiti Putra Malaysia
Tempat	: Universiti Putra Malaysia Serdang
Tarikh	: 1 Disember 2018
Masa	: 8.00 pagi – 12.30 tengah hari
Jumlah Pegawai Terlibat	: 4 orang
Tujuan	: Memberi pendedahan tugas dan tanggungjawab Unit Pengesan (K9) JBPM kepada orang awam sambil menjayakan Program Malaysia Agriculture Horticulture and Agrotourism (MAHA) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.



Tajuk	: Penutupan Kursus Pengukuhan Unit Pengesan (K9) Cawangan Zon Borneo - Sarawak
Tempat	: Unit Pengesan (K9) JBPM, Negeri Sarawak
Tarikh	: 2 Disember 2108
Jumlah pegawai terlibat	: 7 Orang
Tujuan	: Penyesuaian membuat pengukuhan dan penilaian terhadap Pemegang (handler) dan Anjing Pengesan



Tajuk : Perasmian Unit Pengesan (K9) Cawangan Sabah
 Tempat : Unit Pengesan (K9), JBPM Negeri Sabah
 Tarikh : 10 Disember 2018
 Jumlah Pegawai Terlibat : 7 orang
 Tujuan : Perasmian Pengoperasian Unit Pengesan (K9) JBPM Cawangan Zon Borneo, Sabah



Tajuk : Taklimat Diet Pemakanan Anjing Pengesan (K9)
 Tempat : Unit Pengesan (K9) Kuala Lumpur
 Tarikh : 12 Disember 2018
 Penceramah : Dr Arkilen
 Tujuan : Penyelarasan diet makanan baru untuk anjing (K9), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



PROGRAM CAWANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

OBJEKTIF


Bertanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan ICT yang lengkap dan mantap yang dapat membantu jabatan menjalankan tugas dan fungsi-fungsinya dengan cekap dan berkesan.

FUNGSI

Merancang, membangun, mengurus dan memantau:

- Strategi-strategi dan dasar ICT Jabatan
- Rangkaian Local Area Network (LAN) dan Wide Area Network (WAN) JBPM
- Sistem aplikasi
- Laman web rasmi JBPM
- Emel rasmi JBPM
- Perolehan ICT
- Operasi harian dan keselamatan pusat data
- Keselamatan ICT
- Penyelenggaraan ICT
- Bantuan teknikal dan khidmat nasihat berkaitan ICT kepada pengguna
- Program latihan dan pembudayaan ICT secara berterusan

CARTA ORGANISASI CAWANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



**MAKLUMAT PERINCIAN PRESTASI PENCAPAIAN DAN PELAKSANAAN LATIHAN/KURSUS
BAHAGIAN/UNIT JBPM SERTA PERBELANJAAN TAHUN 2018**

Bil	Nama Kursus	Bahagian / Unit	Bilangan Peserta	Tempat Kursus	Cadangan Tarikh Kursus
1	Kursus Reka Bentuk Grafik (Adobe Illustrator)	Cawangan Teknologi Maklumat	10	Bilik Mesyuarat Anggerik, Bahagian Latihan	17 - 19 April 2018
2	Kursus Reka Bentuk Penerbitan (Adobe Photoshop)		30	Kolej Komuniti Pasir Gudang, Johor	2 - 3 Oktober 2018
3	Kursus Video Editing		5	Makmal ICT Aras 4, Cawangan Teknologi Maklumat	22 - 24 Oktober 2018
4	Kursus Teknik Kreatif Persembahan		30	Politeknik Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang	29 - 30 Oktober 2018
	Microsoft Access Advance		30	Politeknik Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang	24 - 25 September 2018
5	Bengkel Semakan Dasar Agihan ICT		16	JBPM Zon langkawi	2 - 3 Mei 2018
6	Bengkel Semakan Dasar Keselamatan ICT	30	Makmal ICT Aras 4, Cawangan Teknologi Maklumat	7 - 8 November 2018	



PROGRAM UTAMA JABATAN

LAPORAN TAHUNAN 2018
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

MAJLIS PERBARISAN TAHUNAN 2018

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

18 Januari 2018



Majlis Anugerah

PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2017

PERINGKAT IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

30 Januari 2018



KEJOHANAN BOLA TAMPAR PIALA YAS KETUA PENGARAH

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

4 Februari 2018



Majlis Perasmian BBP AYER TAWAR JBPM NEGERI PERAK

5 Mac 2018



PERHIMPUNAN BULANAN BULAN FEBRUARI 2018

IBU PEJABAT, JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

20 Februari 2018



PROGRAM "EXECUTIVE TALK"

BERSAMA YAS KETUA PENGARAH JBPM
DI PANGKALAN UDARA JBPM SUBANG

23 Mac 2018



INTERNATIONAL FIRE CONFERENCE AND EXHIBITION MALAYSIA 2018

27 Mac 2018



MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT KEHORMAT
KEPADA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU OLEH
KETUA PENGARAH, JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA

12 April 2018



LAWATAN KE RAPID DAN DIALOG, PENGERANG, JOHOR

5 April 2018



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BULAN APRIL 2018

IBU PEJABAT, JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

12 April 2018



PENGANUGERAHAN PANGKAT KEHORMAT, TAMAT LATIHAN DAN MoU UTHM

16 April 2018



Majlis Penganugerahan
PINGAT KEBESARAN DAN PANGKAT KEHORMAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
 18 April 2018



MAJLIS PERASMIAN
BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT SERI MENANTI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
 24 April 2018



MAJLIS PEMAKAIAN TANDA PANGKAT Ketua PENGARAH

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

11 Jun 2018



MAJLIS HORMAT PANGLIWA Ketua PENGARAH

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

12 Jun 2018



Mengadap

DULI YANG MAHA MULIA YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN TUANKU MUHRIZ IBNI ALMARHUM TUANKU MUNAWIR

20 Jun 2018



MAJLIS PERASMIAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BUKIT ANGIN, TEMERLOH, PAHANG DARUL MAKMUR

28 Jun 2018



LAWATAN KERJA YAS KETUA PENGARAH

29 Jun 2018



MAJLIS PENGANUGERAHAN PANGKAT KEHORMAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
KEPADA YB MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN SERTA PENGURUSAN TERTINGGI KPKT

11 Julai 2018



SAMBUTAN HARI ANGGOTA BOMBA SEDUNIA TAHUN 2018

14 Julai 2018



PERBARISAN TAMAT
LATIHAN KURSUS SIJIL
SAINS KEBOMBAAN
SIRI 1/2018
AKADEMI BOMBA DAN
PENYELAMAT MALAYSIA
WILAYAH TIMUR
22 Julai 2018



MESS NITE 2018

27 Julai 2018



SUKAN BOMBA MALAYSIA

3 Ogos 2018

TAHUN 2018 (MELAKA)



PERHIMPUNAN BULANAN BULAN OGOS 2018 IBU PEJABAT, JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

17 Ogos 2018



“BREAKFAST TALK INTEGRITI”


JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
DENGAN KERJASAMA INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

28 Ogos 2018



SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN TAHUN 2018

31 Ogos 2018



**PENYERAHAN BENDERA KONTINJEN
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA KE
WORLD FIREFIGHTERS GAMES 2018 CHUNGJU, KOREA**

3 September 2018



MAJLIS NOTA SERAH TUGAS

PENGAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PERLIS

4 September 2018



**KEJOHANAN BOLASEPAK PIALA KETUA PENGARAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM) TAHUN 2018**

22 - 23 September 2018



**MAJLIS PENTAULIAHAN KOR SISWA BOMBA
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)**

24 September 2018



ISTIADAT MENGARAK PANJI-PANJI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA YANG DI-PERTUAN AGONG

12 September 2018



MAJLIS PENGANUGERAHAN PANGKAT KEHORMAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA KEPADA YBM TIMBALAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

26 September 2018



MAJLIS TAMAT LATIHAN KURSUS DIPLOMA SAINS KEBOMBAAN (KDSK) GRED KB29 SIRI 1/2018

27 September 2018



MAJLIS PERASMIAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT KIJAL, KEMAMAN

JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT MALAYSIA, NEGERI
TERENGGANU

30 September 2018





MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN PERTANDINGAN KAWAD KECEKAPAN PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-20 TAHUN 2018 DI AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA WILAYAH TIMUR, MARANG TERENGGANU

4 Oktober 2018



KUNJUNGAN HORMAT KETUA PENGARAH, JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA KE ATAS KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
12 Oktober 2018



KEJOHANAN SUKAN EMPAT PENJURU (SUKEP) KALI KE X TAHUN 2018 21 Oktober 2018



Kunjungan Hormat Ketua Pengarah
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA KE ATAS KETUA SETIAUSAHA NEGARA

16 Oktober 2018



MAJLIS PENGHARGAAN WIRA MERAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
24 Oktober 2018



SAMBUTAN HARI INOVASI TAHUN 2018 DI PULAU PINANG

27 Oktober 2018



**BENGGEL PENYEDIAAN KONTRAK
SENGGARAAN DUA (2) UNIT
HELIKOPTER AW189**
30 Oktober 2018



**KUNJUNGAN HORMAT KETUA PENGARAH,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
KE ATAS KETUA POLIS NEGARA**

9 November 2018



"CEPAT DAN MESRA"



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRESINT 7, 62250 PUTRAJAYA.**

No. Tel : 03-8892 7600

No. Faks : 03-8888 0840

E-mel : korporat.bomba@1govuc.gov.my

Laman Web : www.bomba.gov.my